

MENELUSURI PUITIKA SASTERA WANITA DALAM NOVEL NEGARA SERUMPUN

Oleh

Prof. Madya Dr. Norhayati Ab. Rahman

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

PENDAHULUAN

1.0. Konsep Kesusasteraan Bandingan

Kesusasteraan Bandingan merupakan satu disiplin dalam pengkajian kesusasteraan, khususnya dalam bidang kritikan. Istilah 'kesusasteraan bandingan' adalah terjemahan perkataan *comparative literature* daripada bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris pula meminjam istilah tersebut daripada bahasa Perancis, apabila Matthew Arnold menterjemahkan karya Jean Jacques Ampere berjudul *Historie de la litterature francaise ou moyen age comparee aux litteratures etrangeres* (1841) ke dalam bahasa Inggeris pada tahun 1848 dengan menggunakan istilah *historie comparative*. Matthew Arnold merupakan sarjana Inggeris pertama yang menggunakan istilah "comparative". Ini kerana sebelumnya orang Perancis menggunakan istilah *litterature comparee* yang dikemukakan oleh Abel Francois Villemain pada tahun 1829.

Disiplin ilmu Kesusasteraan Bandingan telah dipelopori oleh para penulis Perancis seperti Fernand Baldensperger, Guyard, Paul Hazard, Jean-Marie Carre, dan Paul Van Tieghem. Disiplin ini mulai tumbuh dan berkembang di ranah Perancis dengan menampilkan tokoh-tokoh dari negara tersebut dan negara-negara di sekitarnya, sebelum kemudian telah melebarkan sayapnya dengan berkembang pesat di Amerika Syarikat, dan seterusnya melebar dengan lebih luas apabila keluar dari lingkungan induk Eropah dengan merentasi benua India, Jepun, Asia Tenggara dan juga Amerika Selatan. Walau bagaimanapun, konsepnya tidak bersifat seragam antara satu negara dengan negara yang lain. Secara umumnya, perkembangan Kesusasteraan Bandingan telah mewujudkan dua aliran utama, iaitu aliran Perancis (lama) atau lebih dikenali sebagai mazhab Perancis dan aliran Amerika (baru) atau lebih dikenali juga sebagai mazhab Amerika.

Untuk lebih memahami apakah yang dimaksudkan dengan Kesusasteraan Bandingan, pembacaan harus bermula dengan pemahaman terhadap konsep disiplin itu sendiri. Untuk itu, perlulah pula memasuki ke ruang pentakrifan atau pendefiniasian yang akan mengkonsepsikan pemahaman kita terhadap Kesusasteraan Bandingan. Takrif dan konsep Kesusasteraan Bandingan adalah bersifat rencam dan pelbagai. Namun begitu, antara yang sering dibincangkan dan dipetik oleh para pengkaji Kesusasteraan Bandingan adalah seperti yang dikemukakan oleh H.M.Posnet¹, M. Gaston Paris, Joseph Texte, Wellek dan Warren. Misalnya H.M.Posnet (1886), iaitu seorang sarjana Perancis yang paling awal mentafsirkan Kesusasteraan Bandingan, menyebutnya sebagai:

“the study of the internal sources of national development, especially the internal social and physical factors and their effects on the development of national literature”.

Dalam konteks pentakrifan di atas, Posnet memperlihatkan sastera sebagai hasil seni yang wujud daripada tekanan ekstrinsik, iaitu tekanan-tekanan sosial dan fizikal yang terdapat di dalam sesebuah negara. Karya sastera yang dihasilkan oleh pengarang, adalah berkaitan dengan situasi yang berlaku dalam masyarakat dan negaranya. Dalam konteks ini, penekanan terhadap apa yang dinamakan sebagai Kesusasteraan Bandingan adalah didasarkan aspek perkembangan sastera sesebuah negara yang dipengaruhi oleh situasi sosial dan fizikal dalam negara tersebut. Penumpuannya juga hanya kepada sebuah negara tertentu sahaja (tanpa melibatkan negara lain) dan tidak ada sebutan khusus tentang istilah ‘bandingan’ dalam pentakrifan oleh Posnet di atas.

Selain itu, M. Gaston Paris pula menyatakan Kesusasteraan Bandingan itu sebagai;

“the comparison of subjects and forms in the literature of different peoples, the seeking out of points of contact of different orders of works and discovery beneath individual and national characteristics of certain common and international elements”.

Bagi Paris, aspek penting dalam Kesusasteraan Bandingan adalah perbandingan subjek dan bentuk kesusasteraan dari kelompok yang berlainan, mencari titik hubungan dalam pelbagai karya yang berbeza dan penemuan ciri-ciri individu dalam konteks nasional dan

¹ Hutcheson Macaulay Posnett adalah seorang peguam dan sarjana Ireland-New Zealand yang merupakan perintis dalam bidang sastera perbandingan. Beliau dilahirkan di Dublin, Ireland dan berkelulusan dari Trinity College di bandar itu. Buku beliau ialah *Comparative Literature* (1886).

antarabangsa (dalam dan luar negara). Maksudnya, konsep Kesusasteraan Bandingan tidak terhad hanya pada kajian terhadap kesusasteraan satu-satu daerah tertentu sahaja, tetapi turut melibatkan kesusasteraan yang tidak terbatas pada lingkungan geografis. Di samping itu, Paris juga menekankan peri pentingnya mencari kesan-kesan pengaruh mempengaruhi dan aspek keselarian antara karya sastera dari negara-negara yang berbeza. Dalam konteks tersebut, terdapat unsur-unsur persamaan dan perbezaan antara karya sastera seorang pengarang dengan pengarang lain dari sebuah negara dengan negara yang lain. Persamaan dan perbezaan tersebut dapat dilihat, terutamanya dari segi kualiti keindahan, pemikiran, simbolisme dan lain-lain elemen sastera. Pentakrifan ini sudah mulai menyebut dengan jelas istilah 'comparison' yang menunjukkan teras dalam disiplin ini, iaitu perlunya ada 'perbandingan'.

Seterusnya, percubaan untuk memkonsepsikan ruang lingkup Kesusasteraan Bandingan turut diberikan oleh Joseph Texte² yang menyebut Kesusasteraan Bandingan sebagai;

study of the cross fertilizations and contacts between single literatures which he considered as a sub-species of the whole literature of humanity, or of their evolutions and mutations.

Takrifan ini lebih menekankan kajian secara biologis dan memerlukan teori-teori evolusi. Ia berhubung dengan 'persenyawaan silang' dan hubungan antara sastera sebagai sub-spesies daripada keseluruhan aspek kemanusiaan atau perubahan struktur genetic yang menghasilkan bentuk-bentuk baharu. Takrifan ini dilihat agak kabur dan sukar untuk dijelaskan, justeru didapati paling kurang popular dalam pembicaraan subjek Kesusasteraan Bandingan.

Seterusnya dalam mazhab baharu (mazhab Amerika) Wellek dan Warren pula menafsir Kesusasteraan Bandingan sebagai:

the study on literature in its totality..its aim being to trace the growth and development of literature without regard to linguistic distinctions.

² Pada tahun 1896 Joseph Texte memegang ketua pertama jurusan Kesusasteraan Bandingan di Perancis, di Lyons. Karya-karya beliau, khususnya tesis kedoktorannya, "Jean-Jacques Rousseau and the origins of literary cosmopolitanism, Studies on the literary relations of France and England in the 18th century" (1895) diilhamkan oleh semangat kosmopolitan. Bersama-sama dengan Fernand Baldensperger, beliau meletakkan asas bagi kajian perbandingan di Perancis.

Pandangan ini menyebut Kesusasteraan Bandingan sebagai kajian mengenai kesusasteraan secara keseluruhannya, yang bertujuan untuk mengesan pertumbuhan dan perkembangan sastera tanpa mengambil kira perbezaan linguistic (bahasa). Maksudnya kajian sastera bandingan boleh membandingkan apa sahaja aspek kesusasteraan, walaupun oleh sesebuah karya yang dihasilkan dalam bahasa yang berlainan. Pandangan ini didapati telah membuka ruang perbandingan secara lebih meluas dengan keperluan memasukkan juga karya-karya dari dalam atau luar negara, termasuk yang ditulis dalam bahasa yang berlainan.

Perbincangan konsep selanjutnya dilakukan oleh Henry Remak yang menyatakan Kesusasteraan Bandingan sebagai;

Comparative literature is the comparison of one literature with another or others, and the comparison of literature with spheres of human expression.

Remak menyebut Kesusasteraan Bandingan adalah perbandingan antara satu sastera dengan sastera yang lain atau dan boleh juga perbandingan sastera dengan pelbagai bentuk dan ruang ekspresi manusia yang lain (multi-disiplin). Takrifan ini telah melebarkan lagi konsep atau ruang lingkup Kesusasteraan Bandingan apabila membolehkan bersifat multi-disiplin. Dengan perkataan lain, perbandingan boleh juga dilakukan antara karya sastera dengan pelbagai jenis dan bentuk ungkapan lain seperti seni (muzik, seni bina, seni ukir, seni lukis, filem, teater, dan lain-lain), falsafah, sejarah, sains sosial (politik, ekonomi, sosiologi), sains, agama dan lain-lain. Pendekata, ia merangkumi perbandingan sastera dengan apa sahaja bentuk komunikasi verbal dan nonverbal, untuk menyampaikan maklumat sosial antara manusia.

Turut memeriahkan perbincangan ilmiah tentang konsep Kesusasteraan Bandingan ialah Lucila Hosillos, yang berpendapat bahawa:

Comparative literature is the study of literature in all its aspects and relation in spatial-temporal contexts and perspectives.

Takrifan ini mengemukakan tanggapan yang lebih bersifat menyeluruh, tanpa menentukan ruang yang harus menjadi bahan penyelidikan dalam kajian Kesusasteraan Bandingan. Sebaliknya menggariskan bahawa Kesusasteraan Bandingan adalah kajian sastera dalam semua aspek dan hubungannya dalam konteks dan perspektif ruang dan waktu

(spasial-temporal). Oleh itu, segala sesuatu tentang sastera adalah termasuk dalam bidang Kesusasteraan Bandingan.

Berdasarkan berbagai-bagai definisi dan takrif atau pengertian yang diberi untuk mentafsirkan maksud dan konsep Kesusasteraan Bandingan di atas, dapat dirumuskan bahawa Kesusasteraan Bandingan itu merangkumi beberapa perkara penting, iaitu;

- i) kajian sastera dengan sastera di luar batas sesebuah negara.
- ii) kajian tentang hubungan antara sastera dengan pelbagai bidang daripada disiplin ilmu lain seperti bidang seni (seni lukis, seni musik, seni bina, seni ukir), falsafah, sejarah, sains sosial (politik, ekonomi, sosiologi), sains, agama dan lain-lain.

Dengan perkataan lain, Kesusasteraan Bandingan adalah 'membandingkan sastera di dalam sesebuah negara atau sastera sesebuah negara dengan sastera negara lain', dan juga 'membandingkan sastera dengan bidang lain sebagai ungkapan kehidupan'. Ini bermaksud, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua bahagian utama pada pengertian yg diberikan, iaitu pertama, sebagai kajian sastera di luar batasan sesebuah negara, dan kedua ialah hubungan antara sastera dengan disiplin-disiplin ilmu yang lain.

Pada bahagian pertama di atas, kedua-dua aliran (Perancis dan Amerika) bersetuju dengan pentakrifan ini, tetapi terdapat perbezaan penerimaan pada bahagian yang kedua. Mazhab Perancis menyatakan, kajian hubungan antara sastera dengan bidang disiplin ilmu lain ialah seni perbandingan, bukannya Kesusasteraan Bandingan. Pandangan ini adalah bercanggah dengan mazhab Amerika yang berpegang kuat kepada kenyataan tersebut. Aliran Perancis cenderung menyokong hal-hal yang dapat diselesaikan berdasarkan bukti-bukti yang konkrit. Walau bagaimanapun, percanggahan tersebut, menyebabkan konsep Kesusasteraan Bandingan terbahagi kepada dua aliran utama, iaitu dengan mengambilkira apa yang dipersetujui oleh aliran Perancis dan Amerika. Perbezaan pandangan antara kedua-dua aliran ini juga dapat memantapkan lagi disiplin Kesusasteraan Bandingan.

Oleh itu, dalam memperkatakan tentang konsep Kesusasteraan Bandingan, jelas wujud dua fahaman yang dikenali sebagai Mazhab Perancis (mazhab lama) dan Mazhab Amerika (mazhab baru). Kedua-dua konsep atau aliran di atas amat popular dalam

kalangan para pengkaji awal dahulu, kerana ia meletakkan satu garis kasar yang nyata terhadap ruang atau daerah yang hendak diterokai dan dikaji. Selain itu, terdapat satu lagi konsep (konsep ketiga) yang kurang popular, iaitu yang amat banyak memerlukan hujah dan teori untuk memantapkan sesuatu persoalan, iaitu memberi identiti terhadap sastera bandingan dengan sastera dunia dan sastera umum dalam bidang kajian kesusasteraan secara total; maksudnya bentuk klasik, moden, lisan atau tulisan. Konsep berdasarkan pengkelasan atau pengkategorian ini dikatakan sulit untuk dipraktikkan, justeru Wellek dan Warren juga menolak konsep ini kerana sifatnya yg mengelirukan. Konsep ketiga ini tidak mendapat sambutan dan sehingga kini, konsep yang popular adalah konsep yang pertama dan kedua.

Mazhab Amerika lebih menekankan bahagian kedua serta menggalakkan penyelidik/ pengkaji KB melakukan kajian di bahagian ini, iaitu membandingkan di antara sastera dengan bidang-bidang lain. Mazhab ini juga, terutamanya oleh Wellek dan Warren menekankan perbezaan antara sastera nasional, sastera dunia dengan sastera umum. Tokoh-tokoh seperti Rene Wellek, Austin Warren berpendapat, sastera nasional merupakan kajian dalaman satu lingkungan terbatas, sedangkan Kesusasteraan Bandingan perlu menerobos keluar daripada batas mandala tersebut. Wellek dan Warren juga memberi garis kasar sebagai pecahan mengenai kebiasaan praktikal para pengkaji (comparatists) pada disiplin ini, iaitu sastera bandingan bertolak dengan kajian sastera lisan sesuatu kelompok masyarakat, terutama yang mengkhusus tentang tema dan perubahan arah perkembangan cerita-cerita itu diterima sebagai sesuatu yang bersifat akademik dan ada nilai sasteranya. Secara tidak langsung, ia mengkaji tahap atau darjat tamadun kelompok yang memiliki sastera lisan itu sendiri. Kajian ini boleh juga dijalankan dalam satu lingkungan sastera nasional sahaja, misalnya cerita-cerita lipurlara dalam sastera Melayu atau cerita-cerita rakyat pada satu daerah geografi tertentu dan sebagainya. Oleh itu, seseorang memerlukan kemantapan dari segi sastera nasional sebelum melangkah ke arena Kesusasteraan Bandingan. Sastera nasional juga diberi peluang untuk meletakkan dirinya dalam lingkungan sastera dunia dengan fungsi dan kriteria tertentu.

Seorang pengkaji yang mengikuti pertumbuhan dan perkembangan sastera bandingan di Eropah dan Amerika telah membuat beberapa catatan penting tentang disiplin ini selepas 75 tahun pertumbuhannya. Secara tidak langsung, ia mengkaji tahap atau darjat tamadun kelompok yang memiliki sastera lisan itu sendiri. Antara pendapat beliau ialah, pembanding Amerika (dari mazhab baru) bersikap lebih terbuka dan berkemampuan melihat sesuatu persoalan sastera dengan skop yang lebih luas dan membina. Tapi dalam Kesusasteraan Bandingan, pengkritik harus mengikuti saranan Alexander Pope yang menyatakan: "A perfect judge will read each work of art with the same spirit that its author writes". Ini bermaksud, seorang pengkaji sastera bandingan itu juga harus berfungsi sebagai seorang pengkritik.

Kesusasteraan Bandingan merupakan satu disiplin kesusasteraan yang telah mendapat tempat di hati pengkaji dan peminat sastera di Malaysia dan negara-negara serumpun, memandangkan Kesusasteraan Bandingan merupakan satu konsep dan disiplin yang penting dan berpengaruh dalam pengkajian kesusasteraan masa kini. Kesusasteraan Bandingan merupakan disiplin ilmu yang amat berfaedah kepada bangsa bagi membolehkan masyarakat memahami tradisi sastera sesama kita, juga tradisi sastera bangsa-bangsa di dunia secara sistematis, di samping membolehkan kita berpandangan kosmopolitan dan sarwajagat, serta mempertajam sensitiviti kita terhadap sastera dan budaya, di samping memahami dan menghargai perhubungan antara sastera dengan seni-seni lain dan disiplin-disiplin lain secara sistematis. Malaysia sebagai sebuah negara dan rakyatnya sebagai satu bangsa, perlu mendalami, memahami, dan menghargai tradisi bangsa-bangsa lain, dan pada masa yang sama mengangkat kedudukan sastera Malaysia sebagai warga sastera dunia yang berwibawa.

1.1. Konsep Puitika Sastera Wanita

Puitika merujuk kepada konsep dan prinsip dasar yang menjadi landasan kepada pemikiran dan penciptaan sastera. Menurut Todorov dalam bukunya *Introduction to Poetics* (1981), terdapat dua tanggapan yang berbeza untuk memahami konsep puitika. Pertama, melihat kepada teks itu sendiri sebagai objek ilmu (*object of knowledge*). Dalam konteks ini, karya dilihat sebagai objek dasar dan unik, yang boleh diberi pelbagai

interpretasi. Kedua, menimbang setiap teks sebagai suatu gambaran struktur yang abstrak. Walau bagaimanapun, pertimbangan ini tidak lagi terarah kepada menghuraikan karya, memberi makna pada karya, tetapi lebih kepada melihat teks sebagai sebuah produk. Menurut beliau lagi, puitika memerlukan pemahaman yang sistematik terhadap wacana sastera sebagai suatu kefahaman ke atas ungkapan pengarang. Puitika juga disebut sebagai *the science of literature*, iaitu sebagai menandakan a concern with coherence of the body of knowledge and the principles of knowing that constitute literary study (1981, p.ix). Seterusnya dalam membincangkan *poetics*, Todorov memberi penekanan kepada tiga aspek utama tentang teks yang harus dipertimbangkan, iaitu terhadap makna kata, cara berbahasa dan susunan ayat-ayat (*the semantic, the verbal and the syntactic*).

Konsep puitika juga telah dibincangkan secara terperinci oleh Muhammad Haji Salleh dalam bukunya *Puitika Sastera Melayu* (2000). Beliau melihat puitika sastera sebagai suatu percubaan yang menyeluruh untuk melihat konsep dan prinsip-prinsip dasar yang menjadi landasan kepada pemikiran serta penciptaan sastera. Muhammad memulakan perbincangan tentang puitika dengan memberi makna kepada kata-kata dasar, konsep teks (fungsi karya sastera), genre, pengarang, bahasa estetika dan khalayak sastera Melayu. Berdasarkan pemahaman ini, putika sastera memperlihatkan himpunan soal-soal konsep, cara berfikir, kosmologi, agama, perasaan, bahasa, estetika, pandangan terhadap kesenian, serta hubungannya dengan bangsa dan budaya.

Pembicaraan tentang wanita dalam sastera seringkali menjurus kepada melihat wanita sebagai bahan penceritaan, sama ada oleh pengarang lelaki mahupun wanita. Pemerian watak wanita dalam karya sastera oleh pengarang lelaki dan wanita dikatakan berbeza. Berdasarkan hasil-hasil kajian, pengarang lelaki dikatakan cenderung untuk memberikan gambaran yang tidak tepat mengenai wanita. Ketidaktepatan itu berlaku kerana wujudnya salah faham dan misrepresentation tentang wanita oleh pengarang lelaki. Kemunculan para pengkritik feminis adalah untuk menggunakan kepintaran mereka bagi mendekonstruksikan cara melihat wanita mengikut pandangan lelaki. Perbincangan awal tentang persoalan ini telah dilakukan oleh Simone De Beauvoir dalam *The Second Sex* (1949) yang memperkatakan tentang wujudnya ketidaksamaan umum

yang ditentukan oleh seks, kebudayaan, dan sejarah. Beliau melihat bahawa wanita telah dijadikan dengan sifat-sifat rendah diri dan tekanan ini berlipat ganda kerana lelaki beranggapan sifat sedemikian memang wujud secara semula jadi. Beliau menyebut tentang lima faktor utama dalam perbincangan tentang ketidaksamaan tersebut, iaitu biologi, pengalaman, wacana, pengalaman tidak sedar dan keadaan sosioekonomi. Faktor biologi misalnya, dianggap sebagai asas pengabaian sosialisasi yang telah digunakan oleh lelaki terutama untuk mengekalkan kedudukan wanita di 'tempat' mereka. Bagi mereka, jika tubuh seseorang wanita itu adalah takdirnya, maka segala soalan tentang peranan jantina yang ditetapkan akan mematuhi tatacara hidup semula jadi (nature). Sikap ini merumuskan bahawa 'wanita hanyalah rahim semata-mata' (*women is nothing but womb*).

Pada lewat tahun 1960-an, lahir dua buah buku yang mengemukakan saranan untuk membaca semula (*rereading*) teks-teks karya pengarang lelaki untuk melihat penampilan wanita secara lebih kritis. Mary Ellmann dalam *Thinking About Women* (1968) membincangkan pemikiran tentang wanita oleh kebanyakan pengarang lelaki dan mengkritik penampilan serta tanggapan stereotaip mereka terhadap wanita. Secara umumnya, gambaran terhadap watak wanita disimpulkan sebagai formless, passive, unstable, confined, pious, materialistic, spiritual, irrational, compliant. Ellmann juga mengidentifikasi tulisan wanita dengan gaya sastera tertentu. Beliau menganggap pengarang wanita sering menampilkan perspektif yang berlainan daripada pengarang lelaki, iaitu dengan mengabaikan kepastian penghakiman dan ketepatan fokus.

Perkembangan feminisme moden berada pada tahap penting dengan kehadiran Kate Millett dengan bukunya *Sexual Politics* (1969). Beliau menggunakan istilah *patriarchy* untuk menggambarkan sebab-sebab berlakunya penindasan terhadap wanita. Millett mentafsirkan patriarki sebagai ...*female is controlled by that half which is male, elder male shall dominate younger* (1969, p.25). Beliau juga mendedahkan gambaran seksual yang menindas yang ditemui dalam karya-karya ciptaan lelaki. Pandangan Millett disokong oleh Shulamith Firestone dalam *The Dialectic of Sex* (1972) yang mengengahkan teori perbezaan biologis di antara lelaki dan wanita untuk menjelaskan sexism (hubungan sosial dengan lelaki merendahkan wanita). Tujuannya adalah untuk

menjelaskan kepada rakan-rakan Marxisnya bahawa konflik gender adalah konflik yang paling dasar daripada seluruh konflik manusia, termasuk sebab-musabab konflik kelas.

Seterusnya Nancy Chodorow dalam *The Reproducing of Mothering* (1978) menampilkan teori 'keibuan' (mothering), iaitu tentang wujudnya unsur psikologi dalaman pada diri wanita yang membuat mereka secara sukarela melaksanakan kepercayaan masyarakat tentang peranan wanita dan menerima andaian-andaian tentang kekurangan wanita. Michele Barrett dalam *Women's Oppression Today: Problems in Marxist Feminist Analysis* (1980) pula berpendapat bahawa pengertian patriarki yang digunakan oleh Millett dan Firestone adalah tanpa mengaitkannya dengan asal usul dan variasi sejarah. Menurutnya, dalam hal tersebut beberapa unsur harus dihubungkan, iaitu organisasi rumahtangga yang bersifat ekonomi dan ideologi 'kekeluargaan' yang mengiringinya. Keadaan ini menyerlahkan pembahagian kerja dalam sistem ekonomi, sistem pendidikan negara, proses budaya dengan lelaki dan wanita digambarkan secara terpisah dan ciri pengenalan genus serta hubungan di antara reproduksi seksual dan biologi.

Kemunculan beberapa feminis radikal seperti Mary Ellmann, Mary Daly, dan Kate Millett memberikan idea yang sebaliknya tentang wanita. Mereka memuja ciri-ciri biologi wanita sebagai sumber kelebihan atau kekuatan (superior) dan bukanlah sebagai suatu kekurangan atau kelemahan (inferior). Ellmann misalnya, menganggap telur wanita sebagai berani, bebas, individualistic dan bukannya apathetic, manakala benih lelaki sebagai pak turut, penakut dan bukannya enthusiastic (Selden, 1993, p.203-204). Mereka juga menegaskan bahawa wanita mempunyai pengalaman yang khusus sebagai sumber bagi sifat-sifat wanita yang positif dalam kehidupan dan dalam seni. Berdasarkan alasan tersebut, mereka beranggapan hanya wanita yang mempunyai pengalaman khusus sebagai wanita (seperti didatangi haid, mengandung dan bersalin). Oleh itu, hanya wanita yang wajar berbicara tentang dunia kehidupan wanita. Ketidaksamaan pengalaman wanita juga meliputi perbezaan persepsi dan kehidupan emosi. Wanita dikatakan tidak melihat sesuatu perkara dengan cara yang sama dengan lelaki, malah mereka mempunyai fikiran dan perasaan yang berlainan tentang sesuatu yang penting dan sebaliknya (ibid, p. 211). Kajian tentang perbezaan gambaran dalam karya-karya sastera hasil penulisan wanita ini disebut sebagai ginokritik (*gynocritics*). Tulisan awal yang

mencerminkan aplikasi teori ginokritik yang berkesan ialah seperti yang dilakukan oleh Mary Ellmann, diikuti oleh Virginia Woolf, dan seterusnya dikembangkan oleh Elaine Showalter sebagai teori dan kaedah bacaan melalui tulisan-tulisannya.

1.2. Teori Ginokritik sebagai Alternatif membaca Karya Pengarang Wanita

Gynocriticism telah digagaskan oleh Elaine Showalter sebagai satu kaedah khusus yang digunakan untuk membincangkan karya-karya tentang wanita yang dihasilkan oleh wanita. Menurut Showalter, *gynocritics is more self-contained and experimental, with connections to other modes of new feminist research* (1987, p. 237). Selain itu, ditegaskan juga bahawa *gynocritics is related to feminist research in history, anthropology, psychology and sociology, all of which have developed hypotheses of a female subculture* (ibid, p.238). Menurut pendapat Showalter, kehadiran feminisme dalam sastera tidak memadai dengan hanya memasukkan karya-karya wanita ke dalam sukatan pengajaran. Sebaliknya yang lebih penting dan perlu ditekankan ialah defamiliarization of masculinity, iaitu dengan menumpukan kepada suatu kaedah kritis yang melihat perbezaan seks dan jantina. Dalam hal ini, penekanan diberikan terhadap kaedah dan tradisi pembacaan. Daripada konsep yang melihat perbezaan seks dan jantina ini, lahirlah dua kaedah kritikan yang disebut sebagai kritik feminis (*feminist critique*) dan ginokritik (*gynocriticism*). Kritik feminis menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pembaca karya-karya yang dihasilkan oleh lelaki, atau karya yang dihasilkan oleh wanita tetapi dalam sistem penandaan lelaki. Sementara ginokritik pula menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pengarang, iaitu wanita sebagai penghasil maksud tekstual.

Pendekatan ginokritik ini menarik perhatian pengkritik kepada persoalan sejarah, genre, tema dan struktur yang terhasil dalam karya-karya yang ditulis oleh wanita, berdasarkan kreativiti dan pengalaman wanita. Pembicaraan ini juga merangkumi persoalan linguistik dan usaha-usaha membina 'bahasa wanita', di samping melihat kepada perhubungan di antara kerjaya seseorang pengarang wanita dengan aspirasi wanita secara kolektif. Bagi Showalter, selama ini para pengkritik hanya bergantung kepada model androsentrik yang disebutnya sebagai teori kritikan lelaki (*male critical*

theory). Dalam teori tersebut, konsep kreativiti, sejarah sastera, interpretasi kesusasteraan hanya didasarkan kepada pengalaman lelaki dan menjadikannya sebagai isu sejagat (1982,p.13). Showalter berpendapat androsentrik (*androcentric models*) dalam proses kreativiti telah memberi kesan yang tidak seimbang kepada wanita dan menegaskan bahawa wanita tidak mempelajari sesuatu yang baru darinya. Bertitik tolak daripada rasa tidak puas hati tersebut, beliau bangkit untuk membetulkan sikap dan tanggapan masyarakat terhadap watak-watak wanita yang dilukiskan dalam hasil-hasil kesusasteraan selama ini. Untuk tujuan tersebut, Showalter mencadangkan satu alternatif yang boleh digunakan sebagai kaedah penelitian sastera wanita.

Bagi para pengkritik feminis, mereka berasa perlunya satu bentuk wacana kesusasteraan wanita yang mencakupi persoalan ras, gender, kuasa, kelas dan penindasan. Hal ini akan melibatkan dua perkara utama, iaitu orientasi baru terhadap pendekatan sastera daripada kaca mata wanita dan kajian terhadap kesusasteraan wanita. Ini disebabkan kerana para feminis mendapati bahawa selama ini pengalaman kebanyakan wanita telah disusun oleh lelaki dan untuk lelaki, manakala kehadiran wanita hanya sebagai tempelan atau pelengkap cerita. Selain daripada itu, mereka juga menentang tradisi kritikan kesusasteraan kerana selama ini kajian kesusasteraan hanya dilakukan ke atas karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang lelaki. Virginia Woolf dalam esainya "Women and Fiction" membuktikan bahawa tradisi kritikan itu sepatutnya sudah dirombak, memandangkan perkembangan wanita yang telah berubah. Woolf berpendapat bahawa golongan wanita telah memperlihatkan perubahan dan peningkatan yang ketara baik dalam kehidupan seharian, mahupun dalam karya-karya yang dihasilkan. Penulisan wanita dikatakan tidak lagi berlandaskan emosi, sebaliknya bersifat intelektual dan politikal. Menurut beliau lagi, wanita sekarang boleh menulis sebagai wanita, untuk wanita dan tentang wanita yang belum pernah ditulis sebelumnya. Oleh kerana itu untuk melihat dan menilainya, memerlukan suatu pendekatan baru yang lebih sesuai, lebih relevan dan lebih bertepatan dengan perkembangan tersebut. Sebagai menyahut seruan dan keperluan tersebut, teori ginokritik dikemukakan oleh Showalter dengan empat model utama untuk dijadikan sebagai panduan penelitian. Keempat-empat model yang diperkenalkan oleh Showalter dalam kaedah bacaan ginokritik ini memberikan tumpuan khusus kepada wanita sebagai penghasil teks. Dengan cara ini,

perhatian dapat diberikan sepenuhnya kepada segala aspek yang terangkum dalam 'dunia wanita' yang digarap oleh pengarang wanita sendiri. Selain dapat memberikan lebih kefahaman terhadap dunia wanita sebenarnya, kaedah bacaan ini juga dapat diterima sebagai satu wacana baru dalam memperkatakan wanita sebagai pencipta teks-teks kesusasteraan.

Kritikan feminis muncul sebagai satu cabang disiplin dalam ilmu kritikan sastera untuk mengimbangkan teori dan amalan kritikan yang bersifat patriarki. Para pengkritik feminis berpendirian bahawa dalam usaha menganalisis dan mengkritik teks sastera secara ilmiah, terutamanya mengenai karya yang mengungkapkan pengalaman watak-watak wanita, perlu digunakan perspektif yang lebih relevan dan lebih adil. Pada peringkat awal, kumpulan feminis di Barat memulakan perjuangan mereka dengan menumpukan pada konsep patriarki yang merujuk kepada penguasaan dan dominasi sepenuhnya pihak lelaki ke atas wanita, sama ada dalam institusi politik, ekonomi dan sosiobudaya. Perjuangan ini telah menyebabkan munculnya kritikan berdasarkan teori dan pendekatan feminis, iaitu kritikan terhadap kekuasaan serta dominasi lelaki dalam pelbagai bidang, termasuklah bidang sastera.

Pada abad ke-18 kesedaran feminisme semakin menyerlah melalui tulisan Mary Wollstonecraft berjudul *A Vindication of the Rights of Women* (1792) yang merumuskan bahawa kaum wanita bergantung kepada lelaki disebabkan faktor psikologi dan ekonomi. Perkembangan ini diikuti oleh kemunculan tulisan-tulisan yang membincangkan penglibatan pengarang wanita dalam penulisan kreatif, iaitu termasuklah *The Lady Novelists* (1852) oleh George Henry Lewes, *The Subjection of Women* (1869) oleh John Stuart Mill, "Women and Creativity" (1971) oleh Cynthia Ozick dan paling penting tulisan oleh Virginia Woolf, iaitu *A Room of One's Own* (1927). Menjelang tahun 1960-an, khususnya selepas kemunculan Women's Liberation Movement di England dan di Amerika sekitar tahun 1968, fahaman tersebut semakin menyerlah dalam dunia kritikan sastera. Para feminis menyuarakan kesedaran bahawa imej wanita yang dilukiskan oleh lelaki dengan gambaran oleh wanita sendiri adalah tidak sama. Mereka juga memberi perhatian kepada imej wanita yang terlukis dalam budaya lelaki, dan mendapati bahawa teks dibaca sebagai hasil budaya daripada sistem patriarki. Misalnya Simone de Beauvoir

dalam *The Second Sex* (1949) dengan jelas merumuskan persoalan asas tentang feminisme moden. Beliau menyatakan peranan dan status wanita ditentukan oleh jenis seks mereka, dengan meletakkan wanita sebagai “seks kelas kedua”. Wanita juga terikat kepada hubungan tidak seimbang dengan lelaki, iaitu lelaki adalah yang ‘Satu’ (‘One’) sedangkan wanita adalah ‘yang lain’ (*the other*). Kekuasaan lelaki diperteguhkan dengan ideologi bahawa mereka adalah ‘pembuat undang-undang, pendeta, ahli falsafah, pengarang dan sarjana. Semua itu berusaha menunjukkan bahawa kedudukan wanita yang rendah tersebut memang sudah ditentukan. Menurut de Beauvoir lagi, wanita telah direndahkan tarafnya dan tekanan ini berlipat ganda kerana lelaki percaya bahawa wanita adalah secara semula jadi rendah sifatnya.

Kehadiran pengkritik feminis dalam bidang sastera adalah untuk membetulkan persepsi lelaki yang sering menganggap wanita sebagai objek atau simbol dalam karya-karya mereka. Kebanyakan teori dan pendekatan kritikan sastera yang ada sebelum ini, adalah distrukturkan sebagai pendekatan bagi menganalisis teks yang berada di bawah struktur penandaan lelaki. Pengkritik feminis berpendapat kaedah penilaian sastera tersebut adalah berdasarkan sistem penandaan lelaki yang sepenuhnya berasaskan model *androcentric*. Keterikatan pada model androsentrik memberi kesedaran kepada pengkritik feminis untuk memikirkan bahawa dunia kritikan sastera perlu mempunyai suatu mekanisme baru, iaitu kritikan sastera feminis bagi mencari keseimbangan dalam membincangkan peranan wanita dalam dunia sastera. Mereka berpendapat bahawa dalam mengkritik teks sastera wanita, terutamanya mengenai sejarah dan pengalaman watak-watak wanita, perlu dilihat dan dinilai dari perspektif wanita itu sendiri. Oleh itu, teori dan metodologi penelitian yang sedia ada perlu diperiksa, ditafsir dan dinilai semula menggunakan perspektif baru bercorak feminis.

Pada tahun 1970-an muncul beberapa kajian utama tentang pengarang wanita, iaitu *Literary Women* (1976) oleh Ellen Moers, *A Literature of Their Own* (1977) oleh Elaine Showalter, dan *The Madwomen in the Attic* (1979) oleh Sandra Gilbert dan Susan Gubar. Buku-buku tersebut adalah antara tulisan yang bersifat analitikal untuk mengupas dan merumuskan tentang dua perkara utama. Pertama, mengenai keperluan terhadap satu pendekatan baru bagi meneliti karya sastera wanita. Kedua, mengkaji serta

menggambarkan corak puitika sastera wanita melalui novel-novel wanita Inggeris pada abad ke 19 dan awal abad ke 20. Menerusi *A Literature of Their Own* (1977), Showalter memulakan perbincangan tentang *female tradition* dengan memetik tulisan G.H.Lewes bertajuk "The Lady Novelists" (1852) yang menyatakan *The advent of female literature promises woman's view of life, women's experience: in other words, a new element* (1977, p.3). Berdasarkan perkembangan dan pembaharuan yang berlaku dalam sastera wanita berkenaan, pengarang wanita memerlukan perhatian daripada para sarjana dan pengkritik wanita bagi membincangkan karya-karya mereka. Selama ini kebanyakan karya pengarang wanita, khususnya yang tidak termasuk dalam kategori agung tidak mendapat perhatian pengkritik, sebaliknya para pengkritik hanya menumpukan kepada tradisi sastera lelaki. Showalter merujuk kepada tulisan John Stuart Mill dalam *The Subjection of Women* (1868) yang menyarankan agar wanita berjuang untuk menampilkan pengaruh mereka ke atas tradisi sastera lelaki. Seterusnya mereka perlu berusaha untuk mencipta sastera wanita yang asli, utama dan bergantung kepada diri sendiri. Mill menyatakan, selama ini wanita hanya sentiasa menjadi peniru dan bukan sebagai perintis atau pengubah (1977, p.3).

Showalter tidak bersetuju dengan pendapat Mill dan menegaskan bahawa sebenarnya abad ke-19 adalah zaman novelis wanita. Beliau merujuk nama-nama pengarang wanita seperti Jane Austen, Charlotte Bronte dan George Eliot. Showalter berpendapat, kebolehan wanita dalam penulisan fiksyen telah pun terbukti. Persoalan yang perlu dibincangkan adalah sama ada wanita disisihkan oleh adat atau pendidikan daripada mencapai kecemerlangan dalam bidang sastera. Persoalan ini termasuk juga soal mentakrifkan semula budaya sastera mereka dalam novel yang disesuaikan dengan genre masculine (1977, p.4). Walau bagaimanapun, Showalter tertarik dengan pendapat Mill yang menyatakan *If women lived in a different country from men, and had never read any of their writings, they would have a literature of their own* (1977, p.3). Bertolak daripada cabaran Mill, Showalter menghasilkan *A Literature of Their Own* yang membincangkan penulisan wanita dalam novel-novel Inggeris dari generasi Bronte hingga Doris Lessing yang dilihat daripada sudut pandangan wanita. Berdasarkan penelitiannya, Showalter menyatakan terdapat perbezaan yang jelas di antara hasil penulisan wanita dan lelaki, malah seluruh tradisi penulisan wanita telah diabaikan oleh

pengkritik lelaki. Beliau menyatakan, *the lost continent of the female traditions has risen like Atlantis from the sea of English literature* (1977, p.10). Pernyataan ini berhasrat menarik perhatian terhadap kehilangan benua tradisi wanita, yang kini telah timbul semula seperti yang dinyatakan dalam ungkapan di atas. Kebangkitan semula itu haruslah diberi perhatian yang sewajarnya. Kemunculan tradisi ini didapati bersesuaian dengan teori Mill, yang menerangkan bahawa sebenarnya *women have had a literature of their own all along* (1977, p.10). Oleh itu, Showalter menekankan perlunya diadakan penelitian semula terhadap tradisi sejarah sastera yang mengabaikan sastera wanita dan menyarankan penggunaan satu pendekatan baharu.

Perkembangan tersebut menunjukkan kesedaran feminisme dalam sastera tidak cukup dengan hanya memasukkan karya-karya wanita ke dalam sukatan pengajaran. Sebaliknya yang lebih penting adalah menumpukan kepada suatu kaedah kritis yang melihat perbezaan seks dan jantina. Dalam hal ini, Showalter memberi penekanan terhadap kaedah dan tradisi pembacaan. Konsep yang melihat perbezaan seks dan jantina ini menghasilkan dua kaedah kritikan yang saling berkaitan, yang disebut sebagai kritik feminis (*feminist critique*) dan ginokritik (*gynocriticism*). Kritik feminis dijelaskan oleh Showalter (1982,p.12) seperti berikut:

It is concerned with the feminist as reader, and it offers feminist readings of texts which consider the images and stereotypes of women in literature, the omissions and misconceptions about women in criticism, and woman-as-sign in semiotic systems.

Mod kritikan pertama ini memberi perhatian kepada wanita sebagai pembaca (*woman as reader*) atau pengguna teks yang dihasilkan sama ada oleh pengarang lelaki atau wanita yang terikut-ikut dengan cara penulisan lelaki. Pendekatan kritik feminis disebut juga sebagai *feminist reading* atau *women as reader* dengan menumpukan perhatian kepada pemaparan imej dan gambaran wanita yang stereotaip, pengabaian wanita serta salah tanggapan terhadap wanita dalam kritikan, iaitu berdasarkan sejarah sastera yang ditentukan sepenuhnya oleh lelaki. Selain daripada itu, kritik feminis juga menumpukan kepada soal eksploitasi dan manipulasi terhadap audien wanita, terutama dalam budaya popular dan filem, serta analisis terhadap wanita sebagai simbol atau lambang dalam sistem semiotik.

Perbahasan Showalter bermula dengan penerapan teori kritik feminis ke atas karya Thomas Hardy, iaitu sebuah novel berjudul *The Mayor of Casterbridge* (1884), yang memaparkan peranan dan penampilan wanita yang pasif, bertentangan dengan sifat kewanitaan, serta menggambarkan kehidupan wanita yang hanya menyesuaikan diri kepada lelaki. Bagi Showalter, watak wanita ciptaan Hardy dalam novel ini seperti juga novel-novelnya yang lain, iaitu suatu pemaparan ideal hasil daripada projeksi dan mekanisme diri lelaki. Dalam hujahannya, Showalter menegaskan bahawa (1987, p.238):

If we study stereotype of women, the sexism of male critic, and the limited roles women play in literary history, we are not learning what women have felt and experienced, but only what men have thought women should be.

Melalui pandangan di atas, Showalter menekankan keperluan untuk menilai semula sejarah sastera yang telah dibentuk sebelum ini, memandangkan selama ini pengkritik hanya mengkaji wanita yang stereotaip, seksisme dalam kritikan lelaki, dan pemaparan peranan wanita yang terhad dalam sejarah sastera. Kaum wanita dikatakan tidak mempelajari sesuatu daripada pengalaman wanita, sebaliknya hanya mengenal wanita yang difikirkan atau ditentukan oleh lelaki, berdasarkan model androsentrik.

Gambaran wanita yang dilukiskan oleh lelaki adalah berdasarkan tanggapan, nilai, cita rasa dan pengalaman lelaki, bukannya imej sebenar wanita atau berdasarkan pengalaman sebenar mereka. Dalam soal ini, Mary Eagleton memetik pendapat Cynthia Ozick yang sinis menyatakan bahawa wanita muncul dalam penulisan lelaki sebagai 'the Muse' – 'She is the Muse' – *the idealized inspirations for the male writer* (1986, p.45). Selain Ozick, Mary Ellmann pula dengan lebih berani melontarkan pendapat bahawa pembinaan wanita oleh pengarang lelaki adalah pengaruh jahat dalam penulisan oleh lelaki. Selain gambaran tentang wanita oleh lelaki yang tidak mewakili keadaan dan pengalaman sebenar wanita, cara penilaiannya pula menggunakan ukur tara daripada teori kritikan lelaki. Teori kritikan lelaki adalah konsep kreativiti sejarah sastera atau interpretasi sastera yang bergantung sepenuhnya kepada pengalaman lelaki yang dianggap bersifat universal, yang telah dihasilkan oleh white father.

Menurut Showalter (1987, p.238), segala yang dipaparkan dalam penulisan lelaki seperti contoh karya Hardy di atas adalah menggambarkan penekanan dan penindasan ke atas wanita yang terus berlaku. Showalter menyatakan, pengarang lelaki tidak berlaku

adil kerana mengeksploitasi jasad wanita dalam karya mereka dan mengikut cita rasa sendiri. Malah pemaparan sedemikian juga adalah suatu projeksi atau mekanisme bela diri kaum lelaki Beliau tidak berpuas hati dengan ketidakadilan yang berlaku terhadap wanita seperti yang diperlihatkan dalam kritik feminis tersebut, yang bersifat orientasi lelaki (male-oriented). Di samping itu, beliau juga menginginkan suatu kaedah yang boleh memberi jawapan kepada persoalan yang datang daripada pengalaman wanita sendiri. Bagi tujuan mengimbangkan keadaan dan memenuhi keperluan tersebut, Showalter telah membentuk satu rangka kerja untuk menganalisis sastera wanita. Beliau membina model-model berdasarkan kajian terhadap pengalaman wanita. Rangka kerja tersebut dinamakan sebagai ginokritik (*gynocriticism*), iaitu teori kritikan yang memberi perhatian kepada 'wanita sebagai pengarang' atau 'wanita sebagai penghasil tekstual'.

1.3 Konsep Ginokritik

Gynocriticism secara etimologi berasal daripada perkataan Perancis *la gynocritique*, iaitu satu teori yang dirangka khusus untuk digunakan bagi menerangkan dan menganalisis karya-karya tentang wanita yang dihasilkan oleh wanita. Ginokritik adalah mod kedua dalam kritikan feminis yang diperkenalkan oleh Showalter pada tahun 1979. Menurut Showalter (1982, p.14-15) ginokritik ialah:

...the study of women as writers – and its subjects are the history, styles, themes, genres, and structures of writing by women; the psychodynamics of female creativity; the trajectory of the individual or collective female career; and the evolution and laws of a female literary tradition.

Pernyataan ini menunjukkan bahawa teori ini memberi perhatian khusus kepada wanita sebagai pengarang. Dengan perkataan lain, ginokritik menganggap wanita sebagai pengeluar atau penghasil tekstual. Oleh itu, wanita berperanan sebagai penyampai makna teks, dengan semua persoalan sejarah, tema, genre dan struktur penulisan ditentukan sepenuhnya oleh wanita. Aspek-aspek yang ditumpukan dalam ginokritik adalah merangkumi psikodinamik dalam kreativiti wanita, hubungan antara kerjaya seseorang pegarang wanita dengan aspirasi wanita secara kolektif, dan juga mengkaji perkembangan yang berlaku dalam tradisi sastera wanita yang sebelum ini telah

diabaikan. Dengan demikian, dapat dirumuskan bahawa ginokritik menekankan kepada beberapa aspek utama seperti berikut:

1. Kajian terhadap wanita sebagai pengarang, pengeluar atau penghasil teks dengan persoalan sejarah, tema, genre dan struktur penulisan dibentuk sepenuhnya oleh wanita.
2. Penelitian terhadap psikodinamik dalam kreativiti wanita, termasuk soal-soal linguistik dan persoalan 'bahasa wanita'.
3. Melihat hubungan di antara kerjaya seorang pengarang wanita dengan aspirasi wanita secara kolektif.
4. Mengkaji perkembangan dalam tradisi sastera wanita.

Ginokritik adalah didasarkan kepada soal dalaman wanita yang berhubung rapat dengan aspek-aspek biologi, psikologi, bahasa dan budaya yang melingkungi dan mempengaruhi proses penulisan wanita. Gagasan teori yang dikemukakan oleh Showalter berlandaskan kepada 'wanita sebagai pengarang' ini, telah dirangka dan distrukturkan dengan tujuan khusus, iaitu bagi membina kerangka wanita untuk analisis sastera wanita, dan untuk mengembangkan model baharu berdasarkan kajian pengalaman wanita dan bukan untuk hanya untuk menyesuaikan mod dan teori lelaki.

Hal ini menjelaskan bahawa ginokritik menumpukan kepada suatu rangka kerja wanita untuk menganalisis karya sastera wanita. Sehubungan dengan itu, caranya adalah dengan membina model-model baharu berdasarkan kepada pengalaman wanita. Secara jelas, ginokritik dirangka dan diperkenalkan dengan dua tujuan akhir. Pertama adalah untuk membebaskan diri wanita daripada sejarah sastera yang ditentukan sepenuhnya oleh lelaki, dan berhenti mencuba untuk menyesuaikan wanita dengan landasan tradisi lelaki. Yang kedua pula adalah untuk menumpukan perhatian kepada perkara-perkara baharu dari dunia budaya wanita, terutama untuk melihat ke dalam imaginasi dan daya cipta wanita, dan melihat perbezaan yang terdapat dalam penulisan wanita, yang boleh menghasilkan bentuk-bentuk eksperimental.

Teori ginokritik memberikan tumpuan kepada pengarang wanita sebagai entiti tersendiri, serta menekankan tentang hak dan kuasa pengalaman wanita. Hakikat ini sekaligus meminggirkan penilaian sastera yang sepenuhnya berdasarkan pengalaman

lelaki, atau mengikut model androsentrik. Dalam menghubungkan ginokritik dan penulisan wanita, Showalter (1982, p.15) menegaskan, untuk melihat tulisan wanita sebagai subjek utama memerlukan pengkaji untuk melangkah ke sudut konsep baharu dan mentakrif semula sifat dan permasalahan teori sebelumnya. Dalam usaha untuk memberi tumpuan kepada penulisan wanita sebagai subjek utama, Showalter beralih kepada konsep baharu, dengan tujuan mendefinisikan semula masalah teoritikal. Bagi memenuhi keperluan itu, teori ginokritik telah diperkenalkan.

Selain itu, ginokritik juga menumpukan perhatian terhadap usaha untuk menggali, menganalisis dan memelihara budaya wanita. Ini bermaksud, bagi menumpukan perhatian kepada penulisan wanita, pengkritik perlu tahu cara memugar rahsia, menganalisis dan memelihara budaya wanita tersebut. Melalui cara tersebut, mereka akan lebih memahami dunia wanita. Justeru, pendekatan ginokritik dilihat oleh Showalter sebagai lebih bersifat mandiri dan eksperimental, serta teori ini juga boleh digunakan dalam kajian-kajian feminis yang lain.

1.3. 1 Model- Model Dalam Ginokritik

Dalam perbincangannya, Showalter merumuskan bahawa perbezaan atau kelainan yang terdapat dalam karya sastera wanita berbanding lelaki bukan berlaku secara kebetulan. Sebaliknya, proses penciptaan sastera wanita adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor penting. Bagi menjelaskan prinsip yang menjadi fokus teori ginokritik ini, Showalter mengagaskan bahawa teori penulisan wanita pada masa ini menggunakan empat model perbezaan, iaitu berhubung dengan biologi, linguistik, psikoanalitik, dan budaya. Bertolak daripada gagasan tersebut, Showalter mengemukakan model-model ginokritik secara khusus sebagai kerangka penelitian terhadap teks-teks sastera wanita. Keempat-empat model berkenaan disebut Showalter sebagai *women's writing and woman's body* (1982, p.17), *women's writing and women's language* (ibid, p.20), *women's writing and woman's psyche* (ibid, p.23), dan *women's writing and women's culture* (ibid, p.27). Menurut beliau, penulisan wanita adalah berhubung kait dengan aspek-aspek yang dibincangkan dalam model-model tersebut. Setiap satu model menyumbang kepada tafsiran dan perbezaan nilai tentang pengarang wanita dan teks wanita. Setiap model juga mempersembahkan semula pembelajaran tentang kritikan

feminis ginokritik dengan teks pilihan, gaya dan kaedah sendiri. Walaupun ada ketika ia kelihatan bertindan, tetapi secara kasar adalah berurutan dan akhirnya bergabung sebagai satu. Showalter cuba untuk mengenal pasti kepelbagaian terminologi dan andaian-andaian daripada perbezaan keempat-empat model serta menilai kegunaannya. Untuk itu, setiap model tersebut diwacanakan dalam esainya bertajuk "Feminist in the Wilderness". Hujahan dan bahasan beliau menjelaskan bahawa faktor-faktor yang menjadi landasan dan dasar kepada pemikiran dan proses penulisan wanita adalah berhubung rapat dengan aspek-aspek seperti badan wanita, bahasa wanita, psikologi wanita dan juga budaya wanita.

1.3.2 Penulisan Wanita dan Badan Wanita

Bagi membahaskan model pertama ini, Showalter memulakan perbincangan dengan mengutip kata-kata Helene Cixous dalam *The Laugh of the Medusa* yang menyebut "more body, hence more writing" (1982, p.17). Petikan ini menerangkan wujudnya pertautan antara tubuh badan dan penulisan. Pendapat ini menyebut, wanita telah lama menyimpan/memendam suara, emosi dan semua yang dirasakan di dalam tubuh badan mereka. Wanita sepatutnya menyuarkan tindak balas terhadap apa jua bentuk penindasan melalui peranan domestik dalam keluarga dan perkahwinan yang menekan mereka selama ini. Wanita hendaklah merempuh 'peraturan' tersebut dan mengungkap semua yang tersimpan dalam tubuh mereka melalui penulisan. Showalter menyatakan, kritikan berasaskan biologi merupakan satu pendekatan yang melihat kepada perbezaan teks yang ditentukan oleh aspek tubuh badan. Dalam hal ini, struktur tubuh badan dilihat sebagai tekstualiti atau kandungan teks. Menurut Showalter, kritikan bersifat biologi adalah salah satu daripada formula teori kritikan feminis yang mengarah kepada kemungkinan menjadikan tubuh badan sebagai dasar.

Dalam membahaskan model biologi ini, Showalter juga mengambil pandangan Gilbert dan Gubar dalam *The Madwoman in the Attic* dengan melihat kepada budaya patriarki yang mempertahankan kekuasaan lelaki dan menegaskan the text's author is a father, a progenitor, a procreator, an aesthetic patriarch whose pen is an instrument of generative power like his penis (1982, p.17). Pernyataan ini menunjukkan bagaimana

kekuasaan lelaki sengaja digembar-gemburkan untuk menegaskan bahawa mereka adalah segala-galanya. Merekalah bapa, nenek moyang, pencipta, malah merekalah ketua keluarga. Di samping itu, lelaki juga memiliki pena (seperti memiliki penis) sebagai alat menghasilkan kekuasaan. Berdasarkan tanggapan tersebut, Gilbert dan Gubar menambah, *his pen's power, like his penis's power* yang bukan sahaja berupaya untuk menghasilkan karya penulisan, malah berkuasa untuk mencipta generasi akan datang. Lelaki dikatakan memiliki berbagai-bagai kelebihan dalam menyampaikan cerita. Hal ini disebabkan mereka mempunyai pendidikan yang tinggi, dan memiliki 'pena', iaitu alat untuk berkarya. Sebaliknya dikatakan wanita tidak memiliki kelebihan seperti yang dimiliki oleh lelaki, malah wanita tidak mempunyai 'pena' untuk menulis. Showalter juga memetik pertanyaan sinis Gilbert dan Gubar yang berbunyi, *if the pen is a metaphorical penis, from what organ can female generate texts?* (ibid, p.17).

Pada pandangan Showalter, ia merupakan pertanyaan serius dalam perbincangan teori feminis. Kebanyakan pengkritik termasuk Showalter tidak bersetuju dengan asas analogi tersebut. Showalter menyanggah idea tersebut dengan menyatakan, *women generate texts from the brain or that the word-processor, with its compactly coded microchips, its inputs and outputs, is a metaphorical womb* (1982, p.17). Hujahan Showalter ini adalah untuk menjawab metafora paternity yang seolah-olah menganggap hanya lelaki yang mempunyai kekuasaan untuk berkarya, kerana mereka memiliki anggota badan yang dianalogikan sebagai alat untuk menulis. Dalam mengemukakan pernyataan sedemikian, Showalter cuba mengimbangkan pertanyaan Gilbert dan Gubar dengan menegaskan bahawa wanita juga mempunyai kekuasaan untuk menghasilkan karya. Walaupun tanpa pen, wanita menghasilkan karya dengan otak atau akal fikiran. Malah mereka juga mempunyai kuasa menghasilkan kehidupan dengan kelebihan tubuh badan mereka, iaitu rahim/womb (metafora bagi word-processor). Tegasnya, jika lelaki mempunyai pena, wanita memiliki *word-processor* dan mereka menghasilkan teks dari otak dan pemproses kata (kiasan).

Showalter memetik pendapat Andrienne Rich dalam *Of Women Born* (1976) yang melihat aplikasi biologi ke dalam penulisan wanita adalah bertujuan mendedahkan pemikiran sempit patriarki berhubung aspek biologi wanita. Rich meminta wanita agar

tidak hanya fokus kepada tubuh badan, tetapi hendaklah melihat kepada pertautan antara aspek fizikal dengan aspek kebijaksanaan, seperti katanya “*we must touch the unity and resonance of our physicality, the corporal ground of our intelligence*” (ibid, p.18). Alicia Ostriker juga menyebut bahawa penyair wanita kontemporari Amerika didapati lebih berterus-terang dan lebih menyerap gambaran struktur tubuh badan ke dalam penulisan berbanding penyair lelaki. Dalam hal ini menunjukkan pengarang wanita lebih cenderung memanfaatkan unsur biologi berbanding lelaki. Showalter bersetuju dengan idea Rich dan Ostriker, dan menyatakan wanita yang menulis bersumberkan unsur biologi boleh dianggap sebagai bersifat mesra, berprinsip, dan inovatif dalam gaya dan bentuk penulisan.

Showalter meletakkan syarat bahawa unsur tubuh dalam penulisan harus berperantara dengan faktor-faktor lain. Gagasan ‘penulisan wanita dan biologi wanita’ dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Ungkapan tubuh wanita hendaklah diseimbangkan dengan kebijaksanaan akal fikiran. Unsur-unsur biologi yang digunakan hendaklah berhubung dengan aspek bahasa, sosial dan unsur-unsur sastera lain, bagi memperlihatkan cara pengarang wanita menghasilkan teks dengan keupayaan akal fikiran.
2. Wanita disaran ‘menghidupkan’ tubuh mereka ke dalam penulisan, iaitu menulis tentang diri mereka. Semua yang ada dalam diri wanita, sama ada suara hati, perasaan, keinginan tertentu, naluri, impian atau wawasan perlu diungkap ke dalam penulisan. Cara ini digunakan bagi mendedahkan pemikiran sempit patriarki terhadap biologi wanita.
3. Penggunaan unsur-unsur biologi boleh dimanfaatkan bagi tujuan memperlihatkan cara wanita menanggapi situasi mereka dalam masyarakat dan menyesuaikan diri mereka ke dalamnya.
4. Penggarapan bersumber biologi digunakan untuk menarik perhatian terhadap aspek ‘bentuk badan penulisan wanita’ dan bukannya melihat ‘penulisan bentuk badan wanita’ dalam karya mereka.

Berdasarkan perbincangan di atas, menunjukkan model ‘penulisan wanita dan biologi wanita’ menekankan hubungan antara tubuh wanita dengan penulisan wanita. Oleh itu,

apabila melakukan penelitian terhadap teks penulisan wanita, pengkaji hendaklah mengambil kira soal hubungan antara dua aspek yang terdapat dalam model biologi, bagi memastikan pemahaman yang menyeluruh. Malah, aspek-aspek ini juga akan digunakan sebagai rangka kerja bagi pengkaji dalam usaha untuk melihat, menilai dan memperlihatkan bagaimana proses pembentukan puitika sastera wanita di dalam teks-teks yang dihasilkan oleh pengarang wanita.

1.3.3 Penulisan Wanita dan Bahasa Wanita

Ketika membahaskan pandangan tentang hubungan antara penulisan wanita dan bahasa wanita, Showalter tertarik dengan tulisan bertajuk *Les Guerilleres* oleh Monique Wittig, feminis Perancis dan beliau memetikinya seperti berikut (1982, p.20):

The women say, the language you speak poisons your glottis tongue palate lips. They say, the language you speak is made up of words that are killing you. They say, the language you speak is made up of signs that rightly speaking designate what men have appropriated.

Tulisan Monique Wittig di atas memperlihatkan tanggapan terhadap gaya bahasa yang dituturkan oleh lelaki, yang dikatakan boleh meracuni pemikiran, malah bahasa lelaki juga dikatakan boleh 'membunuh'. Bahasa yang diungkapkan oleh lelaki merupakan petunjuk kepada tanggapan mereka. Berdasarkan pandangan terhadap bahasa lelaki itu, Showalter melontarkan persoalan tentang bahasa yang digunakan oleh wanita pula. Beliau melontarkan pertanyaan sama ada lelaki atau wanita menggunakan bahasa secara berbeza, dan apakah perbezaan seks terjelma dalam bahasa serta hubungannya dengan aspek biologi, sosialisasi, dan budaya. Apakah wanita menghasilkan bahasa baharu untuk keperluan mereka sendiri, dan sama ada perbezaan juga wujud dalam percakapan, pembacaan atau penulisan.

Perbahasan tentang bahasa merupakan salah satu aspek paling menarik dalam ginokritik. Hal ini tercetus apabila para penyair/pengarang memulakan kritikan ke atas 'bahasa penindas' (*the oppressor's language*) yang disebut oleh Rich, iaitu bahasa yang dikritik sebagai berunsur sexist, dan ada masanya dianggap bersifat abstrak. Pada

Showalter, wujud beberapa masalah dalam usaha pembaharuan untuk membersihkan bahasa daripada unsur-unsur sexist. Showalter mengambil pendapat Nelly Furman dalam *The Study of Women and Language* (1982,p.20) yang menyebut melalui media bahasa kita menentukan dan mengkategorikan perbezaan dan persamaan dan membolehkan kita memahami dunia persekitaran. Pengkategorian tersebut berpusatkan lelaki yang mendominasi bahasa Inggeris Amerika dan secara halus membentuk pemahaman/persepsi umum terhadap realiti.

Showalter menyebut bahawa selama ini, pemahaman dan tanggapan wanita banyak dibentuk berdasarkan bahasa lelaki, kerana mereka bergantung kepada bahasa yang dicipta oleh lelaki. Oleh yang demikian, Showalter menegaskan bahawa wanita perlu memiliki dan memanfaatkan bahasa mereka sendiri (1982, p.20).

Feminis Perancis telah menyumbang idea penting ke arah menumpukan perhatian terhadap bahasa wanita. Misalnya Annie Leclerc dalam "Parole de femme", telah mengajak wanita *to invent a language that is not oppressive, a language that does not leave speechless but that loosens the tongue* (1982, p.21). Sementara Chantal Chawal dalam esainya "La chair linguistique", memperkatakan hubungan antara aliran feminis dan linguistic, dan menyatakan bahasa wanita dan hasil penulisan wanita adalah pengucapan tubuh badan. Dalam soal ini, Cixous pula menghubungkan tubuh wanita dengan bahasa apabila menyatakan tubuh wanita dengan gerbang perasaan yang seribu satu macam, akan menjadikan lidah ibu yang bergaris bunyi tunggal, bergetar dengan lebih daripada satu bahasa (1997, p.355). Cixous juga memberikan tugas khusus kepada pengarang wanita bagi melanggar hukum wacana *phallogentric*. Menurut beliau, selama ini wanita sering bergerak 'dalam' wacana yang dikuasai oleh lelaki. Oleh itu, adalah penting bagi wanita untuk 'mencipta satu bahasa bagi dirinya sendiri, untuk masuk ke dalam dirinya'.

Walau bagaimanapun, Showalter menyebut bahawa para ilmuan yang mahu bahasa wanita bersifat intelektual dan teoritikal berdepan dengan kebenaran yang tidak mungkin. Dalam hal ini, Showalter mengingatkan selagi wanita diam, mereka akan berada di luar proses sejarah. Tetapi, jika mereka mula bercakap dan menulis seperti yang dilakukan lelaki, mereka akan memasuki sejarah yang secara logiknya kata-kata

mereka hendaklah menggugat. Pandangan ini jelas menggesa agar wanita tidak berdiam diri, sebaliknya bercakap dan menulis seperti yang dilakukan oleh lelaki, agar mereka masuk ke dalam proses sejarah. Sebagai respon kepada gesaan tersebut, Mary Jacobus mencadangkan supaya wanita menghasilkan karya tanpa henti bagi membina semula (*reconstruct*) dan menulis semula (*rewrite*) apa yang tidak tertulis sebelumnya. Dalam membincangkan model Bahasa, Showalter turut mengambil pendapat Shoshana Felman (1982, p.21) yang menyatakan cabaran yang dihadapi wanita pada hari ini adalah untuk 'mencipta semula' bahasa untuk berbicara bukan hanya untuk menentang, tetapi berbicara di luar struktur *phallogocentric*, untuk mewujudkan wacana yang tidak dapat ditakrif oleh falasi makna maskulin. Dalam konteks ini, Felman menyebut tentang cabaran yang dihadapi oleh wanita pada hari ini. Tugas mereka adalah untuk 'mencipta semula' bahasa, dan ia dilakukan bukan sahaja bagi menyuarakan penentangan, tetapi lebih penting adalah untuk mengungkapkan suara dari luar struktur *phallogocentric*. Dengan perkataan lain, wanita disarankan untuk melontarkan suara mereka dengan menggunakan cara dan gaya bahasa mereka sendiri. Melalui cara itu, akan dapat mengukuhkan kedudukan bahasa wanita dan maknanya tidak lagi ditafsirkan sepenuhnya oleh lelaki.

Menurut Showalter, secara umumnya ahli bahasa Inggeris dan Amerika sependapat bahawa tiada bukti jelas wujudnya bahasa yang bersifat seks, atau seks yang mempengaruhi perbezaan struktur sistem linguistik. Namun, Showalter percaya terdapat banyak perbezaan khusus di antara lelaki dan wanita dalam percakapan, intonasi dan penggunaan bahasa. Walaupun tidak dapat diterangkan dengan jelas bahawa mereka memiliki bahasa yang khusus, tetapi kelainan tersebut dipertimbangkan dari segi gaya, strategi, dan konteks prestasi linguistik. Dalam kajiannya terhadap novel-novel wanita Inggeris, Showalter menyebut bahawa lelaki dan wanita menggunakan dua bahasa yang berbeza, atau lebih tepatnya, bahasa yang sama dengan makna yang berbeza. Malah ditegaskan bahawa wanita mempunyai dialek yang tersendiri, yang mereka gunakan untuk saling berbicara sesama sendiri.

Misalnya dalam penelitian terhadap novel *Pilgrimage* tulisan Dorothy Richardson, Showalter (ibid, p.260) mendapati kurangnya tanda baca, penggunaan elipsis, dan

kalimat terpecah-pecah, bertentangan dengan struktur ayat dari segi kecerdasan dan klimaks, serta idea utama dan bawahan. Richardson didapati tidak menggemari penggunaan tanda-tanda bacaan, menggunakan perkataan dan ayat-ayat berungka (fragmented sentences). Pembentukan ayat-ayatnya berbeza daripada struktur biasa, dalam tujuan untuk menyampaikan idea-idea utama dan sampingan. Cara dan gaya penggunaan bahasa Richardson ini dikatakan berbeza dan tersendiri, serta dianggap sebagai sebahagian daripada ciri-ciri bahasa wanita. Dalam hal ini, apa yang ditekankan oleh Showalter ialah wanita memiliki gaya bahasa yang berbeza dan tersendiri.

Dalam kajian secara komputer yang dilakukan ke atas karya fiksi semasa oleh Mary Hiatt dalam bukunya *The Way Women Write* (1977), beliau mendapati perkataan adalah sebahagian daripada maksud dan niat mereka (1982, p.23). Pada pandangan Showalter sendiri, analisis terhadap feminine style adalah merangkumi pengulangan gaya bahasa, imej, corak, dan sintaksis dalam tulisan wanita secara semulajadi cenderung mengelirukan bentuk dengan hasil sastera yang terpilih. Bahasa dan gaya selalunya merupakan hasil dari faktor yang mengambil kira soal genre, tradisi, memori dan konteks. Oleh itu, tugas pengkritik feminis adalah menumpukan kepada cara wanita mendekati atau memasuki bahasa. Di samping itu, tumpuan juga adalah kepada ideologi dan unsur-unsur budaya yang menentukan ungkapan bahasa. Bagi Showalter, masalahnya bukanlah soal bahasa, tetapi wanita telah dinafikan sebagai sumber bahasa dan dipaksa untuk diam, eufemisme, atau sirkulasi.

Dalam mengesa wanita supaya tampil dengan memanfaatkan segala sumber-sumber bahasa, Showalter turut memetik pendapat Virginia Woolf terhadap Joyce yang menyatakan sekarang lelaki terkejut jika seorang wanita mengatakan apa yang dia rasakan seperti yang dilakukan oleh Joyce. Woolf juga menyarankan wanita agar mengungkapkan semua yang perlu diungkapkan - minda dan badan. Pandangan tersebut menyokong pendapat yang menyatakan bahasa wanita adalah ungkapan yang berhubung rapat dengan keadaan biologi mereka. Dalam soal ini, du Plessis mengaitkan bahasa wanita dengan sifat multifocal yang merujuk pada tubuh wanita yang dikatakan memiliki banyak pusat berahi. Bahasa wanita dikatakan bersifat lembut, lembab, kabur, beralas, tidak teratur, berkisar dalam lingkungan dan gambaran lain berkaitan tubuh

badan wanita, berbeza dengan bahasa lelaki yang dikatakan bersifat sandaran, kering, singkat, bertenaga, kuat, ganti, lurus, berfokus, dan mudah meledak (du Plessis, 1985, p.278).

Berdasarkan idea-idea Furman, Leclerc, Chawaf, Gauthier, Jacobus, Felman, Hiatt dan Woolf, model bahasa yang dikemukakan oleh Showalter didapati menggesa wanita menggunakan bahasa dan gaya mereka sendiri. Hal ini adalah penting bagi mengelak sebahagian ciri-ciri *male-centredness* dalam penulisan wanita. Mereka perlu mengelak daripada terus bergantung kepada bahasa yang diciptakan oleh lelaki. Usaha-usaha ini penting bagi membebaskan wanita daripada a “prison-house of language”. Oleh yang demikian, wanita didapati cenderung untuk memanfaatkan cara dan gaya mereka sendiri, dengan ciri-ciri bahasa yang tersendiri. Dengan keistimewaan tersebut, wanita boleh melakukan perubahan pada gaya dan sistem penandaan yang digunakan oleh lelaki. Wanita boleh menjadikan bahasa sebagai salah satu faktor yang memainkan peranan dalam proses penciptaan karya sastera, sekali gus menjadi landasan kepada proses penulisan sastera wanita. Berdasarkan perbincangan Showalter tentang ‘penulisan wanita dan bahasa wanita’, dapat dirumuskan bahawa:

1. Wanita digesa ‘mencipta semula’ bahasa bukan sahaja untuk menentang bahasa lelaki, tetapi lebih penting adalah untuk mengungkapkan suara daripada luar struktur phallogocentric. Ini bermakna, wanita menggunakan cara dan gaya bahasa mereka sendiri bagi membebaskan diri daripada ‘prison-house of language’ yang menjadi saranan model bahasa wanita.
2. Perbezaan penggunaan bahasa oleh wanita terlihat dalam percakapan, intonasi, struktur ayat, strategi, dan konteks persembahan bahasa. Dalam penulisan wanita mereka cenderung menggunakan lambang, imej dan sintaksis yang mengelirukan.
3. Bahasa wanita berhubung dengan keadaan biologi mereka. Gaya penulisan dan pertuturan wanita dikatakan selembut badan mereka sendiri. Justeru, sifat-sifat bahasa wanita lebih menjurus kepada tujuan mengungkapkan kesedaran wanita, khususnya berhubung dengan pengalaman wanita.
4. Bahasa wanita juga dikatakan bersifat multifocal, berbanding lelaki yang bersifat unifocal. Penggunaan bahasa yang demikian adalah relevan dengan permasalahan yang dikemukakan pengarang dan sesuai dalam konteks *to be expressed – mind and body*.

Berdasarkan sifat-sifat bahasa yang diterangkan di atas, menjelaskan bahawa dalam usaha mengkaji dan memahami apa yang tersurat dan tersirat dalam hasil-hasil penulisan wanita, perhatian juga harus diberikan kepada soal gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang wanita. Hal ini kerana wanita dikatakan 'mencipta semula' bahasa untuk mengungkapkan suara dari luar wacana bahasa lelaki. Mereka menulis dengan cara dan gaya bahasa mereka sendiri, yang berhubung pula dengan tanggapan makna dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, model bahasa wanita yang dikemukakan oleh Showalter ini adalah amat relevan sebagai menjadi kerangka kerja bagi meneliti dan menganalisis teks-teks sastera wanita, khususnya bagi memahami proses pembentukan puitika sastera wanita dalam penulisan mereka.

1.3.4 Penulisan Wanita dan Psikologi Wanita

Kritikan feminis yang berorientasikan analisis psikologi mengaitkan perbezaan dalam penulisan wanita dengan jiwa pengarang dan hubungan gender dengan proses kreatif. Proses ini menggabungkan model biologi dan linguistik dalam perbezaan gender, menghasilkan tanggapan bahawa jiwa dan diri wanita dibentuk oleh badan, bahasa, dan peranan seks yang diatur oleh masyarakat. Dalam konteks ini, walaupun agak sukar, model Freud telah diambil untuk dikaji bagi menjadikannya bersifat ginokritik. Freud dalam tulisannya "Creative Writers and day-dreaming" (1971) menyamakan proses penciptaan sastera dengan permainan kanak-kanak dengan menyatakan, *every child at play behaves like a creative writer, in that he creates a world of his own, or rather, rearranges the things of his world in a new way which pleases him* (1971, p.36). Pendapat Freud tersebut menunjukkan proses penulisan sastera mempunyai persamaan dengan permainan kanak-kanak, yang dipenuhi dengan fantasi dan mimpi siang hari (day-dreaming). Freud melihat fantasi dan mimpi ini sebagai manifestasi kehidupan jiwa bawah-sedar. Kajian terhadap kedua-dua perkara tersebut membawa Freud untuk merumuskan pendapatnya mengenai penciptaan sastera. Bagi beliau sesebuah karya sastera, atau karya seni lain, adalah sama seperti sebuah mimpi atau fantasi. Kedua-duanya adalah satu penyempurnaan terhadap keinginan bawah-sedar yang terpendam.

Oleh itu, karya sastera dikatakan sebagai manifestasi kepada pengalaman-pengalaman peribadi (mimpi dan fantasi) seseorang pengarang. Freud juga menyatakan dalam fantasi wanita dan lelaki muda, mereka mempunyai kecenderungan utama terhadap keinginan erotik (*erotic wishes*). Namun, yang membezakan di antara mereka adalah (1971, p.38) wanita muda hanya dibenarkan memiliki hasrat erotis minimum dan lelaki muda harus belajar memanipulasi kelebihan diri yang dibawa mereka semenjak berada pada zaman kanak-kanak.

Pandangan ini dikaitkan dengan definisi seksualiti wanita yang dikatakan tidak sempurna, kekurangan dan dengan iri hati terhadap lelaki. Freud menganggap wanita sebagai insan yang tidak lengkap, dan merumuskan 'libido' wanita juga rendah, mati rasa dan pasif. Lebih jauh lagi, Freud melihat wanita sebagai insan tidak sempurna yang memperlihatkan sifat 'iri zakar' (*penis-envy*). Oleh itu, wanita dikatakan bertindak berasaskan kelemahan dan sifat cemburu tersebut, dan emosi ini dikatakan mempengaruhi wanita dalam penulisan. Pandangan Freud tentang seksualiti wanita ini tentu saja tidak disenangi, malah disanggah oleh para feminis. Misalnya Luce Irigaray (1975, p.69) menyelar Freud dengan menyatakan kekesalannya bahawa seksualiti wanita tidak pernah didefinisikan dengan hormat, melainkan dari sudut maskulin. Freud dikatakan gagal melihat perbezaan seks yang diartikulasikan dalam tindakan hubungan seksual, dan umumnya dalam bayangan serta proses simbolik yang mengatur cara kerja dalam masyarakat dan budaya.

Mary Jacobus juga tidak bersetuju dengan Freud dan menyatakan keinginan pengkritik dan penulis feminis ialah bahasa yang dibebaskan daripada pengertian Freudian mengenai pengebirian, di mana apa saja perbezaan wanita didefinisikan sebagai kekurangan (1979, p.12). Oleh itu, golongan feminis berpendapat bahawa teori falsafah dan psikologi dalam wacana lelaki adalah gagal dalam menggambarkan jiwa wanita. Justeru, mereka perlu mencari definisi sendiri supaya ciri-ciri kelainan (*otherness*) itu dapat meneguhkan autonomi wanita. Mereka ingin menstrukturkan semula pemikiran, dengan pengalaman 'badan' wanita seperti yang ditafsirkan melalui psikoanalisis Freud. Dalam membincangkan model psikologi ini, Showalter memetik pendapat Theodor Reik (1971) yang menyatakan wanita mempunyai beberapa kelebihan dalam penulisan

berbanding lelaki. Hal ini kerana tubuh badan wanita distruktur untuk memudahkan mereka melepaskan kata-kata. Menurut Reik, menulis dalam tanggapan Freud adalah seperti pembuangan air kecil, yang secara fizikalnya lebih mudah bagi wanita kerana mereka memiliki pundi kencing yang lebih luas (1982, p.24).

Bagaimanapun, Showalter tidak bersetuju dengan tanggapan tersebut. Menurut Showalter, untuk sekian lama kritikan berasaskan psikologi tidak dikaitkan dengan luasnya pundi kencing, sebaliknya lebih tertumpu kepada ketiadaan 'phallus' atau yang disebut sebagai *phallogentric*. Ini bermakna, soal yang diutamakan ialah psikologi wanita yang dikaitkan dengan rasa rendah diri kerana dilahirkan sebagai wanita dan tidak mempunyai penis seperti lelaki. Bagaimanapun, dalam kajian Showalter tentang psikologi wanita dalam bukunya *The Literature of Their Own* (1977) ternyata tidak selaras kepada pandangan tersebut. Sebaliknya, Showalter memperlihatkan hubungan antara psikologi pengarang wanita dengan latar pengalaman mereka. Beliau menyatakan, penulis wanita abad ke-19 menulis tentang penyakitnya sendiri, kegilaannya, anoreksia, agoraphobia, dan tentang kelumpuhannya dalam teks mereka (1982, p.25). Kebanyakan pengarang wanita pada zaman tersebut memaparkan kisah-kisah penderitaan dan keduakaan hidup yang menyebabkan kegilaan dan membunuh diri. Showalter melihat kecenderungan psikologi tersebut adalah disebabkan pengalaman diri sendiri, keluarga, dan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat Victoria pada abad tersebut. Berdasarkan kajiannya, Showalter berpendapat wanita pada zaman Victoria hidup tertekan dan mengalami penapisan sendiri (*self-censorship*) yang menyekat keinginan mereka untuk menulis. Wanita dikatakan lebih hebat daripada lelaki ketika ingin menyembunyikan emosi mereka sendiri (1977, p.25). Tekanan, sekatan dan emosi-emosi terpendam menyebabkan wanita mudah mengalami masalah kejiwaan. Hakikat ini turut dipersetujui oleh pakar psikologi, yang membincangkan tentang punca-punca kegilaan wanita, seperti yang ditampilkan melalui novel *Jane Eyre* dan *The Mill on the Floss*.

Showalter mengambil contoh kajian oleh Gilbert dan Gubar dalam *The Madwoman in the Attic*, yang memperlihatkan perbezaan psikologi wanita dalam penulisan adalah berdasarkan pengalaman buruk yang dialami oleh pengarang wanita itu sendiri. Gilbert dan Gubar (1979, p.50) menyatakan, pengalaman hidup sebagai wanita adalah penyakit

yang menyakitkan. Oleh itu, Gilbert dan Gubar menegaskan bahawa pada abad ke-19 pengarang wanita menggambarkan watak-watak wanita dalam situasi kesakitan, kegilaan, hilang selera makan, gugup dan tidak berupaya di dalam teks-teks sastera tulisan mereka. Gambaran psikologi wanita yang sedemikian dikaitkan dengan pengalaman hidup pengarang dalam masyarakat patriarki. Wanita dipandang dan dilayan sebagai kelompok 'seks kedua' dan hidup dalam keadaan rendah diri. Suasana inilah kemudian mempengaruhi psikologi wanita pada zaman tersebut. Sehubungan itu, Showalter tertarik dengan pandangan Fanny Fern yang melihat bahawa kegiatan penulisan dalam kalangan wanita adalah sebagai satu cara (*the way out*) untuk melepaskan tekanan jiwa yang dialami dalam kehidupan. Justeru, dirumuskan bahawa *women write as therapy, as a release from the stifling silence of the drawing room* (1987, p.42). Hakikat ini telah diperincikan Showalter dalam kajiannya terhadap teks-teks pengarang wanita Inggeris dalam *A Literature of Their Own* (1977).

Showalter juga menarik perhatian terhadap pandangan Miller dalam "Emphasis Added" yang menunjukkan bahawa selama ini kritikan terhadap teks wanita berlaku secara tidak adil kerana berasaskan kepada andaian Freud semata-mata. Dalam esei "The Relation of the Poet to Daydreaming" (1908) Freud menyatakan, ketidakpuasan impian dan hasrat wanita adalah erotis, iaitu keinginan yang membentuk plot naratif mereka. Sebaliknya, fantasi yang mendasari plot naratif lelaki adalah egoistik dan bercita-cita tinggi seperti upaya erotic mereka (1982, p.25). Miller menunjukkan plot dalam karya wanita telah dikaburi atau dinafikan kredibilitinya, dalam penyesuaian kepada model *phallogentric* dan bacaan ginokritik berhasil mendedahkan fantasi dan hasrat dalam penulisan wanita seperti yang dilakukan oleh lelaki. Novel-novel wanita yang menumpukan perhatian kepada fantasi cinta romantis dimasukkan ke dalam kategori yang dipandang rendah, misalnya karya oleh George Elliot dan beberapa pengarang wanita penting lain dianggap sebagai 'silly novels'. Pada pendapat Showalter, hanya sebahagian kecil daripada novel wanita menggambarkan fantasi tentang kuasa imaginasi dunia wanita di luar persoalan cinta, iaitu penerokaan yang tidak dibenarkan oleh batas-batas sosial.

Seterusnya Showalter menyarankan pengkaji menitikberatkan kepada perkembangan dan pembinaan identiti gender. Umpamanya, Nancy Chodorow dalam *The Reproduction of Mothering: Psychoanalysis and Sociology of Gender* (1978) yang melihat semula konsep psikoanalisis tradisi tentang proses kanak-kanak yang merasa diri mereka diasingkan mengikut seks, dan mereka membangun dalam sempadan ego dan tubuh badan. Mengikut Chodorow, the mother, who is a woman, becomes and remains for children of both genders the other, or subject (ibid, p.26). Kanak-kanak dikatakan membina identiti gender dengan pembezaan, kerana proses pembinaan itu tidak sama di antara kanak-kanak lelaki dan perempuan. Kanak-kanak lelaki mesti mempelajari identiti gendernya, secara negatif agar tidak menjadi seperti wanita. Perbezaan ini dicanangkan secara berterusan untuk peneguhan. Sebaliknya, kanak-kanak perempuan dengan pembinaan identiti gender utama yang positif, dibina dengan persamaan, penyambungan, dan pengenalan ibu mereka. Kesukaran wanita dengan identiti feminin bermula selepas fasa Oedipal, dengan kuasa lelaki dan pengaruh budaya memberi perbezaan nilai kepada seks yang berbeza. Oleh itu, Chodorow menyatakan psikologi wanita adalah dibentuk sedari awal sejak zaman kanak-kanak. Seterusnya beliau mencadangkan agar adanya perkongsian keibu-bapaan dan penglibatan lelaki sebagai penjaga utama kanak-kanak. Keadaan ini akan memberi kesan (perubahan) kepada penilaian kita terhadap perbezaan seks, identiti gender, dan kecenderungan yang bersifat seksual. Showalter menyokong pandangan tersebut dan menegaskan bahawa di antara kepentingan psikoanalisis feminis dalam kritikan sastera ialah memaparkan konfigurasi hubungan ibu-anak perempuan sebagai sumber kreativiti wanita.

Showalter juga memetik idea Elizabeth Abel dalam "Merging Identities" (1981) yang menekankan penyelidikan terhadap persaudaraan wanita dalam novel-novel wanita semasa. Abel menggunakan teori Chodorow bagi menunjukkan wujudnya perhubungan watak-watak wanita, dan juga hubungan pengarang-pengarang wanita dengan satu sama lain, dengan ditentukan oleh psikodinamik yang mengikat wanita. Menurut Abel, dinamik persahabatan wanita adalah berbeza dengan lelaki. Showalter memetik pendapat Abel yang merumuskan, dinamika sastera wanita mempengaruhi penulisan dan layak mendapat pengaruh teori yang sesuai dengan psikologi wanita serta mendapat kedudukan penting dalam sejarah sastera (1982, p.26). Dalam hal ini, Abel melihat teks

wanita dalam konteks sastra nasional, yang pemilihannya dibuat dengan menitikberatkan keteguhan dinamika emosi tertentu yang digambarkan dalam pelbagai situasi budaya. Dalam konteks ini, keistimewaan gender disifatkan tidak hanya pada ketetapan masyarakat, tetapi juga pada ketetapan dinamik sastra wanita itu sendiri.

Berdasarkan pandangan Freud, Jacobus, Reik, Gilbert dan Gubar, Miller, Chodorow dan Abel, Showalter merumuskan model psikologi, dengan menyanggah teori Freud yang menyatakan psikologi wanita dibentuk oleh kelemahan fizikal dan kecemburuan zakar (*penis-envy*). Idea oleh Reik juga ditolak oleh Showalter, sebaliknya bersetuju dengan idea-idea oleh Gilbert dan Gubar, Abel, Miller dan Chodorow sebagai asas dalam penjaanaan model psikologi wanita. Hasil perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa ciri-ciri model 'penulisan wanita dan psikologi wanita', adalah seperti berikut:

1. Perlakuan watak-watak dalam karya dikaitkan dengan latar pengalaman dan psikologi pengarang. Setiap emosi yang diungkapkan pengarang dalam karya adalah berdasarkan situasi kejiwaan pengarang ketika mengarang.
2. Pengarang wanita cenderung memaparkan kisah penderitaan dan kedukaan yang membawa kepada kegilaan dan membunuh diri. Cara ini dianggap sebagai satu bentuk terapi (*write as therapy*) atau jalan keluar bagi melepaskan tekanan emosi yang dialami oleh wanita dalam kehidupan.
3. Gambaran emosi pada watak-watak wanita yang dilukiskan pengarang dalam karya cenderung memperlihatkan apa yang disebut Showalter sebagai the mother-daughter configuration as a source of female creativity.
4. Psikologi wanita dibentuk semenjak zaman kanak-kanak, yang disemai berdasarkan persamaan, penyambungan dan pengenalan ibu mereka. Oleh itu, wanita memiliki hubungan psikodinamik yang mengikat diri mereka dengan wanita lain seperti dengan ibu, anak perempuan dan teman wanita. Hubungan psikodinamik ini mempengaruhi corak penulisan wanita.

Berdasarkan ciri-ciri pembentukan model psikologi di atas, menunjukkan bahawa pembicaraan tentang psikologi wanita dalam karya wanita adalah lebih berhubung dengan latar pengalaman dan peribadi pengarang. Pengalaman kejiwaan tersebut akan menentukan gaya, pemilihan persoalan dan cara perlukisan watak-watak dalam


penulisan. Justeru, bagi menggunakan model ini, pengkaji atau pengkritik mesti melihat jauh ke dalam jiwa dan latar belakang pengarang sendiri untuk lebih mudah disesuaikan dan memahami model penulisan wanita dalam konteks hubungan psikologi. Oleh itu, model psikologi wanita menyediakan satu landasan penting untuk diteliti dan difahami dalam usaha pengkaji untuk menghuraikan proses pembentukan puitika sastera wanita dalam kalangan pengarang wanita.

1.3.5 Penulisan Wanita dan Budaya Wanita

Bagi membincangkan model hubungan antara penulisan wanita dan budaya wanita, Showalter memetik pandangan Christiane Rochefort dalam "The Privilege of Consciousness" yang menyebut: "*I consider women's literature as a specific category not because of biology, but because it is, in sense, the literature of the colonized* (1982, p.27). Penjajahan yang dimaksudkan dalam petikan tersebut bermula dalam aspek budaya dan dibawa ke dalam sastera. Teori berdasarkan model budaya boleh menyediakan cara yang lebih lengkap dan memuaskan untuk bercakap tentang kekhususan dan perbezaan penulisan wanita berbanding teori berdasarkan biologi, linguistik, atau psikologi (ibid, p.27). Bagi Showalter, teori budaya menggabungkan idea tentang badan wanita, bahasa dan jiwa, serta ditafsirkan dalam hubungan konteks sosial mereka. Cara wanita membentuk konsep tubuh badan mereka dan sifat seks mereka, adalah berhubung dengan persekitaran budaya mereka. Jiwa wanita boleh dikaji sebagai hasil keluaran (*product*) atau pembinaan kuasa budaya. Pengetahuan teori budaya tentang perbezaan penting antara wanita sebagai pengarang; kelas, ras, warganegara dan sejarah adalah menentukan pentingnya sastera seperti juga gender.

Dalam usaha mentakrif semula budaya wanita, para sejarawan membezakan antara peranan, aktiviti, sikap, dan gambaran perlakuan yang sesuai dengan kehidupan wanita. Dengan mengenal pasti setiap dari unsur tersebut, dianggap boleh membantu wanita dalam menjalani kehidupan seharian. Menurut Showalter, budaya wanita merujuk kepada komuniti yang luas berdasarkan nilai, institusi, hubungan, dan kaedah komunikasi yang menyatukan pengalaman wanita abad ke-19, budaya tetap dengan variasi yang signifikan berdasarkan kelas dan kumpulan etnik (1982, p.28-29). Hipotesis tentang

budaya wanita telah berkembang dan mendapat keutamaan dalam mentafsir pengalaman budaya wanita. Dalam bidang sejarah wanita, konsep budaya wanita masih hangat diperkatakan, walaupun terdapat persetujuan tentang kepentingannya sebagai formula teori. Showalter memetik kajian Gerda Lerner dalam "The Challenge of Women's History" (1979) yang menjelaskan adalah penting untuk memeriksa pengalaman wanita dalam konteks mereka sendiri. Lerner mengambil contoh ke atas apa yang pernah berlaku pada zaman Victoria dan Jackson pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19. Pada zaman tersebut, aktiviti dan peranan lelaki dan wanita dipisahkan dan sebagai kesannya tidak wujud tindan lapis (*overlap*) antara tugas wanita dan lelaki. Kedudukan wanita dan lelaki dilukiskan seperti rajah berikut (1982, p.28):




Rajah1: Peranan wanita dan lelaki dipisahkan pada zaman Victoria dan Jackson (dipetik daripada tulisan Showalter, 1982, p.29).

Rajah 1 di atas, memperlihatkan pembahagian peranan wanita dan lelaki secara terpisah dan ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan wanita, kerana suara mereka telah dilenyapkan. Dengan tiadanya pertindangan dan dengan memandang rendah kepada wanita, ruang wanita telah ditafsirkan dan dikekalkan oleh lelaki. Sebahagian sejarawan feminis menerima model ruang berasingan (*seprate spheres*) tersebut, tetapi sebahagian yang lain melihatnya secara lebih kompleks. Menurut mereka, kedudukan tersebut menunjukkan tiada perubahan antara budaya lelaki dan wanita kerana pemisahan tugas dilakukan secara umum. Antaranya seperti yang dikemukakan oleh Lerner, yang melihat wanita masih ditempatkan dalam kumpulan yang dibisukan (*muted*

group). Model wanita dan budaya yang dipaparkan itu, didapati tidak seimbang dan sukar untuk difahami. Oleh itu, Showalter berpendapat model tersebut gagal untuk menyelesaikan persoalan yang merangkumi sejarah dan budaya wanita. Malahan, ia tidak mampu mentafsir perkara-perkara berhubung dengan pengalaman wanita, terutama kerana pada zaman tersebut. Pengalaman wanita tidak dipedulikan langsung oleh model androsentrik.

Kekurangan dan ketidakupayaan model androsentrik tersebut menyebabkan para sarjana memikirkan semula satu model baharu. Antaranya adalah yang dilakukan oleh dua orang sarjana Oxford, iaitu Shirley dan Edwin Ardener. Kedua-duanya, sejarawan dan antropologis, melihat model-model sedia ada tidak cukup untuk menganalisis budaya wanita. Model androsentrik seperti contoh di atas, ternyata tidak memasukkan pengalaman wanita, dan dianggap menyimpang serta mengabaikan wanita. Ardener telah cuba melakar secara kasar model budaya wanita. Melalui dua esei oleh Edwin Ardener, "Belief and the Problem of Women" (1972) dan "The 'Problem' revisited" (1975), memperkatakan tentang pembinaan model baharu untuk memperlihatkan kedudukan dan kepentingan wanita dalam budaya, sesuai dengan sikap lelaki melabelkan wanita sebagai "diam dan membisu" (silence and silencing). Ardener menerangkan hubungan wanita dalam *muted group* dengan *dominant group* (lelaki) melalui diagram berikut:



Rajah 2: Hubungan wanita dalam 'mute group' dengan 'dominant group' (dipetik daripada tulisan Showalter, 1982, p.30).

Rajah di atas menunjukkan kedudukan kelompok bisu yang berada di bilatan Y dan ia masuk ke dalam garis sempada dominasi lelaki di bulatan X. Ia berbentuk bulan sabit dan Y berada di luar sempadan X. Oleh kerana kedudukan Y berada di luar sempadan dominasi, maka Ardener mentafsir ruang tersebut sebagai zon liar. Para feminis berpendapat zon liar tersebut adalah sebagai ruang wanita, iaitu ruang budaya wanita dengan pengalaman atau metafizik. Inilah ruang yang sepatutnya diberi perhatian dalam kritikan, teori dan seni yang akan sama-sama cuba mewujudkan 'yang diam, bersuara'. Ruang Y juga berdiri sebagai zon wanita, iaitu kawasan yang terlarang bagi lelaki, manakala zon X ditutup kepada wanita. Ruang ini juga disebut sebagai ruang anti-patriarki, iaitu kawasan bebas daripada bahasa, kesedaran dan budaya patriarki.

Walau bagaimanapun, model Ardener ini menunjukkan pengawalan pihak lelaki dalam setiap peranan, tanggungjawab dan aktiviti sosial dalam masyarakat. Kedudukan ini juga menunjukkan bahawa wanita masih dipinggirkan secara tidak langsung. Namun bagi Showalter, model Ardener ini mepnyyai hubungan dan implikasi dengan teori sastera feminis semasa. Menurut beliau, penulisan wanita bukan merupakan bahagian dalam, atau bahagian luar daripada tradisi lelaki, sebaliknya ia merupakan bahagian dalam bagi kedua-dua tradisi secara serentak, yang selama ini tersembunyi dari arus utama. Perbezaan penulisan wanita hanya boleh difahami dalam suasana kompleks ini dan sejarah tentang sebab dan akibat hubungan budaya. Aspek penting dalam model Ardener adalah wujudnya kelompok bisu selain wanita, iaitu struktur penting yang boleh menentukan kebanyakan struktur yang didiamkan. Justeru, adalah menjadi peranan Ginokritik untuk menerangkan secara jelas tentang budaya dan identiti sastera wanita, serta menjelaskan tekanan-tekanan yang merintang pengarang wanita dalam budayanya.

Teori Ginokritik meletakkan pengarang wanita dengan hormat pada budaya sastera yang boleh diubah seperti mod pengeluaran dan pengagihan, hubungan antara pengarang dengan pembaca, seni tinggi dengan seni popular dan peringkat-peringkat dalam genre. Selama ini, dalam konsep sastera yang berasaskan lelaki karya wanita telah diserapkan secara paksa ke dalam gugusan yang tidak berhubungan tersebut. Perjalanan sejarah penulisan wanita telah ditahan, meninggalkan sempadan luas dan

misteri dalam perkembangan genre sastera. Teori-teori semasa tentang wanita yang mendapat pengaruh sastera seperti Teori Ginokritik perlu diuji ke atas teks-teks wanita. Teks yang dihasilkan oleh lelaki seperti Harold Bloom dan Edward Said dikategorikan sebagai teks yang bersifat 'kebapaan', manakala karya oleh pengarang wanita pula bukan hanya bersifat 'keibuan', malah merangkumi keibubapaan dan kekeluargaan (Showalter, 1982, p.33). Walaupun Woolf dalam *A Room of One's Own* menyatakan, *we think back through our mothers if we are women* (ibid, p.33), tetapi menurut Showalter, pengarang wanita juga tidak dapat elakkan diri daripada berfikir semula melalui bapa mereka. Pada Showalter, hanya pengarang lelaki boleh mendiamkan sebahagian daripada asal-usul mereka. Justeru, wanita perlu lebih bijak menangani pengaruh, tidak hanya untuk mengetengahkan karya mereka, tetapi juga untuk memahami cara lelaki menulis. Showalter menerangkan satu kelebihan utama dalam model budaya wanita, iaitu ia menunjukkan bagaimana tradisi wanita dapat menjadi sumber kekuatan dan solidariti positif, serta dapat menghasilkan pengalaman dan lambang-lambang sendiri yang bukan sekadar refleksi dari tradisi lelaki (ibid, p.34). Ini menjadikan model budaya wanita sebagai asas penting dalam membincangkan penulisan wanita. Tradisi wanita boleh menjadi sumber positif bagi kekuatan perpaduan yang boleh menghasilkan pengalaman dan lambang-lambang sendiri yang tidak terdapat dalam tradisi lelaki.

Bagaimanakah model budaya wanita dapat membantu kita memahami teks? Antara kesan model ini adalah sastera wanita dibaca sebagai 'wacana dwisuara', iaitu mengandungi suara *dominant and muted story*. Ini bermaksud, wanita tidak semata-mata memaparkan kisah-kisah dalam dunia wanita, sebaliknya merangkumi unsur-unsur social, sastera dan warisan budaya kumpulan lelaki dan wanita, serta interaksi antara kedua-duanya. Showalter menegaskan, tulisan wanita tidak berada di dalam dan di luar tradisi lelaki, sebaliknya mereka berada dalam dua tradisi secara serentak (ibid, p.32). Persoalan yang akan dihadapi oleh wanita ialah dua alternatif serentak, iaitu melihat 'teks lain' dalam sastera wanita yang walaupun disenyapkan dari novel ke novel tetapi sentiasa ada untuk dibaca dan dianalisis mengikut konteks berkaitan.

Berdasarkan idea-idea oleh Rochefort, Lerner, Ardener dan Woolf tentang penulisan wanita dan budaya wanita, dapatlah dirumuskan bahawa model budaya menekankan perkara-perkara berikut;

1. Cara wanita membentuk kekuatan dan perpaduan melalui semangat persaudaraan wanita bagi menghadapi masalah mereka dalam masyarakat.
2. Pelbagai bentuk pengalaman wanita dan cara-cara tanggapan terhadap wanita serta cara wanita menyesuaikan diri dengan masyarakat.
3. Teks-teks yang dihasilkan oleh pengarang wanita bukan hanya bersifat keibuan, malah merangkumi keibubapaan dan kekeluargaan, sedangkan teks lelaki cenderung bersifat kebapaan.
4. Penulisan wanita bukan merupakan bahagian dalam atau bahagian luar tradisi lelaki, sebaliknya merupakan bahagian dalam bagi dua tradisi serentak yang selama ini tersembunyi dari arus utama.
5. Tradisi wanita menyerlahkan lambang-lambang tersendiri bagi tujuan mentakrif pengalaman wanita sebagai satu rombongan cara wanita dipaparkan dalam mitos lelaki.

Dengan itu, model budaya yang dicadangkan oleh Showalter dalam penulisan wanita adalah wajar dipertimbangkan sebagai amat berguna bagi usaha kritikan feminis. Saranan tersebut membuka kepada pengetahuan yang lebih luas tentang pengalaman wanita dalam masyarakat dan dalam teks wanita, serta untuk melihat tulisan sebenar wanita sebagai hasil keluarana atau pembinaan kuasa budaya. Model ini dapat dimanfaatkan sebagai asas penting dalam memahami proses kepengarangan, khususnya pembentukan puitika sastera wanita.

2. Menelusuri Puitika Sastera Wanita dalam Novel Negara serumpun

Bahagian perbincangan ini akan ditumpukan kepada novel-novel pilihan yang dihasilkan oleh pengarang wanita Indonesia, berdasarkan perspektif teori ginokritik. Walau bagaimana pun, memandangkan ruang dan kesempatan yang terhad, perbincangan ini hanya akan memberikan perhatian kepada dua model Teori Ginokritik

sahaja, iaitu pertama, penulisan wanita dan biologi wanita, dan kedua, penulisan wanita dan budaya wanita. Novel-novel yang dipilih untuk tujuan kajian bahagian ini adalah merupakan karya yang dihasilkan oleh dua orang pengarang wanita bagi setiap negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura. Mereka dari Indonesia ialah Titis Basino dengan trilogi novelnya *Dari Lembah Ke Coolibah* (2000), dan Oka Rusmini dengan novel *Tarian Bumi* (2000). Sementara dari Brunei ialah novel *Gerun* (2013) oleh Norsiah Haji Abdul Gapar dan *Kembara Mencari Cahaya* (2014) oleh Norhamizah Samihon, serta dari Singapura novel *Kalut* (2017) oleh Rohani Din dan *Emma X Hud* (2018) oleh Nirrosette.

Setiap karya yang dipilih telah dikenal pasti mempunyai ciri-ciri keisitimewaan tersendiri, khususnya daripada jurus pandangan feminisme. Persoalan-persoalan yang diketengahkan menerusi novel-novel pilihan ini berhubung dengan soal mencari kebebasan daripada semua bentuk kongkongan dan kekangan, perjuangan hidup, dan persoalan cinta. Semua persoalan tersebut dikemukakan dalam naratif dengan menggunakan teknik, strategi dan gaya bahasa yang istimewa dan tersendiri. Persoalan-persoalan yang dikemukakan pengarang terpilih ini mencerminkan apa yang digesa G.H.Lewes bahawa wanita harus menyatakan apa yang mereka benar-benar kenal, rasakan dan deritai. Dengan perkataan lain, setiap pengarang terpilih muncul dengan isu-isu yang berpusat kepada pengalaman wanita, iaitu sesuatu yang benar-benar mereka tahu, alami, rasai dan apa yang dideritai. Setiap persoalan tersebut disaring, diolah, dan dikemukakan menggunakan perlambangan, cara dan jurus pandangan wanita sendiri. Berdasarkan penelitian awal, diandaikan pengarang wanita terpilih ini memperlihatkan cara dan gaya penceritaan sendiri, dan mengelak daripada terikut-ikut dengan cara dan gaya penulisan lelaki. Mereka mengelak cemuhan pengkritik feminis, iaitu 'she writes like a man' dengan membuktikan mereka menulis seperti wanita (*writes like a women*). Menurut Terry Lovell, yang dimaksudkan 'menulis seperti wanita' adalah merujuk kepada dua perkara, pertama, menulis tentang pengalaman-pengalaman wanita, dan kedua, mereka seharusnya mencari gaya natural untuk mereka sendiri (1983, p.20). Alicia Ostriker dalam *Writing Like Women* mengemukakan beberapa persoalan mengenai penulisan wanita, iaitu adakah wanita menulis secara berbeza daripada lelaki? Apakah makna cinta terhadap diri sendiri, lelaki, dan wanita lain bagi wanita, dan apakah

kebencian mereka? Adakah kedudukan marginal pengarang wanita menghasilkan cara berfikir yang berbeza mengenai politik atau sejarah, atau bahkan bahasa itu sendiri? (1983, p.5).

Dengan menjawab semua persoalan di atas, sudah pasti akan menyerlahkan perkara-perkara unik dalam penulisan yang berkaitan dengan pengalaman wanita. Gambaran pengalaman wanita merangkumi hal-hal seperti sumber kekuatan, gaya, kesukaan, kecerdasan, rahmat, kekasaran, keintelektualan, dan tema yang dipilih untuk diungkapkan ke dalam tulisan mereka. Berdasarkan pandangan Lovell dan Ostriker tersebut, disimpulkan bahawa pengarang wanita harus menulis tentang pengalaman wanita dengan memanfaatkan gaya mereka sendiri. Oleh itu, kisah-kisah yang dipaparkan dalam penulisan pengarang wanita diandaikan memberi gambaran yang lebih objektif, adil, dan jujur tentang pengalaman wanita termasuk sumber kekuatan wanita, gaya, senda gurau, kesedihan, kelembutan, kecerdikan, budi, kekasaran, serta cara mereka menanggapi sesuatu dan mengungkapkannya dalam bentuk penulisan kreatif. Inilah aspek-aspek yang cuba dikesan dalam novel-novel pengarang wanita dari negara serumpun. Berdasarkan huraian dan pengamatan tersebut, kajian ini akan menggunakan model-model biologi, bahasa, psikologi, dan budaya dalam ginokritik sebagai landasan penelitian dan perbincangan.

2.1 Penulisan Wanita dan Biologi Wanita

Wanita dan lelaki diklasifikasikan merujuk ciri-ciri biologi pada setiap jantina yang dipanggil biological determinism, iaitu perbezaan biologi di antara lelaki dan wanita yang menentukan peranan sosial. Ciri-ciri biologi wanita membolehkan mereka mengandung, melahirkan, dan menyusukan anak. Faktor biologi ini juga telah dijadikan premis untuk golongan lelaki bersikap dominasi dalam sesebuah masyarakat seperti pendapat Shirley Ardener, biologi sebagai elemen penting dalam memahami kedudukan wanita dalam masyarakat, tetapi tidak hanya dalam pemahaman sebagai fakta semulajadi (1993, p.1). Di Indonesia, tanggapan terhadap peranan wanita diungkap dalam ideologi yang dirumus dalam Panca Darma Wanita yang menggariskan lima tugas utama wanita, iaitu sebagai i) isteri pendamping suami, ii) ibu pengelola rumahtangga, iii) ibu penerus keturunan, iv) ibu pendidik anak-anak, dan v) warga negara Indonesia. Prinsip-prinsip tersebut

menunjukkan empat daripada tugas yang ditetapkan untuk wanita adalah berada dalam sfera domestik (sebagai isteri dan ibu) dan hanya satu yang melibatkan peranan dalam sfera umum. Prinsip ini dilihat sebagai petunjuk sosial wujudnya perbezaan antara wanita dan lelaki. Sebagai wanita Indonesia, mereka juga harus memiliki sifat-sifat seperti “nrima, pasrah, halus, sabar, bakti dan sifat-sifat lain seperti cerdas, kritis dan berani menyatakan pendirian (Saparinah, 1982, p.155).

Sifat-sifat ideal wanita Jawa tersebut adalah berdasarkan nilai-nilai yang digariskan masyarakat ke atas wanita. Justeru, ciri-ciri tersebut dijadikan landasan perjuangan wanita bagi membebaskan diri daripada nilai-nilai tradisi yang dianggap mengongkong wanita. Dalam masyarakat Indonesia, isu biologi wanita dikaitkan dengan soal kudrat. Menurut Mansour Fakhri, pengertian kudrat wanita sebagai ketentuan biologis atau ketentuan Tuhan menjadi rancu dengan pengertian konstruksi sosial dan cultural atau gender (1999, p.110). Berdasarkan pendapat tersebut, dirumuskan bahawa masyarakat Indonesia menganggap kemampuan wanita memainkan peranan dalam masyarakat adalah terhad kerana faktor biologi yang dikatakan lemah. Ia dikaitkan dengan ketentuan Tuhan, iaitu menyatakannya sebagai kejadian Tuhan dan wanita harus menerimanya. Oleh kerana faktor biologi, wanita dipandang rendah, diberi peranan terhad, dan dieksploitasi oleh masyarakat patriarki. Aspek-aspek biologi wanita yang diungkapkan novel-novel terpilih ini adalah berhubung dengan persoalan berikut:

1. Identiti diri wanita,
2. Ungkapan seksualiti wanita,
3. Penentangan terhadap patriarki, dan
4. Isu ketidakadilan gender.

2.1.1 Identiti Diri Wanita Dalam Penulisan

Persoalan identiti wanita menjadi salah satu isu yang dikemukakan dalam novel wanita, apabila permasalahannya dihubungkan secara langsung dengan aspek biologi wanita. Cara pengungkapan sebegini menampilkan konsep *écriture feminine* dalam

penulisan wanita, iaitu merujuk kepada bagaimana penulisan wanita adalah wacana khusus yang lebih dekat dengan tubuh badan (Humm, 1989, p. 9). Melalui novel *Tarian Bumi* misalnya, terdapat paparan situasi perubahan biologi daripada kanak-kanak kepada akil baligh ditandai oleh upacara *meneh kelih*, iaitu upacara pegumuman rasmi lahirnya gadis baru dalam sebuah keluarga. Oka Rusmini mendedahkan penerimaan negatif anak gadis terhadap pengalaman dan perubahan biologi mereka, seperti yang dialami Telaga, "Telaga sangat membenci proses yang terjadi dalam tubuhnya. Dia sering bertanya, kenapa mesti dewasa?" (2000, p.51). Dalam hal ini, Telaga lebih senang menjadi kanak-kanak daripada menjadi orang dewasa. Pengalaman identiti biologi yang mengganggu wanita juga diperlihatkan melalui Luh Kenten yang mengakui:

"Daging itu sangat mengganggu, kerana diperlukan berlembar-lembar kain untuk menutupnya. Belum lagi tiap bulan ada darah yang mengalir dari kedua batang kakinya. Darah yang mengalir semauanya sendiri!" (ibid, p.23).

Kedua-dua petikan ini memperlihatkan cara pengarang mendedahkan fenomena biologi wanita yang ditandai oleh wujudnya payu dara yang membesar dan kehadiran haid sebagai sebahagian daripada gambaran identiti biologi wanita dan cara-cara wanita menanggapinya.

Aspek identiti diri wanita yang turut diangkat dalam penulisan novel adalah berhubung dengan isu perawan (*virginity*), yang dianggap sebagai simbol kesucian dan kejujuran wanita. Keperawanan tidak hanya berfungsi sebagai simbol dalam hubungan kasta atau masyarakat, tetapi mempunyai kepentingan praktikal pada penglibatan wanita, khususnya kepada lelaki dan keluarga. Gambaran Oka Rusmini tersebut mempunyai hubungan dengan perubahan sosial yang berlaku ke atas masyarakat, khususnya wanita Indonesia mutakhir. Hal ini menggambarkan perubahan sistem nilai sosiobudaya masyarakat Indonesia selepas era reformasi, dan fenomena tersebut memberi kesan yang jelas pada corak pemikiran wanita, dan gambaran identiti wanita sebagai individu. Pengarang wanita tampil dengan isu-isu biologi wanita yang bersifat peribadi dan yang disembunyikan sebelumnya. Oleh itu, penulisan novel daripada aspek biologi wanita dilihat sebagai satu ruang untuk pengarang mengungkapkan pengalaman wanita. Oka Rusmini memanfaatkan pengalaman biologi wanita seperti isu perawan untuk menyampaikan protes terhadap nilai-nilai adat dalam masyarakat. Aspek biologi

wanita yang dijadikan sebagai sumber dalam penulisan bertujuan mengungkapkan pengalaman dan pandangan wanita daripada perspektif wanita sendiri. Aspek tersebut berkait rapat dengan pengalaman wanita dalam realiti kehidupan, sekali gus bermakna pengarang Oka Rusmini menjadikan aspek biologi wanita sebagai sumber penulisan seperti pendapat Showalter *women's writing proceeds from the body, that our sexual differentiation is also our source* (1982, p.19). Hakikat ini menunjukkan aspek biologi telah dijadikan sebagai satu landasan dalam pembentukan puitika sastera baru dalam penulisan pengarang wanita Indonesia.

Dalam konteks masyarakat Melayu di Malaysia, secara umumnya tanggapan masyarakat terhadap wanita tidak terlepas juga daripada dikaitkan dengan faktor biologi. Hal ini diperkukuhkan oleh pandangan Roziah Omar yang menyatakan, *the Malay women's body is entirely socially constructed* (1994, p.31). Penilaian masyarakat terhadap seseorang wanita masih diselubungi dengan paradigma, nilai-nilai tradisi dan harapan-harapan yang diletakkan kepada wanita. Dengan kata lain, tanggapan terhadap wanita adalah dibina atas dasar sistem patriarki. Berdasarkan kajiannya, Roziah Omar merumuskan bahawa sifat-sifat ideal wanita Melayu dari perspektif masyarakat adalah seperti berikut (ibid, p.29):

1. wanita yang memenuhi tugas sebagai isteri, ibu, menantu dan anak perempuan.
2. wanita yang kurang wibawa, tetapi setia dan menghormati suami sepenuhnya.
3. wanita yang terdidik (berperilaku baik) dan menarik (cantik).
4. wanita yang subur dan mampu melahirkan zuriat.

Pandangan Roziah ini memperlihatkan bagaimana masyarakat Melayu menilai status dan kedudukan wanita secara umum. Kenyataan ini menunjukkan bahawa penilaian terhadap wanita tidak dapat tidak adalah dikaitkan dengan peranan mereka sebagai isteri, ibu, menantu dan anak perempuan. Mereka juga dinilai dengan memiliki sifat-sifat yang kurang wibawa, tetapi setia dan hormat kepada suami, berbudi bahasa, cantik-menarik, dan 'subur', iaitu dapat memberikan zuriat kepada suami. Berdasarkan ciri-ciri penilaian tersebut, didapati juga seseorang wanita itu dianggap ideal apabila mempunyai sifat-sifat kurang yakin-diri, setia dan penuh penghormatan kepada suami (ibid, p.29). Pandangan tersebut bermaksud seorang wanita yang ideal di mata lelaki harus memiliki

ciri-ciri yang menyenangkan lelaki, termasuk ketidakpercayaan diri, setia dan hormat pada suami. Sifat-sifat yang diharapkan pada wanita tersebut melambangkan kekuasaan lelaki (*man-powered*) untuk menundukkan wanita agar tidak sama statusnya dengan lelaki, apalagi mengatasi status dan kedudukan lelaki. Kurang yakin-diri (*diffident*) dalam konteks ini dapat dihubungkan dengan sifat wanita yang tidak berwibawa, tidak berani bersuara, dan mempunyai mentaliti lebih rendah berbanding lelaki. Dengan memiliki sifat-sifat sedemikian, menjadikan kaum wanita bersikap pasif, menyerah, akur dan tidak berani mempersoalkan suaminya. Oleh itu kaum wanita akan lebih mudah ditadbir, diperintah, dimanipulasi dan dicorakkan kehidupan mereka oleh suami/lelaki. Gambaran yang diberikan oleh Roziah Omar ini didapati relevan dengan gagasan model biologi, terutama berhubung dengan pemikiran sempit patriarki terhadap biologi wanita.

Dalam *Menongkah Lumrah* misalnya, pengarang memperlihatkan cara identiti wanita dikenali dan dihubungkan dengan faktor biologi, khususnya yang dicerminkan dalam tanggapan pemikiran patriarki terhadap biologi wanita. Dalam novel oleh Azmah Nordin mendedahkan tentang tanggapan masyarakat patriarki (diwakili lelaki di pejabatnya) yang menilai identiti wanita (diwakili watak Zakiyyah) berdasarkan pemahaman mereka yang sempit. Identiti wanita seboleh-bolehnya dihubungkan dengan keadaan fizikal tubuh badan seseorang wanita seperti gambaran pengarang dalam petikan berikut (Azmah, 1996, p.16):

(Bentuk tubuhnya? Kurus langsing. Usia? Awal tigapuluhan. Status perkahwinannya? Bujang semula. Sifat kewanitaannya? 50% agresif. Visi atau penglihatannya? Sempurna 20/20. Goyang pinggulnya..?)

Gambaran di atas memperlihatkan pengarang sengaja memaparkan ayat-ayat yang menekankan bahawa identiti seseorang wanita pada tanggapan dan pemahaman patriarki adalah dikaitkan dengan bentuk fizikal tubuh badannya. Dengan perkataan lain, sebahagian lelaki menilai wanita berdasarkan susuk badan, sama ada memenuhi cita rasa mereka atau sebaliknya. Penilaian terhadap wanita yang seumpama ini adalah cenderung untuk dihubungkan dengan wanita sebagai simbol seks. Sedangkan aspek-aspek lain pada diri wanita seperti ciri-ciri kualiti dalaman tidak diambil kira untuk dikaitkan dengan pembentukan identiti wanita. Melalui novel tersebut, pengarang mengutarakan pendapat bahawa corak penilaian tersebut cenderung kepada sikap ketidakadilan dan

tidak rasional kerana lazimnya ciri-ciri kualiti seorang individu tidak terletak pada rupa parasnya. Sebaliknya ciri-ciri ini terletak pada keupayaan dan kemampuan mental serta fizikal seseorang individu dalam menangani tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Berdasarkan perlukisan tersebut, pengarang Azmah Nordin didapati secara terang-terangan mendedahkan kebenaran terhadap pandangan Showalter yang menyatakan bahawa *patriarchal thought has limited female biology to its own narrow specifications* (1982, p.18).

Persoalan identiti wanita yang terbentuk berdasarkan tanggapan patriarki yang terhad juga diperlihatkan oleh Fatimah Busu dalam *Salam Maria*. Melalui novel ini, Fatimah Busu menampilkan aspek biologi wanita sebagai satu kaedah untuk mendedahkan cara masyarakat patriarki menilai identiti wanita. Pengarang menunjukkan wanita dinilai sebagai objek seks, perhatikan dialog ini (2004, p.15):

“Huh! Lihatlah tubuhnya yang besar, kalau aku jadi pasangannya di tempat tidur, nescaya aku akan lembik tidak bernyawa lagi!”

“Hah, bolehlah tahan! Kalau sejuk-sejuk pada malam hari boleh menjadi selimut!”. “Ha...ha...ha...!”

“Kalaulah dia itu dapat pada aku...Uh! Aku tidak tahu bagaimana hendak buat dengan dia. Tidak tahu sama ada dia atau aku yang di atas!”

Dalam gambaran di atas, pengarang dengan sinisnya mendedahkan betapa cetek dan sempitnya pemikiran sebahagian lelaki, sehingga memandang rendah kepada wanita dan menganggap wanita hanya sebagai objek seks. Walau bagaimanapun, gambaran di atas merupakan pandangan lelaki yang dilihat dari sudut wanita, yang boleh diperdebatkan ketepatannya. Hal ini kerana menurut Raman Selden, wanita tidak melihat sesuatu dengan cara yang sama seperti lelaki, dan mempunyai idea dan perasaan yang berbeza mengenai perkara yang penting atau tidak penting (1993, p.211). Namun begitu, perlukisan berkenaan adalah terbentuk berdasarkan pengalaman kehidupan sebenar wanita dalam masyarakat, yang berbeza daripada pengalaman lelaki. Justeru, menurut Culler, ramai pengkritik feminis mendakwa, pengalaman wanita akan mendorong mereka (pengkritik wanita) untuk menilai karya dengan lebih baik daripada rakan lelaki mereka, yang menganggap sesuatu permasalahan tidak penting kerana minat dan pemahaman

yang terhad (1983, p.45). Oleh itu, pengalaman yang dipaparkan oleh pengarang di atas dilihat sebagai lebih bersifat berwibawa (*authority*) dan lebih tepat kerana diungkapkan oleh wanita sendiri. Gambaran tersebut menyerlahkan corak pemikiran lelaki yang cenderung melihat identiti wanita dari sudut biologi mereka semata-mata. Pendedahan pengarang ini juga menunjukkan keketatan yang masih menguasai sesetengah pemikiran kaum lelaki, yang menilai identiti wanita berdasarkan aspek biologi yang sempit.

Berdasarkan pandangan kedua-dua pengarang tersebut, dapat dirumuskan bahawa Azmah Nordin dan Fatimah Busu telah menerapkan ciri-ciri biologi wanita ke dalam penulisan mereka. Walau bagaimanapun, gambaran biologi yang dikemukakan itu bukan bertujuan untuk mendedahkan tubuh badan wanita, sebaliknya bermatlamat untuk mendedahkan mentaliti kaum lelaki terhadap wanita, khususnya dalam soal identiti. Oleh yang demikian, untuk lebih memahami dalam pembacaan terhadap teks wanita, seperti yang disarankan dalam model biologi, hendaklah diperhatikan *kepada the body of her writing and not the writing of her body*. Ini bermakna, apa yang penting ialah untuk meneliti dan menghayati sesebuah karya tulisan wanita, perlulah melihat kepada keseluruhan bentuk teks yang dihasilkan, dan bukannya melihat pada penulisan tentang bentuk tubuh badan seperti di dalam teks tersebut. Berdasarkan novel-novel terpilih, pemaparan aspek biologi wanita yang menyerlah dalam penulisan hanya dapat dikesan dalam novel Azmah Nordin dan Fatimah Busu di Malaysia, yang secara tidak langsung turut cenderung memanfaatkan aspek biologi ke dalam penulisan mereka.

Selain daripada itu, dalam novel-novel terpilih di Malaysia juga tidak terdapat gambaran biologi wanita yang dikesan mengungkapkan soal-soal berhubung dengan kehidupan peribadi wanita seperti soal naluri keinginan seksualiti seperti yang digarap dan dikesan dalam teks-teks kajian yang mewakili novel Indonesia. Dengan perkataan lain, dalam kalangan pengarang wanita Malaysia terpilih memang wujud garapan aspek biologi wanita dalam penulisan, tetapi aplikasi tersebut dibina di atas landasan, keperluan, dan matlamat yang terbatas, bukan atas dasar hak dan kebebasan wanita yang menyeluruh. Persoalan ini tidak didedahkan dengan sepenuhnya oleh pengarang kerana wujudnya

kekangan nilai-nilai adat dan agama yang melatari pemikiran dan kehidupan pengarang wanita Malaysia.

Di Brunei Darussalam, aspek identiti diri wanita yang turut diangkat dalam penulisan novel tetapi lebih cenderung untuk dihubungkan dengan soal kepatuhan wanita kepada tuntutan syariat Islam. Kedua-dua novel yang dipilih, iaitu *Kembara Mencari Cahaya* (2014) oleh pengarang muda Nurhamizah Samihon dan *Gerun* (2013) oleh pengarang senior terkemuka Brunei, Norsiah Abdul Gapar. Kedua-dua pengarang wanita ini dikesan turut mengangkat isu identiti wanita, yang dihubungkan dengan pengenalan mereka sebagai wanita Islam. Aspek biologi wanita yang diketengahkan oleh pengarang melalui novel-novel mereka tidak dapat dipisahkan daripada aspek pemahaman dan penghayatan mereka terhadap pegangan agama Islam yang dianuti oleh mereka. Gambaran tersebut antaranya dapat dilihat pada contoh petikan berikut: ,

“Sebenarnya sejak mengenal apa erti sebuah kecantikan dan keindahan, aku selalu memandang mama dengan rasa kagum. Benar. Mama adalah seorang wanita yang sangat rupawan. Kulit mama putih mulus dan kemerah-merahan. Bibir mama tidak perlu dicalit gincu kerana sentiasa hadir natural berwarna merah jambu. Hidung mama mancung dan kemas. Alisnya hitam, tidak begitu tebal. Matanya galak besar dan mencengkung ke dalam dengan bulu mata yang panjang dan melentik...” (2013, p.11).

“Mama buat semua yang baik dan cuba tinggalkan segala maksiat. Mama hafal banyak surah-surah lazim. Mama hafal surah al-Kahfi yang sering dibaca bersama ninda setiap malam jumaat, hafal surah al-Mulk yang menjadi zikir sebelum tidurnya.”.(ibid, p.10).

Kedua-dua petikan di atas memaparkan keinginan pengarang untuk memperlihatkan subjek tubuh wanita yang kemudian telah disepadankan dengan anutan kepercayaan agama mereka. Petikan pertama di atas, menunjukkan bahawa wanita yang dilahirkan dalam bentuk fizikal yang begitu sempurna dan memukau pandang. Ia menimbulkan rasa kekaguman dan pesona yang tersendiri dalam naluri wanita terhadap tubuh badan mereka. Namun begitu, bagi pengarang mereka tetap perlu untuk memberikan ketaatan dan kepatuhan kepada cara dan gaya hidup sebagai muslimat sejati. Watak mama dan anak gadisnya, Ameerah Batrisya, digambarkan sebagai wanita cantik, kaya dan pernah tersasar dalam arus kemewahan dan kemodenan hidup yang mereka nikmati. Tetapi ternyata pengarang tidak membiarkan wanitanya hanyut dalam pesona tersebut,

sebaliknya pengarang telah bertindak mengembalikan mereka kepada jalan yang lurus, demi cita-cita dan harapan pengarang terhadap watak-watak wanita janaannya. Ini dapat dilihat pada harapan dan keinsafan seperti ungkapan berikut:

“Mama mahu aku menghuni dunia yang fana ini seperti dia seronok melaluinya. Menjadi seorang wanita moden yang satu hari akan kembali kepada jati dirinya yang atuk dan ninda harapkan. Cuma adakah nanti masa untuk bertaubat dan kembali ke pangkal jalan? Sementelah ujar ninda selalu, kematian tidak pernah mengkhabarkan bila ia akan datang. Sedar-sedar nyawa sudah di kerongkongan sedangkan insan masih lalai dalam keseronokan (2013, p.14).

Dalam konteks di atas, ternyata pengarang lebih kepada memperjuangkan cita-citanya untuk menjadikan watak wanitanya selaras dengan keperluan masyarakat di negaranya. Ini membayangkan gaya penulisan pengarang wanita Brunei ini tidak mengendahkan seruan feminis, untuk memberikan suara kepada wanita bagi memperjuangkan hasrat, keinginan dan kebebasan yang diingini oleh mata lahiriah wanita, sebaliknya membuka mata wanita untuk memandang dan memperlengkapkan kehidupan mereka yang lebih bermakna daripada kaca mata batin. Ini merupakan satu pembentukan identiti yang tersendiri dengan berpandukan keperluan sendiri dan tidak akur kepada saranan feminis terhadap penulisan wanita.

Bentuk pemaparan yang sama dikenal pasti pada watak-watak wanita muda, Laila dan Dorianna dalam novel *Kembara Mencari Cahaya* (2014) oleh pengarang muda Nurhamizah Samihon. Dorianna, gadis cantik berketurunan kacukan Inggeris-Melayu Semenanjung Malaysia dan tinggal di kota London. Secara fizikal, Dorianna digambarkan sebagai wanita yang berpenampilan anggun sebagai gadis Barat tetapi gambaran perwatakannya berbeza daripada kebiasaan.

“Iya, dia orang Barat.
Iya, dia orang berkulit putih.
Iya, dia dilahirkan di London dan seorang pemaustautin London.
Tapi, so what?
Ia tidak mewajibkan dia menyukai parti sukaria” (2014, p.12).

Petikan di atas memperlihatkan bagaimana pengarang cuba membayangkan aspek biologi dari perspektif yang berbeza, dan tidak selaras dengan kelaziman identiti dalam

pandangan para feminis. Dorianna seorang wanita anggun yang berjaya dan bergaya dalam sebuah syarikat majalah terkemuka di kota London, akhirnya cuba menjejaki ibu yang meninggalkannya sejak kecil di rumah kebajikan di London. Pencarian ibunya telah membawanya mengembara jauh ke negara Brunei Darussalam. Di pasar Tamu Kianggeh, Dorianna bertemu dengan Laila seorang gadis Brunei yang berperwatakan ceria dan lasak, tetapi berperibadi mulia serta seorang yang sangat taat kepada agamanya. Apabila Dorianna tinggal dengan Laila, dia mula berasa aneh dan tertarik dengan keperibadian Laila, yang mendorong hatinya untuk mendekati cara hidup Laila. Dalam diam, Dorianna selalu memerhatikan cara Laila berpakaian, bergaul, bersolat dan berinteraksi bersama keluarganya, dan semua itu membuatkan Dorianna jatuh cinta pada gaya hidup Laila sekeluarga. Dorianna yang lahir dari keluarga muslim di London, tetapi tidak pernah mengamalkan agama ibubapanya dalam kehidupan, akhirnya kembali memperteguhkan kepercayaan dan keimanannya di Brunei Darussalam. Sementelah pula apabila akhirnya dia berkahwin dengan Kashful, abang Laila. Sesuai dengan judulnya, *Kembara Mencari Cahaya*, Dorianna yang keluar mengembara untuk mencari ibunya, akhirnya menemui 'cahaya' dalam hidupnya, malah juga bertemu dengan ibunya, iaitu Saodah Ahmad Hassan. Dalam konteks ini, pengarang Norhamizah ternyata menggunakan latar belakang kehidupan masyarakat negara Brunei yang berpaksikan Islam sebagai kaedah untuk berkarya dan memanfaatkan aspek biologi wanita, tetapi dalam konteks yang berbeza daripada yang disarankan oleh model biologi, iaitu untuk meyampaikan hasrat pengarang dalam penyampaian mesej dakwahnya. Berdasarkan kedua-dua novel oleh dua orang pengarang Brunei Darussalam di atas, iaitu Norsiah Abdul Gapar dan Nurhamizah Samihon, didapati kedua-dua pengarang wanita tersebut telah menggaitkan aspek biologi dengan identiti diri wanita dalam penulisan. Namun begitu, ungkapan tersebut tidaklah bertujuan untuk meluahkan suara, emosi dan semua yang terpendam di dalam tubuh badan mereka, atau menyuarakan tindak balas terhadap apa jua bentuk penindasan melalui peranan domestik dalam keluarga dan perkahwinan yang menekan mereka selama ini.

Di Singapura pula memperlihatkan novel pengarang wanita senior yang dipilih iaitu, *Kalut* (2017) oleh Rohani Din dan *Emma & Hud* (2018) oleh pengarang muda bernama Nirrosette (nama sebenar Munirah). Kedua-dua mereka adalah pengarang

Singapura yang sangat aktif menghasilkan novel berbahasa Melayu. Penulisan novel oleh pengarang Rohani Din misalnya, umumnya cenderung memaparkan kisah kekeluargaan dan kemasyarakatan di sekitar tempat tinggalnya di Singapura. Secara khususnya, pengarang cuba menyetengahkan tentang kekuatan fizikal dan mental wanita berkeluarga dalam mendepani berbagai cabaran kehidupan.

Melalui novel *Kalut* (2017) misalnya, memaparkan kisah seorang wanita berstatus seorang ibu dan seorang isteri, Anie yang berdepan dengan cabaran hidup yang sangat menguji. Suaminya jatuh sakit kerana serangan jantung dan paru-paru berair, kencing manis, darah tinggi dan masalah buah pinggang serta baharu saja keluar hospital. Tiba-tiba anak bongsunya, Siti pula dimasukkan ke hospital dalam situasi koma. Pengarang menampilkan fizikal seorang wanita berusia, mempunyai empat orang anak dan suami yang sakit, gagah berdayung merempuh gelombang di laut kehidupan. Dengan latar tempat dalam ward sebuah hospital di Singapura, Anie bukan saja harus berdepan dengan Sani, pekerja hospital yang sering menggangukannya di hospital, tetapi juga berjuang dengan makhluk halus yang mengganggu dan menghuni di dalam tubuh anaknya Siti yang sedang koma dengan penyakit yang tidak diketahui oleh para petugas hospital. Senjata wanita ini adalah kekuatan fizikal dan mental, solat wajib dan solat sunat di sisi katil anaknya, serta membaca dan khatam al-Quran yang menjadi sandaran permohonannya kepada Tuhan untuk mengangkat penyakit daripada tubuh anaknya. Pemaparan tersebut antaranya dapat dilihat dalam petikan berikut;

Aku harus berperang dengan makhluk-makhluk yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, yang mengganggu dan menggenggam semangat anaku. Sanggupkah mereka duduk menggantikan diriku di sisi Siti, bergelut dengan makhluk halus ini? (2017, p.19).

Dalam konteks di atas, pengarang wanita Singapura ini turut memuatkan persoalan identiti wanita, apabila permasalahannya dihubungkan secara langsung dengan aspek ketahanan fizikal wanita. Cara pengungkapan sebegini menampilkan biasan konsep *écriture feminine* dalam penulisan wanita, iaitu merujuk kepada bagaimana penulisan wanita adalah wacana khusus yang lebih dekat dengan tubuh badan. Namun pemaparannya lebih kepada tujuan yang berbeza, iaitu bagi memperlihatkan kesediaan dan kekuatan wanita dalam mendepani cabaran hidup

Cabaran hidup yang bertimpa-timpa dihadapi oleh watak wanita ini sehingga menampakkan bahawa beliau yang bertanggungjawab menangani semua permasalahan keluarganya, berbanding suaminya yang sakit dan tidak banyak dapat bergerak dan bertindak. Secara tidak langsung, melalui naratif ini pengarang menyerlahkan hasrat dan kebijaksanaan wanita (*brain*, sebahagian aspek biologi) dalam bertindak apabila beliau digambarkan sebagai tidak mudah percaya kepada sesiapa saja yang menawarkan cara pengubatan alternatif kepada anaknya. Beliau lebih yakin kepada pihak doktor di hospital, di samping mengizinkan beberapa orang Ustaz membantunya. Selebihnya beliau berasa yakin kepada kaedahnya sendiri dalam merawat sakit anaknya, iaitu berasaskan amalan perubatan dalam Islam.

Menerusi novel *Emma dan Hud* (2018) pula pengarang mengetengahkan kisah seorang wanita muda, Emma, yang hidup di tengah-tengah di kota Singapura. Kehidupan Emma penuh ceria didampingi keluarga (ibu dan adik perempuan) dan sahabat sekampus serta sekerja di kafe tempatnya bertugas sesara sambilan. Namun selepas bertunang dengan lelaki, iaitu Hud, yang selalu berkunjung ke tempatnya bekerja di sebuah restoran, kehidupan mereka menjadi lebih kompleks. Di sini pengarang memaparkan kompleksiti hubungan lelaki-wanita, yang antara lain turut menyentuh aspek biologi wanita. Misalnya pengarang memperlihatkan sikap lelaki yang sering beranggapan bahawa emosi wanita adalah berkaitan dengan dengan faktor biologi wanita. Antara lain dapat dikesan dalam contoh petikan di bawah;

“Awak marah saya eh?

“Sebab? Pantas saja soalan Hud dibalas dengan soalan.

“Entah. Dari siang tadi lain macam aja. Awak nak period eh?”

Emma buntangkan mata. Emma paling pantang apabila lelaki kaitkan rasa marah/muram dengan period. Apa, perempuan tak boleh marah sebab perangai lelaki itu sendiri ke? Dah la kalau bercakap main hembus tak fikir perasaan orang. Ini semua tak ada kena mengena dengan kitaran haid, okey! (2018, p.246-247).

Melalui petikan di atas, pengarang memperlihatkan bagaimana lelaki memandang dan menilai wanita dari sudut biologinya, sehinggakan sekiranya tingkah laku wanita juga dikaitkan dengan faktor biologi. Dalam konteks di atas, wanita yang diam atau tidak ceria dikatakan sedang datang bulan! Walhal pada ketika itu, situasi Emma sedang sugul

kerana sedang menahan rasa sakit hati dengan sikap Hud yang bertindak tanpa mengendahkan perasaannya. Ketidakhahaman lelaki terhadap wanita seperti ini, cenderung mencetuskan salah anggap atau persepsi mereka yang akhirnya dihubungkan dengan faktor biologi. Justeru, dalam konteks ini, pengarang Nirrosette dari Singapura turut memanfaatkan aspek biologi untuk memperlihatkan bagaimana wanita tidak melihat sesuatu dengan cara yang sama seperti lelaki, dan mempunyai idea dan perasaan yang berbeza mengenai perkara yang penting atau tidak penting (Selden, 1993, p.211). Gambaran tersebut juga digunakan oleh pengarang bagi menyerlahkan corak pemikiran lelaki yang cenderung melihat identiti wanita dari sudut biologi mereka semata-mata. Pendedahan sebegini menunjukkan keketatan pemikiran sesetengah kaum lelaki, yang menilai identiti wanita berdasarkan aspek biologi yang sempit. Sekali gus gambaran ini dapat dikaitkan dengan pendapat Showalter yang menyatakan bahawa kritikan berasaskan biologi merupakan satu pendekatan yang melihat kepada perbezaan teks yang ditentukan oleh aspek tubuh badan.

2.1.2 Ekspresi Seksualiti Wanita

Lazimnya ungkapan seksualiti wanita adalah terhad kerana terikat pada nilai-nilai kehormatan atau maruah keluarga yang dijaga oleh bapa atau abang dalam memastikan kesucian anak-anak perempuan, adik atau kakak mereka (Hirschon, 1993, p.53). Seksualiti wanita menjadi sesuatu yang dikawal ketat kerana maruah keluarga dan identiti kumpulan bergantung kepada cara wanita menjaga kehormatan dirinya. Malah memperkatakan seksualiti wanita secara terbuka dan terang-terangan dianggap tabu dalam masyarakat Timur. Ketika memperkatakan tentang sastera Jawa moden misalnya, Sri Widati menyatakan *it was impossible to write of taboos, because they go against norms that have been taught to them* (1995, p.44). Pendapat ini menegaskan, perkara tabu akan disimpan sebagai rahsia peribadi setiap individu dan tidak dibincangkan secara terbuka. Walau bagaimanapun, senario semasa yang berlaku dalam sosiopolitik Indonesia telah mengubah keadaan ini. Pengarang wanita Indonesia mutakhir telah memecah tradisi tersebut dengan menulis tentang ekspresi seksualiti wanita secara terbuka dan berterus-terang.

Ekspresi seksualiti dapat dikesan pada watak wanita dalam novel *Tarian Bumi* oleh Oka Rusmini terutama apabila beliau melukiskan watak Telaga yang diresapi perasaan luar biasa terhadap lelaki yang diminatinya. Naluri wanitanya terhadap lelaki tersebut, menjadikan perasaannya lebih indah dan bermakna, seperti gambaran berikut (Oka, 2000, p.121):

Telaga baru menyedari ada fase yang lebih indah berbanding fase kanak-kanak. Bersentuhan dengan tubuh berbeza dengan tubuhnya adalah keindahan yang lain dari keindahan saat bersentuhan dengan mainan kanak-kanaknya.

Telaga digambarkan melalui pengalaman lazim sebagai wanita, iaitu untuk mencintai dan mengingini lelaki dalam hidupnya. Ketika suaminya lama berpergian kerana mengadakan pameran lukisan, dia digambarkan berada dalam 'kelaparan' - istilah yang digunakan pengarang bagi merujuk kepada keinginan seksualiti Telaga terhadap suaminya. Selepas kematian suaminya, Telaga digambarkan sering berfantasi membayangkan perlakuan dan tubuh lelaki tersebut. Dia mengalami konflik psikologi apabila tubuhnya disentuh lelaki lain, iaitu suami adik iparnya sendiri, Putu Sarma. Lelaki itu secara sembunyi-sembunyi memeluk dan mencium tubuhnya dan Telaga pula sempat merasa nikmat dan kehangatan sentuhan lelaki itu, walaupun menyedari ia tidak wajar. Dalam pemaparan tersebut, ternyata pengarang bertindak berani menggambarkan perkara yang menyimpang tradisi, iaitu pertama, menggambarkan naluri seksualiti wanita secara terbuka, dan kedua, mendedahkan perasaan Telaga terhadap lelaki yang merupakan iparnya sendiri. Melalui watak Telaga, pengarang menggambarkan seksualiti wanita tidak bersifat pasif atau mati rasa, sebaliknya bersifat aktif dan berfantasi tentang sentuhan lelaki. Pengarang juga menerokai dunia bawah sedar Telaga dengan berfantasi tentang hubungan seksualiti dengan suaminya. Dalam gambaran tersebut, Oka Rusmini turut bersikap jujur dan telus mengungkapkan realiti naluri seksualiti wanita terhadap lelaki. Walau bagaimanapun, perlukisan aksi ranjang Wayan dan Telaga tidak dirincikan walaupun Oka Rusmini turut menerokai dan mengekspresi seksualiti wanita dalam penulisannya, tetapi gambarannya tidak terlalu terbuka.

Analisis ke atas novel ini memperlihatkan pengarang telah menjadikan gaya penulisan sebagai satu bentuk pernyataan dan pengungkapan wanita mengenai

kebebasan diri, penegasan identiti. Dalam ekspresi seksualiti, Oka Rusmini tidak lagi menganggapnya sebagai satu bentuk pengalaman peribadi wanita yang perlu disembunyikan. Sebaliknya, beliau memanfaatkan kebebasan bersuara dalam mengungkapkan keinginan peribadi wanita. Pengarang menampilkan ekspresi seksualiti wanita dalam penulisannya, tetapi cara penggarapannya masih terbatas, tidak terlalu terbuka dan terang-terangan. Penggayaan ini dapat dihubungkan dengan latar belakang peribadi Oka Rusmini sendiri, yang berada di tengah-tengah masyarakat Bali yang masih tebal dengan nilai-nilai tradisi. Walaupun Oka Rusmini mempunyai kesedaran tentang kebebasan wanita dan cuba membebaskan diri wanita daripada nilai-nilai tradisi masyarakat, tetapi pemikiran beliau masih dibayangi pengaruh tersebut. Justeru, kebebasannya mengekspresi seksualiti wanita agak terbatas dan terkawal.

Selain memaparkan ekspresi seksualiti wanita secara *heterosexuality*, pengarang turut menyetengahkan keinginan naluri wanita kepada sesama wanita. Kesongsangan seksualiti dapat dikesan dalam novel *Tarian Bumi*, iaitu ketika pengarang menggambarkan keinginan Luh Kenten terhadap temannya, Luh Sekar, seperti paparan berikut:

Dia belum pernah merasakan keintiman yang begitu dalam berperang dan menyentuh bagian tubuhnya yang paling rahsia. Tubuh yang melambangkan wujud keperempuanan itu selalu berair setiap kulit Kenten menyentuh kulit Sekar (Oka, 2000, p.26).

Pengarang menggambarkan keinginan Kenten terhadap tubuh Sekar adalah seperti keinginan lelaki terhadap wanita yang dicintai penuh keghairahan. Perlukisan tentang tubuh yang melambangkan keperempuanan itu selalu berair setiap kulit Kenten menyentuh kulit Sekar adalah ekspresi naluri seksualiti dan tingkah laku yang dianggap tidak normal, kerana lazimnya *all sexuality should only be expressed heterosexually* (Hirschon,1993,p.52). Dalam konteks normal, lazimnya hubungan seksualiti harus dalam bentuk berlawanan jantina (lelaki-wanita) bukan sesama jenis. Malah dalam masyarakat Islam (termasuk Indonesia) hubungan tersebut adalah perbuatan terlarang dan terkutuk. Kenten sendiri sedar yang dia melanggar etika masyarakat, kerana “hubungan yang tidak ada pakemnya dalam sejarah manusia. Hubungan yang kata orang-orang adalah hubungan orang-orang sakit. Benarkah aku sakit?” (ibid, p.28).

Berdasarkan kisah hidup Kenten, kelihatan pengarang seakan meluahkan rasa kemarahan dan kebencian wanita terhadap penindasan lelaki yang telah mengalih kecenderungan naluri wanita kepada kaum sejenisnya. Ia memaparkan *women space*, iaitu hakikat bahawa hanya wanita memahami wanita. Sekali gus pendedahan pengarang terhadap fenomena wanita memilih model alternatif pada hubungan lelaki-wanita yang dianggap sebagai hal yang menindas.

Perbincangan di atas, menunjukkan bahawa dalam mengungkapkan isu seksualiti wanita didapati pengarang wanita Indonesia mempunyai keberanian yang luar biasa sebagai wanita Timur. Isu tersebut yang selama ini dianggap amat peribadi dan tabu, telah diterokai, dibongkar dan didedahkan secara terang-terangan oleh pengarang wanita. Berdasarkan *Tarian Bumi*, menunjukkan Oka Rusmini memilih aspek seksualiti sebagai satu subjek penting, sekali gus menjadikan aspek tersebut sebagai satu landasan bagi menyampaikan pemikiran tentang isu kebebasan wanita. Gambaran kebebasan bersuara di Indonesia pada ketika itu tercermin bukan saja dalam bentuk penulisan kreatif, tetapi dalam pelbagai aktiviti seni seperti teater, lukisan, sehingga kepada pendemostrasi di jalanan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa proses penciptaan novel oleh pengarang wanita adalah dibentuk berdasarkan isu kebebasan tersebut, dan secara tidak langsung memperlihatkan bahawa aspek seksualiti turut membentuk ciri puitika dalam penulisan wanita Indonesia.

Walau bagaimana pun gambaran biologi wanita yang dihubungkan dengan aspek seksualiti wanita tidak dapat dikesan pada novel-novel kajian Malaysia, Brunei dan Brunei Darussalam.

2.1.3 Tentang Wanita Terhadap Patriarki

Konsep patriarki umumnya ditafsirkan sebagai *a system of male authority which oppresses women through its social, political and economic institutions* (Humm, 1989:159). Di kalangan feminis radikal seperti Millett, Beechay dan Rowbotham mendefinisikan patriarki sebagai penguasaan lelaki dan hubungan kuasa yang mana lelaki menguasai wanita. Firestone pula mentakrifkan patriarki ke dalam bentuk kawalan lelaki terhadap reproduksi wanita. Dengan itu dapat difahami bahawa istilah patriarki memberi maksud segala nilai, adat, kepercayaan, dan peraturan dalam pelbagai aspek kehidupan yang

dirangka oleh lelaki, dan semua itu dilihat sebagai melebihi lelaki serta menindas kaum wanita. Oleh itu, kewujudan konsep tersebut dalam masyarakat ditentang oleh kaum wanita dan menganggap lelaki sebagai musuh.

Di kebanyakan negara di dunia, masyarakat menganggap wanita sebagai manusia yang lemah biologinya berbanding lelaki. Oleh kerana itu, kedudukan wanita ditetapkan hanya sebagai pembantu kepada lelaki, sama ada sebagai pendamping suami, memberi keturunan, dan ibu kepada anak-anak. Ciri-ciri wanita ideal telah ditentukan dalam setiap masyarakat di dunia, yang berkisar kepada peranan domestic seperti untuk memasak, melahirkan dan pelayan suami. Nilai-nilai tersebut dengan jelas memperlihatkan cara wanita di negara Asia khususnya, dinilai dan ditanggapi berdasarkan peranan dan tugas mereka kepada lelaki. Dalam hal ini, Kamla Bhasin dan Nighat Said Khan berpendapat, di Asia Selatan wanita disimpan di rumah tetapi diberi pendidikan dan beberapa hak asas. Namun, undang-undang dasar adalah ditentukan oleh patriarki dengan lelaki itu sebagai ketua keluarga yang tidak dipertikaikan. (1986, p.9). Walaupun situasi di Asia Tenggara tidak sama seperti di Barat, namun menurut Kamla Bhasin sistem patriarki tetap mendominasi masyarakat. Patriarki di negara-negara Asia merujuk kepada sistem sosial di mana bapa mengawal semua anggota keluarga, semua harta benda dan sumber ekonomi, dan membuat semua keputusan utama (ibid, p. 9). Dalam konteks ini, wanita berstatus isteri diletakkan bawah jagaan dan kekuasaan suami, anak-anak perempuan bawah kekuasaan bapa dengan semua harta, sumber ekonomi serta keputusan penting ditentukan oleh bapa. Jadi, wanita secara umumnya berada di bawah pengaruh dan kekuasaan lelaki serta tidak mempunyai suara untuk keputusan apa-apa keputusan penting. Amalan sistem ini dalam masyarakat mewujudkan tanggapan bahawa lelaki lebih hebat daripada wanita, bahawa wanita harus dikendalikan oleh lelaki, dan merupakan sebahagian daripada harta lelaki (ibid, p.9). Gambaran tersebut memperlihatkan kekuasaan lelaki ke atas wanita dan meletakkan wanita bawah kawalan lelaki, malah lebih teruk lagi wanita dianggap sebagai sebahagian daripada harta lelaki.

Meneliti novel-novel kajian di Indonesia, menunjukkan pengarang memaparkan pelbagai bentuk penentangan terhadap amalan patriarki. Pengarang Oka Rusmini, dan

Titis Basino misalnya, mendedahkan dalam beberapa keadaan wanita menjadi mangsa kepada sistem patriarki. Justeru, melalui penulisan novel mereka menyuarakan protes dan penentangan sebagai tindak balas terhadap apa yang berlaku ke atas wanita.

Oka Rusmini juga melukiskan watak-watak wanita yang menentang bapa sendiri. Telaga misalnya, sejak kecil melihat penderitaan ibunya kerana perlakuan bapanya. Pengalaman tersebut mencetus kebencian terhadap ayahnya kerana “Laki-laki yang menitipkan berjuta-juta benih dalam tubuh ibu Telaga adalah laki-laki yang tidak pernah dikenalnya. Bagi Telaga ayahnya adalah laki-laki paling tolol” (Oka, 2000, p.7). Berdasarkan gambaran itu, pengarang mendedahkan sikap penentangan Telaga terhadap ayahnya. Telaga berasa jijik untuk memanggil lelaki tersebut sebagai ayahnya, seterusnya mempengaruhi sikap dan pandangannya terhadap lelaki secara umum. Pengarang memaparkan penentangan Telaga terhadap kekuasaan ayahnya, yang menekan dan menindas ibunya. Perlakuan buruk ayahnya yang ‘kaki perempuan’ dan ‘kaki botol’ bukan sahaja membuat ibunya menderita, malah meninggalkan kesan mendalam di jiwa Telaga, sehingga membenci ayahnya. Gambaran tentangan dan kebencian wanita terhadap ayah sendiri juga diperlihatkan melalui Luh Sekar. Ayahnya sibuk dengan dunia sendiri dan menyerahkan seluruh tanggungjawab mengurus keluarga kepada ibunya. Ibunya terpaksa menelan kepahitan daripada tohmahan orang, bekerja bertungkus lumus untuk memberi kehidupan kepada mereka sekeluarga. Kebencian Luh Sekar terhadap ayahnya adalah kerana (ibid, p.17):

Orang-orang mengucilkan aku. Kata mereka, aku anak pengkhianat. Anak PKI! Yang berbuat ayahku, yang menanggung beban aku dan keluargaku. Kadang-kadang aku sering berfikir, kalau kutemukan laki-laki itu akan akan membunuhnya!

Ayah Luh Sekar dianggap sebagai pengkhianat bangsa kerana menganggotai Parti Komunis Indonesia (PKI), dan perbuatan ayahnya itu meninggalkan kesan yang perit terhadapnya keluarga, menyebabkan mereka susah dan menderita serta disingkirkan masyarakat. Pengalaman buruk itu mencetus kebencian dan kemarahan wanita terhadap lelaki bergelar ayah seperti dialami Luh Sekar. Rasa kemarahan dan kebencian terhadap lelaki yang dipamerkan pada wanita seperti Telaga dan Sekar di atas bukan tumbuh secara semula jadi. Sebaliknya didorong oleh pengalaman hidup pahit bersama lelaki

tidak bertanggungjawab. Oleh itu, gambaran tentangan anak perempuan terhadap ayah (patriarki) dipamerkan secara jelas dalam *Tarian Bumi*, seperti juga yang dikesan dalam *Saman*.

Sebagai alternatif terhadap amalan patriarki, pengarang wanita menyarankan fahaman matriarki dalam novel mereka. Titis Basino misalnya, menampilkan watak Ibu Noor dengan naluri keibuan yang menyerlah, yang sering memberi sumbangan kepada anak-anak yatim, memelihara dan membiayai pengajian ramai anak angkat sehingga berjaya. Ibu Noor juga digambarkan sebagai ibu yang gigih dan berjaya mendidik dan membentuk empat orang anak kandungnya sehingga berjaya dalam hidup. Pengaruh dan kekuasaan bapa dalam novel ini diremehkan dengan cara mematikan watak suami ibu Noor. Dengan cara tersebut, pengarang memberikan ruang yang kukuh kepada wanita untuk diangkat sebagai pemimpin dalam keluarganya.

Begitu juga dengan pengaruh dan peranan ibu dalam *Tarian Bumi*. Melalui watak Luh Dalem dan Luh Gambren, Oka Rusmini menonjolkan peranan wanita sebagai ibu, sekali gus sebagai ketua keluarga. Pengarang menjadikan kedua wanita tersebut sebagai tunggak utama keluarganya. Luh Dalem dan Luh Gambren adalah lambang kegigihan, kerajinan dan ketabahan wanita membesarkan anak-anak tanpa suami. Malah kaum wanita Bali yang diangkat dalam novelnya adalah wanita yang memainkan peranan yang lebih penting kepada keluarga, berbanding kaum lelaki. Luh Dalem misalnya, membesarkan tiga orang anak tanpa suami yang hilang dikaitkan dengan kegiatan komunis. Begitu juga Luh Kembren, menyekolahkan anaknya Luh Sadri dan Wayan Sasmitha tanpa suami. Semua gambaran tersebut cenderung mengangkat peranan wanita sebagai ketua keluarga, dan menjadikan kekuatan naluri keibuan dan cinta ibu sebagai kekuatan yang padu secara sosial. Cara pemaparan sedemikian dilihat sebagai kecenderungan pengarang ke arah menyarankan sebuah masyarakat berfahaman matriarki.

Di Malaysia, menerusi novel *Menongkah Lumrah*, Azmah Nordin menggambarkan permasalahan yang dialami wanita ketika berdepan dengan kekuasaan lelaki yang menganggap wanita sebagai *subordinate* lelaki. Fahaman kuasa patriarki menganggap bahawa kekuasaan dan seksualiti adalah berada di tangan lelaki. Oleh kerana itu, Azmah

tampil dengan menggunakan strategi dan kebijaksanaannya bagi menggugat kekuasaan patriarki, sekali gus untuk mengubah persepsi lelaki tersebut. Caranya dengan membina watak Zakiyyah sebagai wanita berpendidikan yang aktif, kreatif, dan mempunyai aspirasi serta motivasi diri yang tinggi. Dengan memiliki sifat-sifat daya saing serta bijak menguasai dan menyelesaikan masalah, menjadikannya berupaya mengatasi pencapaian lelaki dalam syarikatnya. Dengan melahirkan wanita yang *empowered*, ternyata pengarang menyanggah sifat-sifat *subordinate* dalam diri wanita, sekali gus mencabar dan menggugat kekuasaan lelaki.

Dalam hal ini, ternyata pengarang tidak lagi akur dengan sifat-sifat wanita yang rendah diri, setia dan menghormati suami secara melulu, iaitu seperti nilai-nilai wanita yang ditentukan dan dikehendaki oleh masyarakat Melayu (Roziyah Omar, 1994, p.29). Sebaliknya pengarang mempotretkan Zakiyyah sebagai wanita yang berkeyakinan diri, isteri yang tidak setia secara membuta tuli dan menolak untuk menghormati suami yang tidak menghormatinya sebagai isteri dan wanita. Zakiyyah juga diketengahkan sebagai wanita yang bangkit melawan segala yang dianggap sebagai tidak adil kepada dirinya sebagai wanita, pekerja, isteri, ibu, dan menantu. Dengan kata lain, pengarang menampilkan watak Zakiyyah sebagai lambang wanita generasi baru yang tidak tunduk kepada nilai-nilai tradisi masyarakat yang mengeksploitasi wanita. Sebaliknya menampilkan kebangkitan wanita dalam merungkai dan memperbetulkan tanggapan tradisi. Di sini pengarang memperlihatkan cara wanita melahirkan teks berdasarkan kebijaksanaan akal fikiran, iaitu antara ciri-ciri yang terdapat dalam model biologi wanita bahawa *women generate texts from the brain*.

Sementara Fatimah Busu dalam *Salam Maria* pula menyalurkan perjuangan wanita khususnya mengenai yang dikatakan oleh Kamla Bhasin dan Nighat Said Khan sebagai “kesedaran tentang penindasan dan eksploitasi wanita dalam masyarakat” (1986:2). Melalui novelnya, Fatimah Busu mendedahkan kepincangan dan penyelewengan kekuasaan lelaki dalam institusi masyarakat yang bertunjangkan sistem patriarki. Pengarang menggambarkan penguasaan peranan lelaki dalam masyarakat melalui watak Imam Masjid Negara dan ayah Wati, seorang lelaki tokoh korporat berpangkat Tan Sri. Kedua watak lelaki ini tidak diberikan nama, dan hal ini merupakan

satu strategi pengarang untuk mengeneppikan lelaki. Lazimnya dalam masyarakat Melayu, Imam adalah lambang ketua institusi agama yang dihormati dan disanjung masyarakat kerana statusnya sebagai pemimpin yang mengetuai sembahyang berjemaah. Sebaliknya dalam *Salam Maria* pengarang menampilkan watak Imam sebagai kuasa lelaki yang menyalahgunakan kedudukannya sebagai penguasa masjid dengan bertindak secara tidak wajar, tidak adil dan tanpa usul periksa ke atas wanita. Imam yang melambangkan pemimpin, bersama jemaahnya (lelaki dan wanita) telah bertindak dalam acuan kekuasaan tersebut apabila menghalau Maria Zaitun dari bersembahyang di masjid, semata-mata kerana tuduhan bahawa dia adalah wanita tidak bermoral (pelacur). Dalam konteks ini, pengarang menggambarkan Imam masjid, ahli jawatankuasa masjid, dan para jemaahnya yang memburu Maria Zaitun sebagai pihak yang mewakili kelompok kekuasaan patriarki yang menindas kaum wanita (diwakili oleh Maria Zaitun).

Pengarang mencabar kekuasaan sistem patriarki dengan cara menyelar institusi agama dan masyarakat sebagai 'sakit' serta tidak layak untuk 'memimpin' masyarakat umum. Pada masa yang sama pengarang melemparkan kritikan tajam terhadap institusi penguatkuasaan undang-undang syariah di bawah kekuasaan patriarki di negara ini, yang gagal menangani dan menyelesaikan masalah berhubung perkahwinan yang dihadapi kaum wanita. Gambaran tersebut dipaparkan melalui peristiwa perhimpunan anjuran Dewan Perhimpunan Pendakwah-Pendakwah di hadapan bangunan Parlimen, apabila mereka menyarankan (Fatimah, 2004, p.87):

Marilah kita adakan satu petisyen, kita desak para pemerintah supaya membatalkan mahkamah syariah di negara ini..! Biar jangan ada lagi orang-orang muda yang kahwin, biar semuanya akan terus tinggal keseorangan menjadi bujang telajak dan gadis tua..!!!

Petikan di atas mengungkapkan sindiran tajam yang ditujukan kepada institusi agama, yang menurut pengarang diterajui dan dikuasai oleh sistem patriarki. Oleh itu, segala permasalahan wanita yang berkait dengan lelaki, atau rumahtangga seringkali ditanggung atau dilengahkan penyelesaiannya. Pengarang menggambarkan melalui institusi tersebut juga seringkali kaum wanita diperkecil dan diperlekehkan secara tidak

bermaruah. Pengarang mendedahkan kegagalan institusi agama negara ini dalam melaksanakan fungsinya, sehingga berleluasanya pelbagai penyakit sosial dalam kalangan umat Islam seperti sumbang mahram, penderaan seksual ke atas kanak-kanak, hipokrasi agama, tamak, fitnah dan seumpamanya. Justeru, petisyen yang dikemukakan oleh para pendakwah bagi 'membatalkan mahkamah syariah' dalam gambaran di atas dilihat sebagai saranan pengarang bagi meruntuhkan dominasi struktur patriarki dalam institusi agama. Penyuaran kritikan terhadap institusi agama secara terbuka oleh Fatimah Busu ini dilihat sebagai lantang, berani dan radikal. Gambaran yang dikemukakan oleh Fatimah Busu dapat dilihat sebagai sebahagian daripada pernyataan pengalaman kesedaran wanita untuk mengubah eksploitasi masyarakat ke atas wanita.

Di Brunei Darussalam, gambaran penentangan terhadap patriarki dalam novel tidak ditemui secara ketara. Pemaparan kehidupan wanita dalam novel *Gerun* oleh Norsiah Abdul Gapar misalnya, diperlihatkan watak Ameerah, iaitu wanita muda yang pada awalnya sangat gemarkan pada kehidupan moden dan mewah, tetapi kemudian ditunangkan oleh keluarganya dengan seorang lelaki yang berpendidikan agama. Namun begitu Ameerah digambarkan sebagai tidak pernah menentang atau menyalahkan bapanya atas pertunangan yang diatur oleh keluarga tersebut. Malah pengarang menggambarkan bapanya sangat sayangkan anak tunggalnya Ameerah dan sentiasa memenuhi apa sahaja kemahuannya dalam hidup. Begitu juga dengan ibu, malah nendanya sendiri yang lebih banyak mengasuh dan mendidik Ameera dengan peraturan dan pematuhan yang ketat terhadap adab sopan Timur dan syariat Islam. Walau bagaimana pun, pemaparan wanita yang bersikap anti-lelaki dapat ditemui dalam naratif hidup Ameera ketika dia sedang koma dan rohnya menjalani kehidupan berbeza dalam satu dunia yang terasing. Paparan bahawa perniagaan keluarganya jatuh muflis dan dia terpaksa keluar negara untuk bekerja sebagai pembantu rumah di sebuah negara Arab. Ketika berkerja di sebuah rumah orang kaya, Tuan Mehmood, dia dengan nekad dia telah membunuh tuan rumah yang cuba memperkosanya ketika dia menghantar kopi ke bilik majikannya tersebut. Ameerah telah ditangkap, dikurung di penjara, dibicarakan dan akhirnya dijatuhi hukuman pancung. Ketika berada dalam tahanan tersebut, pengarang mempersoalkan sikap sesetengah lelaki yang dianggap sebagai pelindung kepada wanita, melalui pemaparan berikut;

Apakah aku wajar merasa lebih selamat bila dikelilingi oleh kaum lelaki? Sewajarnya mereka adalah pelindung bagi kaum perempuan yang dianggap lemah ini. Bukankah atas dasar itu mereka ditingkatkan satu darjat dari kedudukan wanita. Ya, lelaki wajar melindungi hak asasi seorang perempuan apa lagi kalau mereka seagama tetapi mengapa si Mehmood itu bertindak sebaliknya. Persis seekor binatang jalang! Malah mungkin seekor haiwan lebih punya rasa belas kasihan! (2013, p. 198).

Berdasarkan petikan di atas, dapat dikesan sikap pengarang yang mempersoalkan malah mengecam perlakuan sesetengah lelaki seperti Mehmood yang sering mengambil kesempatan ke atas biologi wanita, yang diakui sebagai 'lemah' (dalam ertikata tiada kekuatan fizikal berbanding lelaki). Kecaman tersebut diungkapkan secara lantang, iaitu "Persis seekor binatang jalang!". Malah, dikatakan perlakuan Mehmood itu lebih rendah daripada seekor haiwan. Bagaimana pun, lelaki yang dimaksudkan dalam petikan di atas bukan merujuk kepada lelaki Brunei, sebaliknya di sebuah negara Timur Tengah yang dikatakan sering mengambil kesempatan ke atas para wanita yang berkerja di rumah-rumah agam mereka. Perbuatan jahat tersebut pula sering dilindungi oleh keluarga sendiri kerana ingin menjaga nama dan kedudukan mereka di mata masyarakat.

Dalam konteks ini, ditemui kritikan dan kecaman Ameerah dengan sikap kebanyakan lelaki yang mengambil kesempatan ke atas tubuh badan wanita. Sedikit sebanyak didapati pengarang wanita menjadikan aspek biologi wanita sebagai landasan untuk mengungkap pernyataan tentangan wanita terhadap amalan patriarki. Pada masa yang sama pengarang ingin menjelaskan bahawa setiap wanita mempunyai pengalaman hidup tersendiri, yang menjadi sebab dan alasan kukuh untuk mereka menentang patriarki. Pengalaman itulah yang dialami dan dikemukakan pengarang melalui watak wanita dalam karya mereka.

Gambaran tersebut juga dapat dikesan secara minimum dalam novel *Kembara Mencari Cahaya* oleh Nurhamizah. Dalam kehidupan Dorianna di London, dia menjalani kehidupan yang berbeza daripada kawan-kawan lain. Sebagai wanita cantik dan berjaya dalam kerjaya, dia memang suka bersosial tetapi dia tetap menjaga batasannya. Dia mengelakkan dirinya daripada mengambil minuman keras dan tidak membiarkan pergaulan bebasnya melampau batas. Ketika berkenalan dengan lelaki bernama Lence, dia menjadi marah ketika lelaki tersebut menganggapnya sebagai wanita murahan dan

boleh diperlakukan sesuka hatinya. Hal ini diperlihatkan pengarang dalam contoh petikan di bawah;

“Err..Dorianna.” Tangan Lence menangkap lengannya.

“Saya merasakan awak seorang yang menarik. Saya ingin berkenalan dengan awak. Saya tinggal di hotel berhampiran. Mungkin awak boleh dating ke bilik saya dan kita boleh bercerita lebih lanjut.”

Dirianna terasa dadanya berderau. Tiba-tiba saja dia berasa terhina dengan pelawaan Lence. “Saya bukan jenis seperti yang awak fikirkan! Tegasnya dengan jelingan tajam. Lengannya direntap dari pegangan lelaki Liverpool itu. Dia melaung memanggil teksi yang kebetulan melalui jalan tersebut dan kakinya pantas berlari menuju masuk ke perut teksi (2014, p13-14).

Petikan di atas memperlihatkan sikap pengarang yang mempersoalkan, malah mengecam tanggapan dan tindakan sesetengah lelaki seperti Lence yang cuba mengambil kesempatan ke atas biologi wanita. Kecantikan fizikal dan anggapan terhadap wanita sebagai lemah, sering ditafsirkan sebagai mudah ditundukkan. Ternyata pengarang menolak anggapan tersebut dan memperlihatkan kekuatan semangat wanita untuk menepis dan menolak pemikiran sempit lelaki tersebut. Bagaimana pun, sekali lagi lelaki yang dimaksudkan dalam petikan di atas bukan merujuk kepada lelaki Brunei, sebaliknya ia berlaku di kota London, yang mana lelaki yang digambarkan didapati cuba mengambil kesempatan ke atas para wanita cantik dan muda. Berdasarkan pemaparan di atas menunjukkan pengarang ingin memaparkan pengalaman hidup wanita yang pelbagai, yang menyebabkan mereka tampil menyanggah lelaki. Pengalaman itulah yang dialami dan dikemukakan pengarang melalui watak wanita dalam karya mereka.

Dalam kedua-dua novel oleh pengarang wanita Singapura, didapati tiada elemen penguasaan lelaki dan hubungan kuasa yang mana lelaki menguasai wanita dipaparkan. Sebaliknya melalui novel *Kalut*, pengarang banyak memperlihatkan penguasaan wanita dalam pengurusan rumahtangga dan di luar rumah, yang cenderung kepada matriarki, iaitu merujuk kepada masyarakat yang meletakkan ibu sebagai pemimpin dan berperanan sebagai garis keturunan wanita. Pemikiran matriarki mengandaikan bahawa kekuatan dan tenaga keibuan dan cinta ibu sebagai satu bentuk kekuatan yang padu secara sosial. Inilah gambaran yang diperlihatkan oleh pengarang melalui watak Anie

dalam novel *Kalut*. Sebagai ibu dan isteri, dia menguruskan segala-galanya baik dalam urusan di rumah mahupun di luar rumah. Dia menunggu anak bongsunya yang sakit terlantar di hospital, dan bilka berkesempatan dia berlari pulang ke rumah, memasak dan menuruskan keperluan anak-anak dan suaminya yang sakit di rumah. Urusan domestik dan *public* dilakukan beliau. Namun begitu, pengarang tidaklah berhasrat untuk memperlekehkan peranan lelaki, sebaliknya untuk menunjukkan kekuatan wanita. Untuk tujuan tersebut, digambarkan suami dan anaknya sakit. Ditambah pula dengan masalah Sani, seorang lelaki yang selalu mengganggu ketenangannya, kerana selalu menggodanya sewaktu dia di hospital. Tetapi sikap dan penerimaan Anie terhadap Sani adalah sebaliknya, seperti yang dipaparkan melalui petikan ini;

“Nah! Ambil duit ini buat belanja anak-anak kamu. Belum apa-apa, siapa yang sudah beri makan siapa? Bila kamu dapat gaji, ganti semula. Aku beri pinjam saja, tahu. Malu betul kalua orang lelaki mengambil atau menerima wang dari perempuan. Lebih-lebih lagi perempuan yang ditimpa kesusahan seperti aku.” (2017, p.184).

Melalui petikan di atas, dikesan suara sinis pengarang terhadap lelaki yang tidak mampu tetapi masih mempunyai hasrat untuk menggoda wanita, hatta isteri orang sekali pun bertujuan untuk menumpang kesenangan hidup. Bagi pengarang ini adalah satu sikap yang sangat memalukan. Sementara melalui novel *Emma dan Hud* pula tidak ditemui suara wanita yang bersikap anti-lelaki atau anti-patriarki, sebaliknya yang dipaparkan adalah sikap rasa penghormatan wankita terhadap lelaki-lelaki yang bertanggungjawab dalam hidup mereka. Ayah Emma misalnya, sangat dibanggakan oleh anak-anak dan isteri kerana sepanjang hidupnya hanya bekerja untuk menyenangkan keluarga. Apabila sudah meninggal, wang yang ditinggalkan mencukupi untuk anak-anaknya meneruskan pengajian dan kehidupan. Hud yang menjadi suami Emma juga digambarkan sebagai lelaki yang bertanggungjawab terhadap keluarga. Justeru, tidak timbul sebarang konflik yang melibatkan hubungan antara wanita dan lelaki dalam novel pengarang muda ini.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati wanita menghadapi pelbagai pengalaman hidup yang sesetengahnya menimbulkan rasa tentangan terhadap patriarki atau terhadap lelaki. Watak-watak wanita seperti Telaga, Luh Sekar, Luh Kenten (*Tarian Bumi*), Zakiyah (*Menongkah Lumrah*), Maria Zaiton (*Salam Maria*), Amerah (*Gerun*),

Dorianna (*Kembara Mencari Cahaya*), Anie (*Kalut*) dan Emma (*Emma dan Hud*) adalah merupakan para wanita yang dihadirkan dalam novel-novel pengarang dari Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura daripada kerencaman pengalaman dalam kehidupan masing-masing. Dalam sesetengah naratif didapati elemen pemikiran wanita yang berpaksikan sikap anti-patriarki dan telah dijadikan sebagai sebahagian daripada sumber penulisan pengarang wanita yang dikaitkan dengan aspek biologi wanita. Sementara sebahagian lagi tidak ketara dalam pengungkapannya dalam pengarapan novel mereka. Namun begitu, sedikit sebanyak penggarapan yang ditemui menjadi sebahagian daripada landasan pemikiran dan proses penciptaan karya sastera oleh pengarang wanita di negara-negara serumpun.

2.1.4 Protes Ketidakadilan Gender

Model biologi wanita dalam penulisan turut mengambil kira persoalan gender. Dalam perbincangan bahagian ini, model biologi Showalter dikaitkan dengan satu lagi persoalan besar dalam penulisan wanita, iaitu isu protes terhadap ketidakadilan gender. Lizbeth Goodman dalam *Literature and Gender* menyatakan gender ialah refer to ways of seeing and representing people and situations based on sex difference (2004, p.vii). Sementara Maggie Humm merujuk gender sebagai a culturally-shaped group of attributes and behaviours given to the female and to the male (1989, p.84). Kedua-dua definisi tersebut mengaitkan penampilan sifat-sifat dan tingkah laku lelaki dan wanita terbentuk mengikut ketentuan budaya. Umumnya gender dan sex adalah dua perkara berbeza. Sex adalah pembentukan secara biologi (*biological category*), manakala gender adalah pembentukan secara sosial (*cultural category*). Dengan perkataan lain, perbezaan gender dibentuk oleh budaya sesebuah masyarakat, dalam erti kata seorang wanita dan lelaki memenuhi kewanitaan dan kelelakian menurut tuntutan sosiobudaya dan nilai kepercayaan masyarakatnya. Seseorang itu menjadi lelaki atau wanita kerana diserapkan (sama ada secara sedar dan tidak) dengan garis panduan tingkah laku (behaviour patterns) supaya identiti seksual seseorang itu mantap dan mengikut norma-norma budaya tempatan. Ekoran itu, wanita dianggap subordinasi lelaki dan pembentukan nilai-nilai masyarakat berdasarkan tanggapan tersebut. Justeru, wanita

diberi identiti dan peranan yang berbeza daripada lelaki. Dengan perkataan lain, wanita ditempatkan dalam sfera peribadi dan lelaki dalam sfera umum yang menimbulkan rasa tidak puas hati wanita. Protes terhadap isu ketidakadilan gender ini dikesan secara meluas dalam novel pengarang wanita yang dipilih untuk kajian ini.

Di Indonesia, pengarang Titis Basino turut menyentuh persoalan tersebut walaupun isu itu bukan menjadi fokus penulisannya. Pengarang memaparkannya melalui perbualan di antara Ibu Noor dengan Hamid membincangkan isu perlekehan dan penindasan ke atas wanita. Titis Basino memperlihatkan bagaimana wanita sentiasa dipandang rendah berbanding lelaki seperti pertanyaan Ibu Noor “kebersamaan apa penindasan terhadap perempuan? Sudah tidak zamannya sekarang perempuan harus menuruti semua kemahuan laki-laki” (Titis, 2000, p.384). Dalam konteks ini, pengarang mempersoalkan penindasan terhadap wanita dan menegaskan wanita hari ini tidak perlu untuk terus akur dengan segala peraturan yang ditetapkan untuk mereka. Bagi pengarang, pematuhan tersebut adalah cerminan wanita pasif yang hanya mengikut perintah tanpa banyak soal. Sebaliknya, beliau inginkan wanita yang menjadi diri sendiri dan hidup dengan kemahuan serta cita-cita sendiri, seperti yang dipamerkan oleh watak Ibu Noor. Melalui Ibu Noor pengarang membenteng kehendak, naluri dan wawasan wanita sendiri, sehingga muncul sebagai usahawan berjaya dan bertindak memenuhi naluri wanitanya dengan mengahwini lelaki muda pada usianya mencecah 60 tahun. Hal ini adalah gambaran yang agak luar biasa dalam masyarakat yang lazimnya melihat lelaki tua mengahwini wanita muda. Dalam novelnya, pengarang merombak kerangka kelaziman dalam masyarakat dengan merangka idea baru bagi merungkai ketidakadilan terhadap wanita. Gambaran wanita pada Ibu Noor bersifat autonomi, matang, bijak berkomunikasi dan tidak hanya akur dengan nilai-nilai tradisi. Sifat-sifat ini sesuai dengan gagasan Showalter yang ingin melihat penulisan wanita memandu wanita keluar dari tanah gersang ke dunia baru yang lebih menjanjikan iaitu yang disebutnya *the promised land* (1982, p.9).

Daripada idea-idea yang dikemukakan oleh Titis Basino menampilkan kisah wanita berusia bercinta dan berkahwin dengan lelaki muda sebagai cara mengkritik masyarakatnya. Berdasarkan gambaran pengarang wanita tersebut, dirumuskan bahawa

ketidakadilan ke atas wanita selama ini telah dirangka oleh lelaki, dan diperteguhkan oleh gabungan nilai-nilai agama dan masyarakat.

Melalui perbincangan di atas, menunjukkan pengarang wanita Indonesia telah menjadikan aspek biologi wanita sebagai sumber penulisan mereka. Dalam menyampaikan penceritaan tentang pengalaman, wawasan, cabaran, identiti dan naluri wanita, golongan pengarang wanita terpilih telah menjadikan aspek biologi sebagai landasan pemikiran dalam proses penciptaan karya sastera. Aspek biologi wanita dimanfaatkan pengarang dalam penulisan bagi melontar pemikiran bercorak penentangan, ketidakpuasan hati dan penekanan terhadap wanita dalam masyarakat. Penggunaan aspek biologi dalam penulisan wanita tersebut mendedahkan cara-cara women conceptualize their situation in society (Showalter, 1982, p.19) seperti yang digagaskan dalam model biologi. Aspek-aspek biologi yang dilakar oleh pengarang wanita Indonesia berhubung dengan seksualiti wanita, kecenderungan sesama wanita, penentangan terhadap patriarki, dan isu ketidakadilan gender bertujuan menyampaikan pemikiran pengarang, sekaligus mempamerkan cara-cara wanita menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Dalam kalangan pengarang terpilih, Oka Rusmini jelas menjadikan aspek biologi sebagai sebahagian daripada sumber penulisan mereka. Sementara Titis Basino sebagai pengarang senior mempunyai prinsip sendiri yang agak konservatif apabila beliau menolak untuk mendedahkan perkara tabu dalam penulisannya. Malah beliau juga 'kurang senang' dengan gaya baru yang dipamerkan pengarang generasi baru, khususnya dalam soal keberanian dan keterbukaan melanggar tata susila bangsanya. Namun begitu, berdasarkan penulisan Oka Rusmini menunjukkan antara pengarang wanita Indonesia tidak lagi menganggap persoalan biologi wanita, khususnya aspek seksualiti sebagai tabu. Malahan, unsur ini dijadikan sumber naratif bagi membuka minda, memecahkan kebisuan wanita dan melukiskan citra baru wanita dengan cara yang lebih berani dan lebih terbuka. Dengan perkataan lain, aspek biologi wanita dalam penulisan wanita bukanlah subjek sebenar yang ingin diutarakan, sebaliknya menjadi medium bagi menyampaikan idea dan pemikiran pengarang tentang permasalahan wanita. Hal ini selaras dengan saranan Showalter dalam model biologinya yang

menyaran pengkritik agar menilai penulisan wanita must be sought (in Miller's words) in "the body of her writing and not the writing of her body" (1982, p.19-20).

Sementara di Malaysia, pada umumnya dunia hari ini sudah maju dan kaum wanita, rata-ratanya telah mencapai kedudukan tinggi di luar rumah. Namun begitu, situasi tersebut tidak bermakna telah terhapusnya amalan memperkecilkan kemampuan dan kebolehan kaum wanita di kalangan masyarakat, khususnya oleh lelaki. Faktor biologi wanita masih dijadikan alasan yang mempengaruhi cara lelaki berfikir dan bersikap terhadap wanita. Persoalan ini juga merupakan satu permasalahan yang dihadapi wanita dalam masyarakat Malaysia pada hari ini, apabila masih ada yang menganggap wanita sebagai subordinasi lelaki dan pembentukan nilai-nilai masyarakat adalah berasaskan tanggapan tersebut. Gambaran ini juga turut dirakamkan dalam pelbagai genre kesusasteraan, termasuk novel. Dalam konteks ini, pemaparan yang dilakukan oleh pengarang wanita Malaysia dalam penulisan novel merupakan pantulan kehidupan yang dilalui dan dialami oleh wanita, khususnya tentang bagaimana wanita menanggapi dan menyesuaikan diri dan kedudukan mereka dalam masyarakat.

Dalam *Menongkah Lumrah*, Azmah Nordin mendedahkan bahawa penilaian terhadap wanita seringkali dilakukan secara tidak adil, iaitu diukur berdasarkan faktor biologi dan bukan kemampuan sebenar wanita. Hal ini selari dengan ciri-ciri yang terdapat dalam model biologi yang menerangkan *patriarchal thought has limited female biology to its own narrow specifications* (1982, p.18). Pengarang membongkar permasalahan tersebut melalui pengalaman tokoh wanitanya Zakiyyah, seorang pekerja di Wisma PBC, iaitu sebuah firma komputer besar dan terkemuka di Sabah. Dalam organisasinya, Zakiyyah berdepan dengan rakan-rakan sekerja lelaki yang rata-ratanya mempunyai pemikiran yang terhad dan sempit tentang wanita. Dengan lingkungan persekitaran sedemikian, Zakiyyah menghadapi diskriminasi gender yang kritikal, yang berusaha untuk mematahkan semangat juang wanita. Pengarang menggambarkan rakan-rakan sekerja lelakinya secara terang-terangan menilai Zakiyyah berdasarkan faktor biologi. Pemaparan tersebut memperlihatkan cubaan pengarang untuk mendedahkan cara penilaian masyarakat, khususnya lelaki terhadap wanita yang berasaskan tanggapan biologi yang sempit. Ukurtara penilaian tersebut adalah berpandukan aspek-

aspek luaran wanita seperti bentuk tubuh, usia, status perkahwinan dan sifat-sifat fizikal yang lain. Penanda kewanitaan tersebut merujuk kepada kecantikan yang dijadikan sebagai kayu ukur. Pendedahan ini adalah berkait dengan sifat-sifat wanita yang menarik perhatian lelaki yang wujud dalam pemikiran masyarakat Melayu, dan merupakan antara ciri wanita ideal seperti disebut oleh Roziyah, *iaitu a woman who is well-groomed and attractive* (1994, p.29). Justeru, dalam novel ini pengarang membuktikan masyarakat masih menilai wanita dari bersifat biologi. Bagi pengarang, cara tersebut merupakan bentuk penilaian yang bukan sahaja bersifat bias, tetapi dengan jelas menyerlahkan wujudnya ketidakadilan gender dalam masyarakatnya.

Justeru, pengarang menyanggah dan membuktikan ketidaktepatan tanggapan yang mendasari pemikiran tersebut. Sanggahan pengarang dilakukan melalui strategi naratif dengan membina watak Zakiyyah supaya memiliki ciri-ciri wanita yang kontras atau bertentangan dengan sifat-sifat keidealan wanita menurut penilaian masyarakat yang berteraskan lelaki. Walau bagaimanapun, pengarang tidak memberi jalan mudah kepada protagonisnya untuk mencapai kedudukan di firma yang dimonopoli oleh kaum lelaki. Sebaliknya, Azmah membina perjalanan hidup Zakiyyah yang penuh dengan ranjau duri. Duri ranjau tersebut adalah analogi pengarang untuk membuktikan bahawa wanita bukan sahaja mampu menunjukkan daya saing di kalangan lelaki, malah dalam sesetengah hal wanita berupaya mengatasi pencapaian kaum lelaki. Kejayaan menyelamatkan syarikat dari mengalami kerugian telah menaikkan imej dirinya sebagai 'hero' dan sekaligus memberi kredit kepada pencapaiannya dalam syarikat tersebut. Kecemerlangan kerja yang dipamerkan Zakiyyah juga mendapat kepercayaan penuh, malah disayangi ketuanya, sehingga mencetuskan perasaan dengki, iri hati dan rasa benci di kalangan ahli lembaga pengarah lain yang semuanya lelaki. Rentetan pencapaian Zakiyyah menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam public space telah dilihat sebagai memberi persaingan sengit kepada lelaki. Isu ini diketengahkan pengarang sebagai satu tanda penafian terhadap tanggapan yang tidak adil terhadap wanita, khususnya sebagai protes terhadap ketidakadilan gender.

Walaupun berusaha menyanggah pelbagai bentuk perlekehan dan perlecehan terhadap wanita yang dikaitkan dengan faktor biologi, tetapi pengarang wanita Malaysia

ternyata bersifat realistik dan objektif. Dalam hal ini, walaupun Azmah mengangkat kehebatan wanita yang mampu berjaya tanpa sokongan lelaki atau suami, tetapi ternyata pengarang masih akur dengan hakikat hidup. Pengarang dilihat merangka naratifnya dalam kerangka yang berbeza daripada feminis Barat, iaitu berdasarkan suasana dan sifat-sifat yang wujud dalam sosiobudaya masyarakat Melayu. Pengarang menyerlahkan pandangannya sekalipun kuat semangat seseorang wanita itu atau memiliki kejayaan yang tinggi melangit, wanita perlu kembali kepada fitrah kejadian dirinya. Justeru, Azmah tidak bersikap menolak kepentingan kehadiran dan peranan lelaki dalam hidup wanita. Dari satu sudut, menunjukkan Azmah masih menjaga status quo lelaki dalam masyarakat. Oleh itu, protagonisnya ialah wanita yang melalui proses pengalaman kehidupan yang lazim seperti bercinta, berkahwin dan mempunyai anak-anak, iaitu mengalami kitaran kehidupan normal sebagai manusia. Contoh di atas menunjukkan cara pengarang mengungkapkan pernyataan diri wanita yang memerlukan lelaki dalam kehidupan mereka, tetapi yang diharapkan adalah lelaki yang bertanggungjawab, memahami dan adil terhadap wanita. Gambaran terhadap sikap objektif tersebut memperlihatkan pengarang merangka naratifnya secara objektif, adil, wajar dan bijak, iaitu dengan memanfaatkan aspek biologi wanita sebagai gaya penceritaan.

Begitu juga dengan watak Maria Zaitun dalam *Salam Maria* oleh Fatimah Busu yang memperlihatkan hubungan yang harmonis dan bermanfaat di antara Maria Zaitun dan Pemuda Van (Aziz). Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa pengarang wanita Malaysia pada dasarnya menerima fahaman status quo lelaki dalam kehidupan mereka. Segala yang disuarakan mereka adalah selaras dengan pandangan Kamla Bhasin dan Nighat Said Khan ketika memperkatakan fahaman feminis di Asia, bahawa feminis di sebelah sini tidak membenci atau menafikan lelaki, sebaliknya menentang lelaki yang menafikan hak-hak wanita, yang memperlakukan wanita sebagai harta atau hanya sebagai komoditi mereka (1988, p.18). Kebenaran pandangan tersebut dibuktikan oleh pengarang wanita dalam penulisan novel terpilih yang dibincangkan di atas. Ini menunjukkan apa yang diperjuangkan oleh pengarang wanita Malaysia bukan fahaman feminis yang menolak lelaki atau menuntut kebebasan sepenuhnya, sebaliknya menerapkan fahaman feminis dalam acuan Malaysia/Melayu yang menuntut sikap kompromi dan keadilan dari lelaki.

Oleh itu, pengarang Malaysia menyampaikan gagasan bahawa wanita sebenarnya bukan menuntut sesuatu yang bukan hak mereka, atau kebebasan melulu, seperti yang dituntut oleh rakan-rakan mereka di Barat. Sebaliknya mereka mahukan keadilan dan menentang diskriminasi, dominasi dan eksploitasi lelaki ke atas kehidupan wanita, sama ada dalam keluarga atau masyarakat. Jelasnya, yang diperjuangkan wanita Malaysia ialah penghapusan bentuk-bentuk ketidakadilan gender, khususnya di tempat kerja seperti yang dikesan dalam *Menongkah Lumrah* dan meroboh tembok-tembok patriarki yang menyekat hak dan kebebasan wanita dengan alasan yang berhubung biologi seperti yang diperlihatkan dalam *Salam Maria*. Bagi memperteguhkan ideologi bersifat androgyny tersebut, pengarang tidak bertindak bias kepada lelaki apabila novel-novel mereka telah mengangkat watak-watak lelaki yang baik, supportive dan bersikap adil terhadap wanita. Pendirian ini tidak bermakna wanita enggan keluar dari ruang patriarki atau status quo lelaki, sebaliknya memperlihatkan sifat pematuhan wanita Malaysia terhadap sistem nilai sosiobudaya, dan diperkukuhkan oleh ajaran Islam yang menyatakan lelaki dan wanita itu saling memerlukan antara satu sama lain. Justeru, sebagai pengarang wanita Melayu dan beragama Islam ternyata pengarang akur dengan sistem nilai sosiobudaya, nilai-nilai masyarakat, dan terutamanya ajaran agama, seperti yang diperlihatkan dalam novel *Menongkah Lumrah* dan *Salam Maria* serta kebanyakan novel-novel oleh wanita di Malaysia.

Hasil daripada penemuan tersebut, menunjukkan pengarang wanita Malaysia yang dipilih untuk kajian ini telah menjadikan aspek biologi wanita sebagai sumber kepada penulisan mereka seperti saranan model biologi Showalter. Dalam mengungkapkan ketidakpuasan hati, identiti wanita, pengalaman, wawasan, cabaran, dan kritikan pengarang memanfaatkan aspek biologi sebagai suatu landasan pemikiran dan penciptaan novel. Walau bagaimanapun, unsur-unsur biologi yang diterapkan bukanlah objek sebenar yang ingin dipaparkan dalam novel, sebaliknya pengarang lebih cenderung untuk menarik perhatian pembaca terhadap bentuk badan penulisan dan bukannya bentuk badan dalam penulisan. Sifat-sifat model biologi gagasan Showalter yang ditemui dalam novel-novel terpilih menjelaskan bahawa pengarang wanita menulis menggunakan perspektif *critic's body* yang memaparkan unsur puitika sastera bersifat inovatif, khususnya dalam soal gaya dan bentuk penulisan. Walau bagaimanapun, aspek

biologi yang diketengahkan pengarang wanita Malaysia adalah terbatas kepada beberapa isu sahaja, iaitu dalam soal identiti diri, penentangan terhadap sistem patriarki dan protes ketidakadilan gender dalam masyarakat.

Sementara itu di negara Brunei Darussalam memperlihatkan situasi kepengarangan wanita yang agak berbeza daripada rakan-rakan mereka di Malaysia, apatah lagi di Indonesia. Kebanyakan novel yang dihasilkan oleh pengarang wanita seperti *Pengabdian* (1987), *Gerun* (2013) oleh penulis terkenal Norsiah Abdul Gapar³, iaitu satu-satunya pengarang wanita Brunei paling berjaya kerana berhasil menempatkan dirinya di persada penulisan sastera di Brunei dan di peringkat antarabangsa. Begitu juga dengan pengarang berbakat Norhamizah Samihon, melalui novelnya *Kembara Mencari Cahaya* (2017) berjaya menempatkan dirinya sebagai pengarang wanita terkenal di Brunei Darussalam⁴.

Membaca novel *Pengabdian* dan *Gerun* oleh penulis Norsiah Abdul Gapar dan novel *Kembara Mencari Cahaya* (2014) oleh Norhamizah Samihon, ternyata tidak ditemui sebarang unsur-unsur protes ketidakadilan gender dalam karya mereka. Sebaliknya mereka lebih cenderung memperlihatkan penerapan nilai-nilai Islam dan ciri-ciri wanita Melayu (Islam) pada watak-watak wanita janaan mereka. Dalam *Gerun* misalnya, pengarang memperlihatkan watak nenda, Siti Sarah Maisarah yang sangat menitikberatkan didikan agama kepada anak perempuannya, dan seterusnya cucu kesayangannya, Ameerah. Walaupun ternyata anak perempuan dan cucunya itu pernah tersasar dalam mengharungi kemewahan dan permodenan kehidupan, namun akhirnya pengarang membawa mereka kembali ke pangkal jalan yang lurus.

Melalui novel ini juga pengarang menggambarkan watak-watak wanita dan berpendidikan tinggi dan berjaya dalam kehidupan mereka, dan tidak ada sebarang rasa ketidakpuasan hati terhadap kaum lelaki. Gambaran sebegini didapati sejajar dengan

³ Beliau berjaya menyaingi penulis lelaki apabila menerima Hadiah Penghormatan Pertama dalam Peraduan Menulis Novel Sempena Kemerdekaan Brunei 1983 dan Hadiah Sastera MASTERA pada tahun 2014 melalui novel *Gerun* (2013).

⁴ Beliau adalah penerima Anugerah Penulis Novel Muda Mastera 2017 dari Negara Brunei Darussalam (diterima semasa semasa Seminar Sastera Asia Tenggara Antarabangsa yang diadakan di Jakarta, Indonesia). Malah novel beliau juga menerima Anugerah Novel Paling Boleh Dijual 2015 untuk kategori Sastera di festival Buku Brunei 2016.

penjelasan oleh Dayang Aminah binti Haji Momin dalam makalahnya “Imej Wanita Melayu Brunei dalam Pengabdian: Kesannya dalam Masyarakat (2011)⁵ bahawa di Negara Brunei Darussalam, kaum wanita amat berbangga kerana sesetengah mereka dapat menjawat jawatan lebih tinggi dan mampu berganding tenaga dengan kaum lelaki. Pihak kerajaan telah memberikan peluang yang cukup menggalakkan kepada kaum wanita di negara ini untuk menjawat jawatan dan memikul tanggungjawab bersama-sama dengan kaum lelaki untuk mencurahkan bakti kepada negara, bangsa dan agama (2011, p.4).

Corak penceritaan dan pemaparan watak yang hampir sama juga ditemui dalam novel *Kembara Mencari Cahaya* (2014) oleh Norhamizah Samihon, yang tidak memperlihatkan sebarang unsur-unsur protes terhadap ketidakadilan gender. Sebaliknya Nurhamizah juga cenderung memperlihatkan penerapan nilai-nilai Islam dan ciri-ciri wanita Melayu (Islam) pada watak-watak wanita janaannya, seperti Laila, Dorianna, Fauziah, Rohani dan lain-lain. Malah apa yang dinaratifkan adalah hubungan baik dan harmoni wanita-lelaki, yang saling memberi dan menerima rasa persefahaman antara satu sama lain. Nilai ketaatan wanita sebagai isteri terhadap suami misalnya, dapat dilihat pada contoh ini:

“Fauziah berjanji pada suaminya bahawa dia akan berada di bangunan ini sahaja. Dia mesti minta izin dari suaminya kalau hendak ke mana-mana pun” Laila menjelaskan (2017, p.47).

Gambaran di atas membayangkan kepatuhan dan ketaatan wanita terhadap suami tanpa berbelah bagi, dan keakuran mereka itu terlaksana tanpa sebarang rasa tidak puas hati atau protes. Begitu juga dengan situasi hubungan antara Dorianna dan suaminya, Kashful. Semua yang dipaparkan dalam naratif ini adalah berlangsung dalam keadaan damai, tenteram dan tidak menggambarkan sebarang rasa ketidakpuasan hati dalam kalangan wanitanya. Situasi tersebut membayangkan budaya Melayu (Islam) telah menanamkan nilai-nilai moral, etika dan akhlak (keagamaan) sebagai nilai utama dalam

⁵ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Bahasa dan Sastera, semperia Sidang Ke-40 Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) dan Sidang Ke-6 Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) pada 11-12 Mac 2001 di Puteri Pan Pacific, Johor Bahru.

kehidupan sehari-hari di kalangan para wanita Brunei dan hal tersebut ditemui dalam novel-novel mereka.

Oleh yang demikian, dalam konteks sifat-sifat model biologi gagasan Showalter, tidak dapat dikesan dalam novel-novel terpilih oleh pengarang wanita Brunei. Ini bererti, pengarang wanita Brunei Darussalam tidak mengekspresi segala yang dirasa, dialami, dan diingini khususnya hal-hal yang bersifat peribadi ke dalam karya. Hal ini terjadi sama ada kerana mereka berasa tidak perlu berbuat demikian, kerana tiada mengalami sebarang tekanan berhubung isu tersebut, atau kerana mereka masih terikat dengan nilai-nilai etika, adat, budaya masyarakat dan agama yang menjadi pegangan hidup dan latar yang melingkungi mereka. Walaupun mereka berhasrat memperjuangkan hak dan kebebasan wanita dalam penulisan novel, tetapi erti kebebasan tersebut adalah terhad dan tidak terkeluar dari batas-batas yang dibenarkan oleh adat Melayu dan agama Islam. Sememangnya agama dan adat mempunyai pengaruh yang sangat besar ke atas pemikiran dan cara hidup masyarakat Melayu Brunei Darussalam.

Bentuk pemaparan yang hampir sama juga ditemui dalam novel-novel pilhan di Singapura. Walaupun pengarang wanita Singapura cenderung memusatkan penceritaannya kepada usaha untuk memperkasakan wanita dalam kehidupan, tetapi usaha tersebut tidak membawa kepada pemaparan rasa ketidakpuasan hati terhadap lelaki atau protes terhadap ketidakadilan gender dalam kalangan wanitanya. Melalui novel *Kalut* oleh Rohani Din misalnya, di sepanjang naratifnya novel ini jelas berfokus kepada watak wanitanya, Anie yang berperanan utama dalam menjaga dan merawat anak perempuannya, Siti yang sakit terlantar di hospital dan pada masa yang sama menjaga rumah tangganya dengan anak-anak dan suami yang juga sakit di rumahnya. Melalui judul novel *Kalut*, pengarang menggambarkan kekalutan jiwa dan hidup seorang wanita yang berdepan dengan ujian demi ujian dalam kehidupannya. Ketika suaminya yang sakit kerana serangan jantung masih belum pulih sepenuhnya, anak bongsunya pula koma dan terlantar di hospital. Namun tidak kelihatan unsur-unsur protes terhadap kekalutan tersebut. Sebaliknya, gaya naratif pengarang lebih kepada memperlihatkan ketahanan jiwa dan fizikal wanita berdepan dengan cabaran hebat dalam hidupnya. Wanitanya tidak menyalahkan atau protes terhadap lelaki yang gagal memainkan

peranan sebaiknya dalam kehidupan berumahtangga. Sebaliknya, dalam kekalutan tersebut watak wanitanya masih sempat mengenang kebaikan lelaki, iaitu suaminya seperti dalam gambaran berikut;

“Setiapkali aku bersalin, suamiku ambil cuti sampai empat puluh lapan hari. Hinggakan rakan-rakan sekerjanya menggiat, engkau bersalinkah atau isteri kau yang bersalin?”. Sepanjang masa aku di dalam pantang, suamiku yang akan membasuh, memasak, ke pasar dan lain-lain. Kami berdua sama-sama membentuk keluarga bahagia tanpa pertolongan siapa-siapa. Hanya Allah yang membantu.” (2017, p.50).

Pemaparan di atas membayangkan perasaan penghargaan wanita terhadap suaminya, meskipun ketika suaminya tidak mampu lagi berbuat apa-apa kerana sakit. Tidak ada rasa ketidakan puas hati atau protes terhadap lelaki. Sebaliknya, adalah paparan kesukaran hidup yang telah dikongsi bersama dengan rasa persefahaman antara isteri dan suami. Pemaparan yang hampir sama juga ditemui dalam novel Emma dan Hud oleh Nirrosette. Pengarang tidak memaparkan sifat-sifat biologi wanita ke arah yang disarankan oleh model biologi, sebaliknya menggambarkan situasi yang sebaliknya. Dalam novel ini, watak anak perempuan, iaitu Emma digunakan oleh pengarang untuk menunjukkan sifat tanggungjawab dan pengorbanan suami (ayah) terhadap keluarganya. Ini dapat dikesan pada contoh petikan berikut;

“Arwah ayah dulu selalu pesan kat saya, belajar sungguh-sungguh. Pasal duit jangan risau, itu tanggungjawab ayah. Sampai arwah meninggal dunia pun, dia betul-betul penuh tanggungjawabnya. Ayah tinggalkan kita orang semua duit belanja. Cukup untuk saya sambung belajar. Untuk Mira belajar. Kalau dia taka da, macam mana ibu, saya dan Emira nak hidup – semua tu dia dah siapkan okey? Saya tak pernah jumpa orang yang sangat berdedikasi dan bertanggungjawab macam arwah ayah,” tutur Emma membuka cerita (Nirrosette, 2018, p.353).

Demikian rasa penghargaan dan sanjungan wanita yang menghargai peranan dan tanggungjawab seorang ayah dan suami. Pemaparan ini menunjukkan bahawa wanita yang menghargai lelaki tanpa sebarang rasa tidak puas hati atau wujudnya aspek ketidakadilan gender dalam naratif ini. Oleh yang demikian, dalam konteks sifat-sifat model biologi gagasan Showalter tidak dapat dikesan dalam novel-novel terpilih oleh pengarang wanita Singapura. Ini bererti, pengarang wanita Singapura yang dipilih untuk

pembicaraan ini, ternyata tidak mengekspresi aspek biologi, iaitu segala yang dirasa, dialami, dan diingini khususnya hal-hal yang bersifat peribadi ke dalam bentuk protes terhadap ketidakadilan gender. Tidak seperti yang diungkapkan oleh rakan mereka di Indonesia dan Malaysia, sebaliknya sedikit cenderung kepada gaya penceritaan oleh rakan mereka di Brunei Darussalam.

Berdasarkan perbincangan di atas, menunjukkan pengarang wanita di kebanyakan negara serumpun telah menjadikan aspek biologi wanita sebagai sumber penulisan mereka. Dalam menyampaikan penceritaan tentang pengalaman, wawasan, cabaran, identiti dan naluri wanita, golongan pengarang wanita menjadikan aspek biologi sebagai landasan pemikiran dalam proses penciptaan karya sastera. Aspek biologi wanita dimanfaatkan pengarang dalam penulisan bagi melontar pemikiran bercorak penentangan, ketidakpuasan hati dan penekanan terhadap wanita dalam masyarakat. Penggunaan aspek biologi dalam penulisan wanita tersebut mendedahkan cara-cara *women conceptualize their situation in society* (Showalter, 1982, p.19) seperti yang digagaskan dalam model biologi. Aspek-aspek biologi yang dilakar oleh pengarang wanita Indonesia berhubung dengan seksualiti wanita, kecenderungan sesama wanita, penentangan terhadap patriarki, dan isu ketidakadilan gender bertujuan menyampaikan pemikiran pengarang, sekaligus mempamerkan cara-cara wanita menyesuaikan diri dalam masyarakat. Manakala di Malaysia, aspek biologi disentuh dalam memaparkan aspek-aspek yang sama tetapi dalam cara yang lebih sederhana. Begitu juga dengan pengarang wanita Brunei Darussalam dan Singapura, meskipun terdapat juga unsur-unsur biologi dilakar dalam penulisan mereka, tetapi kurang menyerlah. Malah pengarang Brunei misalnya, melihatnya dari perspektif yang berbeza, iaitu dengan menjadikannya sebagai landasan untuk mengembalikan watak-watak wanitanya kepada jalan yang bernaar dan lurus. Justeru, dapat dikenal pasti bahawa pengarang wanita cenderung menjadikan aspek biologi sebagai sebahagian daripada sumber penulisan mereka. Tetapi aspek biologi wanita dalam penulisan wanita bukanlah subjek sebenar yang ingin diutarakan, sebaliknya menjadi medium bagi menyampaikan idea dan pemikiran pengarang tentang permasalahan wanita, selaras dengan saranan Showalter dalam model biologinya.

3.0 Budaya Wanita Dalam Penulisan.

Model terakhir ginokritik ialah 'penulisan wanita dan budaya wanita' yang menyarankan pentafsiran penulisan wanita harus dihubungkan dengan konteks sosial yang melingkungi mereka. Menurut Showalter, cara wanita membentuk konsep badan, sifat seksual dan fungsi reproduktif adalah berhubung dengan persekitaran budaya mereka (1982, p.27). Oleh itu, psikologi wanita dilihat sebagai hasil keluaran atau pembinaan kuasa budaya. Hal ini kerana aspek sosiobudaya memainkan peranan penting dalam membentuk sikap, tanggapan dan perlakuan wanita. Dalam mentakrif dan memahami budaya wanita, Gerda Lerner (1979) membezakan di antara peranan, aktiviti, citarasa dan sikap serta gambaran perlakuan yang sesuai dengan kehidupan wanita. Semua aspek tersebut adalah berpusat kepada wanita (women-centred) bagi menjelaskan budaya wanita yang wujud di tengah-tengah budaya umum, yang dikongsi secara bersama oleh lelaki dan wanita. Menurut Showalter (1982, p.28-29), budaya wanita merujuk kepada *the road-based communality of values, institutions, relationships, and methods of communications*. Pernyataan ini menerangkan tentang nilai-nilai dan cara hidup sekumpulan masyarakat yang hidup dan melakukan aktiviti secara bersama. Ianya merangkumi institusi-institusi tertentu, perhubungan dan bentuk-bentuk komunikasi di kalangan mereka. Sementara membicarakan aktiviti-aktiviti dan matlamat-matlamat wanita dari sudut pandangan wanita juga merupakan budaya wanita (Humm, 1989, p.42). Firestone pula menegaskan pentingnya budaya wanita dengan menyatakan 'kita bangga akan budaya wanita seperti emosi, intuisi, cinta, hubungan personal dan sebagainya sebagai karekter manusia yang paling penting' (ibid, p.42).

Berdasarkan kefahaman tersebut, Showalter menekankan pentingnya pengkaji mengenal pasti setiap unsur yang terbentuk dalam budaya wanita untuk membantu memahami penulisan wanita. Adalah penting pengkaji memberi perhatian khusus kepada budaya wanita, termasuk penulisan wanita kerana ianya menunjukkan cara tradisi wanita boleh menjadi sumber positif bagi kekuatan dan perpaduan wanita. Ianya juga dapat menghasilkan pengalaman wanita sendiri, serta memperlihatkan lambang-lambang yang tidak diperhatikan dalam tradisi lelaki. Pandangan ini menegaskan pentingnya pengkaji mengenal unsur-unsur yang wujud dalam budaya wanita untuk lebih memahami mereka.

Dengan memberi perhatian pada budaya wanita dan hubungannya dengan penulisan wanita, perbincangan ini akan menjurus kepada ciri-ciri berikut:

1. sumber bagi kekuatan dan perpaduan wanita,
2. memaparkan pengalaman-pengalaman wanita, dan
3. mempamerkan lambang-lambang wanita yang tersendiri.

Dengan melihat kepada unsur-unsur budaya wanita yang dipamerkan dalam penulisan pengarang wanita, akan memperlihatkan cara wanita ditanggapi oleh dominant group dan cara wanita menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut. Oleh itu, model budaya wanita dikatakan dapat mengarah dan memandu pembaca ke arah memahami teks-teks wanita, di samping menunjukkan bahawa dalam penulisan wanita wujudnya *double-vouced discourse*. Perbincangan ini juga akan mempamerkan ciri-ciri puitika sastera wanita yang dijadikan sebagai landasan kepada pemikiran dan proses penghasilan karya oleh wanita. Selain itu, masyarakat juga akan lebih mengenali dan memahami dunia wanita dalam ertikata yang lebih tepat dan benar, yang terhasil daripada garapan pengalaman wanita sendiri.

Berdasarkan gagasan model budaya, bahagian ini akan membincangkan cara-cara pengarang negara serumpun, iaitu Malaysia (diwakili Azmah Nordin dan Fatimah Busu), Indonesia (diwakili Oka Rosmini dan Titis Basino), Brunei Darussalam (diwakili Norsiah Abdul Gapar dan Norhamizah Samihon) dan Singapura (diwakili Rohani Din dan Nirrosette) memanfaatkan dan mempamerkan unsur-unsur budaya wanita ke dalam penulisan novel mereka.

3.1 Sumber Kekuatan dan Perpaduan Wanita

Aspek persaudaraan wanita (*sisterhood*) menjadi sumber kekuatan dan perpaduan wanita (*solidarity*) merangkumi gagasan dan pengalaman ikatan di kalangan wanita. Ikatan ini meliputi pengukuhan diri, identiti dalam pandangan yang berpusat kepada wanita dan pentakrifan mengenai wanita. Maggie Humm menyatakan, wanita mempunyai pengalaman dan berkongsi permasalahan yang hampir sama, tanpa mengira bangsa, agama dan kelas (1989, p.211). Masalah yang dihadapi oleh wanita adalah

berdepan dengan pandangan dan nilai-nilai masyarakat yang bertunjangkan kekuatan sumber patriarki. Sebagai wanita pengarang juga tidak terlepas daripada berdepan dan mengalami bentuk-bentuk pengalaman wanita tersebut. Justeru, mereka selalunya akan menjadikan permasalahan tersebut sebagai sebahagian daripada intipati pengalaman diri yang kemudian dicanai dengan kreativiti dan imaginatif, lantas digarapkan ke dalam bentuk penulisan kreatif. Aspek ini menjadi salah satu landasan penting yang mendasari pemikiran dan proses penciptaan karya sastera wanita.

Persoalan persaudaraan dan perpaduan wanita ini ditemui secara meluas dalam novel-novel pengarang wanita terpilih. Pengisian novel secara jelas mengengahkan kekuatan dan perpaduan wanita. Situasi ini agak berbeza dengan penulisan lelaki, kerana kebanyakan pengarang lelaki didapati lebih berminat untuk menggambarkan persaingan dan perbalahan dalam kalangan wanita, khususnya dalam merebut perhatian lelaki. Menurut Showalter, watak-watak ciptaan pengarang lelaki adalah *somewhat idealized and melancholy projections of repressed male self* (1987, p.238). Cynthia Ozick juga berpandangan bahawa lelaki mencipta watak wanita dengan ciri-ciri yang sempurna, iaitu sebagai bidadari atau dewi yang menyerlahkan sifat-sifat wanita yang ideal di mata lelaki. Sementara Ellmann pula melihat pembinaan watak wanita yang jahat atau kejam sebagai pengaruh daripada penulisan lelaki (Eagleton, 1993, p.45). Justeru, gaya penulisan pengarang lelaki yang kerap diasosiasikan pada kepentingan dan kemahuan lelaki telah distrukturkan semula oleh pengarang wanita. Mereka bermula dengan membetulkan keadaan, mempersembahkan semula, dan memberikan gambaran yang lebih tepat dan sesuai dengan emosi dan pengalaman wanita yang sebenarnya. Sebahagian daripada penstrukturan semula adalah dengan menjadikan aspek perpaduan dan persaudaraan wanita sebagai satu wawasan dan ciri penting dalam puitika penulisan sastera wanita. Persaudaraan dan perpaduan wanita dalam penulisan wanita dapat dilihat dalam berbagai-bagai bentuk dan aspek kehidupan mereka yang menjelaskan gambaran hubungan sesama wanita. Pertama, dalam konteks hubungan persaudaraan sesama wanita (*sisterhood* dan *womanhood*). Kedua-dua konsep ini membawa pengertian pertalian yang terjalin dalam kalangan wanita tanpa melibatkan hubungan kekeluargaan. Kedua, hubungan kasih sayang antara ibu dan anak perempuan (*motherhood*) yang berlangsung secara amat intim dan dipupuk seawal anaknya masih dalam kandungan

yang dikenali sebagai proses simbiosis. Nancy Chodorow (1989) melihat keakraban hubungan ibu dan anak perempuan lahir kerana mereka mempunyai ciri-ciri jantina sama yang membenarkan anak perempuan membentuk identiti serupa dengan ibunya. Sementara perhubungan ibu dan anak lelaki pula berbeza kerana ketaksamaan ciri-ciri biologi. Ibu juga dikatakan akan berinteraksi dengan anak lelaki secara berlainan dengan anak perempuan.

Di Indonesia, antara lain nilai-nilai bersama, hubungan-hubungan tertentu dan kaedah perhubungan antara wanita yang dirujuk sebagai 'budaya wanita' dapat dikesan dalam *Tarian Bumi*. Oka Rusmini mempamerkan perpaduan dan persaudaraan wanita melalui Luh Sekar dan Luh Kenten yang sentiasa bersama dan menjadi tempat untuk saling mengadu. Ketika Luh Sekar berusaha merealisasikan impian bagi mengubah hidupnya, Kenten banyak memberi dorongan, semangat, malah meminjamkan pakaian dan perhiasannya kepada Luh Sekar. Kenten juga mengakui dia sanggup berbuat apa saja untuk kebahagiaan sahabatnya itu. Dia kasihan melihat kesusahan dan penderitaan hidup Luh Sekar dan bertindak membantu Luh Sekar bagi mencapai cita-citanya. Semangat persaudaraan yang diterapkan oleh pengarang melalui Luh Sekar dan Luh Kenten selaras dengan pendapat Showalter bahawa pengarang wanita akan menghasilkan *a sisterhood of shared passion and suffering, women who sobbed and struggled and rebelled* (1977, p.103). Semangat persaudaraan wanita dihidupkan pengarang melalui watak-watak wanita yang berkongsi impian dan harapan, penderitaan, kesedihan dan perjuangan menentang ketidakadilan ke atas wanita.

Melalui penampilan hubungan sesama wanita yang digarap dalam novel, membuktikan usaha pengarang wanita untuk menjadikan penulisan sebagai wahana yang menjadi sumber kekuatan, perpaduan dan persaudaraan wanita. Gambaran keakraban hubungan wanita di antara Luh Sekar dan Luh Kenten dalam *Tarian Bumi* adalah projeksi pengarang ke arah matlamat perpaduan dan persaudaraan wanita. Corak kehidupan yang dipersembahkan itu memaparkan wujudnya nilai-nilai bersama, hubungan dan bentuk-bentuk perhubungan dalam budaya wanita, khususnya yang memperlihatkan *female bonding* atau kekuatan dan perpaduan wanita. Aspek ini menjadi elemen penting dalam penulisan wanita, bertujuan membentuk kekuatan wanita bagi

mendepani permasalahan yang wujud dalam dunia wanita, khususnya dalam konteks hubungan wanita-lelaki seperti yang diutarakan oleh golongan feminis.

Di Malaysia, persaudaraan wanita yang mendorong kepada kekuatan dan perpaduan wanita ini turut menyerlah dalam novel terbaru Fatimah Busu berjudul *Salam Maria* (2004). Pengarang mengungkapkan persaudaraan wanita secara ketara pada watak-watak Maria Zaitun dan para wanita lain seramai lebih daripada 30 orang yang menetap di Hutan Beringin. Hubungan Maria dengan Kimbung Tua dan tiga orang cucunya, Tasnim, Kausar dan Salsabil, serta para wanita lain tidak mencerminkan bahawa mereka baru sahaja saling mengenal dan tidak mempunyai sebarang pertalian keluarga. Mereka diikat teguh oleh tali persaudaraan wanita. Fatimah Busu mengangkat isu hubungan persaudaraan wanita melalui pelbagai perspektif. Pengarang memerihalkan sekelompok wanita yang mempunyai latar belakang yang berbeza boleh tinggal bersama, bekerja mencari sumber rezeki di hutan bersama, memasak dan makan bersama, serta melaksanakan ibadah-ibadah agama bersama, seperti sebuah keluarga besar. Mereka terdiri daripada wanita tua yang bisu, buta dan pekak (Kimbung Tua dan beberapa orang lain), wanita orang asli (Makcik Lang dan Makcik Jarah), wanita bandar (Maria Zaitun), dan kemudian menerima kehadiran gadis-gadis bandar yang asalnya terlanjur sehingga mengandung anak luar nikah. Gadis-gadis yang terlanjur tersebut diterima, diberi tempat tinggal, perlindungan dan rasa persaudaraan di penginapan tersebut. Walaupun kebanyakan wanita tersebut ialah pendatang dan baru saja dikenali, tetapi mereka hidup bersama berkongsi segala keperluan, perasaan dan tanggungjawab. Mereka adalah mewakili golongan wanita yang dipandang rendah oleh masyarakat, berkongsi impian untuk merubah nasib kepada yang lebih baik dan perjuangan untuk merealisasi cita-cita hidup mereka. Maria Zaitun seorang wanita anak dara tua yang dianggap hina dan difitnah sebagai perosak rumahtangga orang, dituduh sebagai pelacur dan dihalau oleh masyarakat daripada kehidupannya di bandar. Dia menjalin ikatan persaudaraan dengan sekumpulan wanita yang datang daripada pelbagai latar belakang. Maznah misalnya, hamil kerana perbuatan teman lelakinya yang telah melarikan diri kerana enggan bertanggungjawab. Maznah dihalau dari rumah oleh kedua orang tuanya kerana tidak sanggup menanggung malu. Wati dan Arifah pula ialah gadis remaja belasan tahun yang hamil akibat perbuatan keji bapa sendiri. Rohidah pula hamil atas

perbuatan datuk sendiri, sementara Haizan, Diana dan Nadirah adalah gadis kilang yang hamil kerana kebebasan pergaulan mereka dengan teman lelaki. Para wanita ini adalah kelompok 'sampah' dan 'terbuang' kerana dihina masyarakat dan tidak diterima oleh keluarga sendiri. Tetapi mereka semua telah menjalin hubungan persaudaraan yang intim dengan bimbingan Maria Zaitun, yang menganggap mereka adalah mangsa lelaki dan ketidakadilan masyarakat.

Dalam komuniti ini mereka diberi peluang kehidupan yang lebih baik, kehidupan yang tenang, disemai dengan nilai-nilai ajaran Islam dan membantu sesama mereka. Kehidupan, tingkah laku dan bentuk hubungan antara mereka menggambarkan keharmonian dan keistimewaan hubungan persaudaraan wanita. Persaudaraan yang dijana pengarang di kalangan wanita ini jelas memberikan kekuatan dan perpaduan kepada wanita bagi menghadapi masalah hidup mereka, sepertimana gagasan model budaya wanita. Selain itu, jalinan sisterhood di kalangan wanita dalam Salam Maria memperlihatkan wujudnya nilai-nilai bersama, hubungan dan bentuk-bentuk perhubungan dalam budaya wanita, seperti yang digagaskan oleh Showalter dalam model budaya.

Berdasarkan semangat persaudaraan yang ditampilkan melalui Wati dan Sofea dalam Isteri dan Maria Zaitun, Kimbung Tua, Makcik Lang, Makcik Jarah dan semua penghuni Hutan Beringin dalam Salam Maria. Paparan tersebut juga selaras dengan pandangan Showalter bahawa pengarang wanita bukan sahaja berkongsi impian dan harapan, tetapi juga penderitaan, kesedihan dan perjuangan serta penentangan terhadap ketidakadilan yang dilakukan ke atas wanita (1977, p.103). Fenomena tersebut adalah wajar kerana satu aspek penting yang ingin dicapai oleh golongan feminis adalah mengisahkan betapa mustahaknya perhubungan yang baik antara wanita. Perhubungan sebegini merupakan titik tolak dalam perjalanan mereka mencari warisan wanita. Virginia Woolf berpendapat, kemesraan intim yang bermakna antara kaum wanita sukar ditemui dalam karya yang ditulis oleh kaum lelaki, seperti katanya, *all these relationships between women, I thought, rapidly recalling the splendid gallery of fictitious women, are too simple* (1957, p.86). Oleh yang demikian, ternyata pengarang wanita menampilkan gambaran

dan pemahaman yang berbeza ketika mengemukakan persoalan hubungan sesama wanita dalam penulisan.

Begitu juga dengan gambaran kehidupan protagonis dalam *Salam Maria*, iaitu Maria Zaitun. Walaupun dia menjalani kehidupan sendirian tetapi tidak pernah terpisah daripada gambaran kenangan, pengalaman, dan kata nasihat yang pernah diberikan oleh ibunya. Ibu Maria Zaitun telah lama meninggal dunia, tetapi pengalaman hubungan Maria Zaitun dengan ibunya mempengaruhi hampir seluruh kehidupan yang dijalannya. Apa jua bentuk tindakan, perlakuan dan pemikiran Maria Zaitun, banyak yang dihubungkan dengan ingatan dan pengajaran yang pernah diberikan oleh ibunya. Dalam beberapa peristiwa digambarkan ingatan Maria pada ibunya melalui teknik flashback, baik mengimbuai hubungan dengan ibunya semasa beliau masih kanak-kanak mahupun setelah remaja. Apa jua bentuk tindakan, perlakuan dan pemikirannya dihubungkan dengan ingatan dan pengajaran yang pernah diberikan oleh ibunya. Malah setiap pesanan ibunya dijadikan panduan dalam menjalani kehidupannya. Antaranya seperti yang digambarkan ketika almarhum ibunya memberi peringatan tentang kedudukan wanita, seperti katanya (Fatimah, 2004, p.157): “Orang perempuan bagai timun dan kehidupan keliling bagai durian. Kalau kita mendekati kehidupan itu, tidak kena buat kita akan binasa. Kalau kita menjauh dari kehidupan itu..juga tidak kena buat kita akan binasa”.

Selain itu, ingatan, kenangan dan kemesraan Maria terhadap ibunya juga terjalin kukuh melalui pemberian pusaka yang amat dihargai dari ibunya yang berupa seutas rantai leher emas, sepasang gelang kehel, dan dua bentuk cincin belah rotan pusaka. Barang-barang tersebut adalah antara lambang ingatan dan kemesraan hubungan antara Maria dan almarhum ibunya. Apa yang jelas di sini, pengarang masih menampilkan bentuk hubungan antara ibu dan anak perempuan yang intim, akrab dan tidak putus, biarpun secara jasad mereka telah pun terpisah. Pengarang menampilkan bentuk hubungan antara ibu dan anak perempuan yang intim, akrab dan tidak putus, biarpun secara jasad mereka telah lama terpisah. Pengarang menggambarkan keakraban tersebut dalam bentuk imbasan kenangan dan ingatan Maria yang tidak putus terhadap kasih sayang dan kemesraan dia dan ibunya. Hal ini berkait rapat dengan

konsep simbiosis yang telah mengikat wanita dengan ibu mereka semenjak dalam kandungan dan selepas dilahirkan. Selain itu, situasi keintiman Maria dengan ibunya itu juga berhubung dengan yang disebut Showalter sebagai *the psychodynamics of female bonding* (1982.p.27) yang mendasari hubungan sesama wanita.

Bentuk kedua hubungan sesama wanita adalah hubungan kasih sayang antara ibu dan anak perempuan yang berlangsung secara amat intim. Hal ini dapat dilihat secara ketara dalam *Menongkah Lumrah* yang menumpukan pada perpaduan wanita yang terjalin kukuh antara ibu dan anak menerusi gambaran watak Zakiyyah dan ibunya. Bagi Zakiyyah, ibunya bukan sahaja berperanan sebagai model contoh dalam kehidupannya, malah bertindak sebagai seorang teman akrab, pembimbing, pemberi semangat dan tempat Zakiyyah mengadu serta berbincang. Kehidupan Zakiyyah juga banyak dicorakwarnakan oleh ibunya dan dipengaruhi oleh pengalaman-pengalaman ibunya. Keakraban perhubungan antara ibu dan anak perempuan adalah merupakan satu ciri penting dalam penulisan pengarang wanita. Hakikat ini diakui oleh Virginia Woolf dalam *A Room of One's Own* dengan menyatakan bahawa *we think back through our mothers if we are women* (1957, p.79). Justeru, tidak hairanlah apabila didapati rata-rata pengarang wanita cenderung untuk melukiskan situasi hubungan intim antara ibu dan anak perempuan ke dalam penulisan kreatif mereka.

Dalam konteks petikan tersebut, ibu Zakiyyah bertindak sebagai pelindung kepada anak perempuannya daripada dipermainkan oleh lelaki. Ibunya juga sentiasa memastikan anak perempuannya itu tidak menjadi mangsa lelaki. Banyak peristiwa yang memperlihatkan cara-cara ibu Zakiyyah bertindak melindunginya. Azmah Nordin turut memberikan perhatian yang cukup istimewa dalam menggambarkan keakraban hubungan antara ibu dengan anak perempuan. Umpamanya, watak ibu memainkan peranan penting dalam menemani dan melentur anak perempuan, seperti ungkapan ibu Zakiyyah yang mengakui, "Ingatlah. Aku sentiasa bersama-samamu. Sentiasa!" (ibid:127). Berdasarkan semangat ibunya juga Zakiyyah membentuk dirinya menjadi wanita yang kuat dan tabah sehingga berjaya mendaki tangga demi tangga kejayaan, bermula dari seorang tukang sapu kemudian menjadi seorang timbalan presiden dan akhirnya menjadi presiden firma PBC. Bagi Zakiyyah sendiri, hidup bersama ibunya

memberikan kekuatan tersendiri kepadanya. Selain memahami kehendak sesama wanita, ibunya sering menyuntik semangat agar beliau tidak gentar berdepan dengan cabaran lelaki dalam kehidupannya. Justeru, dalam merintis kejayaannya, Zakiyyah tidak pernah melupakan peranan yang dimainkan oleh ibunya, pesanan yang disuarakan ibunya, malah beliau sendiri mengakui bahawa "Ibunyalah yang telah mempengaruhinya hingga dia tidak mudah menyerah kalah dalam hidupnya. Mahu bersaing terus-terusan dengan kaum lelaki sepenuhnya (1996:233). Kekaguman Zakiyyah terhadap ibunya adalah juga lambang kekaguman pengarang terhadap ibunya sendiri yang gigih berusaha dengan berniaga kedai makan untuk menyara anak-anaknya. Sedangkan ayahnya sentiasa kepergian atas alasan bekerja sebagai seorang tukang rumah. Oleh kerana ayah Azmah sering tiada di rumah, maka ibunya yang mengambil peranan dan tanggungjawab terhadap anak-anak. Perjuangan ibu Azmah Nordin sendiri digarap ke dalam bentuk perjuangan ibu Zakiyyah yang berniaga di pasar Tamu Inanam untuk menyara dua anak perempuannya. Hakikat ini menjadikan ibunya sebagai peneraju utama keluarga, yang dapat dikaitkan dengan konsep keibuan dalam penulisan wanita. Fahaman feminis menyatakan bahawa, *motherhood is both a source of women's special values and characteristics, the basis of female culture, and that is institutionalized by patriarchy into a form of women's oppression* (Humm, 1989:142-143). Justeru, paparan pengalaman wanita yang dihubungkan dengan ciri-ciri keibuan dalam penulisan pengarang adalah bertujuan mendedahkan kewujudan lelaki dalam amalan patriarki yang menindas wanita. Hal ini terbukti apabila wanita terpaksa berkerja keras dan bertindak sebagai ketua keluarga dalam memikul peranan membesarkan anak-anak yang sepatutnya menjadi tugas dan tanggungjawab lelaki.

Demikianlah cara pengarang wanita Malaysia menjadikan karya penulisan mereka sebagai sumber kekuatan dan perpaduan wanita. Mereka memetik dan menyaring sebahagian daripada pengalaman sendiri sebagai sebahagian daripada yang dirasai oleh wanita seluruhnya. Pengarang cuba menterjemahkan dan memindahkan pengalaman dalam budaya wanita melalui watak-watak ciptaan mereka. Dengan perkataan lain, pengarang wanita memaparkan corak kehidupan wanita yang secara jelas menunjukkan sifat-sifat budaya wanita, iaitu wujudnya nilai-nilai bersama, hubungan dan bentuk-bentuk perhubungan dalam budaya wanita, seperti yang digagaskan oleh model budaya.

Paparan seumpama ini juga menyerlahkan *female bonding* dalam karya-karya penulisan mereka sebagai sumber kekuatan dan perpaduan wanita seluruhnya.

Di Brunei Darussalam, aspek *female bonding* sebagai sumber kekuatan dan perpaduan wanita dapat dikesan dalam novel *Kembara Mencari Cahaya*. Melalui novel ini, pengarang melukiskan ikatan persaudaraan wanita melalui watak Dorianna Smith dan Nur Laila binti Mohamad Rashid. Pertemuan yang membawa kepada persahabatan dan persaudaraan antara mereka terjalin setelah secara tidak sengaja, ketika Dorianna bertemu dengan Laila di pasar Kianggih. Laila kemudian telah mengajak Dorianna ke rumah untuk merasai masakan sayur lemidung yang ingin dibeli Dorianna di pasar Kianggeh. Sejak dari situ, hubungan persahabatan mereka menjadi bertambah akrab. Setelah beberapa waktu, barulah Dorianna mendedahkan hasrat sebenarnya ke Brunei adalah seperti berikut;

Ibuku, Soadah Ahmad Hassan ada meninggalkan catatan bahawa dia mengikut seorang kenalan yang kebetulan ingin pulang ke Asia Tenggara. Dia tidak menuju ke Johor Bharu, sebaliknya ke Brunai Darussalam dengan kenalan baarunya itu (2014, p,63).

Dorainna yang dibesarkan di rumah anak yatim di London berusaha untuk menjejaki ibunya kerana ada catatan ibunya yang menyebut dia ke Brunei Darussalam. Sebagai seorang anak yang ditinggalkan sejak kecil, Dorianna amat ingin bertemu wajah dengan ibunya. Turut bersimpati dengan nasib sahabat barunya itu, Laila berhasrat untuk membantu wanita berketurunan Barat tersebut dalam mencapai misinya menjejaki ibunya dan mencari cahaya hidayah dalam kehidupannya. Atas dasar persahabatan, Laila berjanji akan membantu Dorianna untuk menjejaki ibunya, seperti akuannya di bawah;

Laila senyum memandang Dorianna sambil memeluk bahunya. Akidah Dorainna mesti diselamatkan. "Kita cari bondamu nanti bersama-sama", janji Laila. Dia akan membantu Dorainna sedaya upaya, selagi hayat dikandung badan" (2014, p.63).

Di samping itu, Dorianna pula membantu Laila dan kawan-kawannya, iaitu Raini, Dilla, Fauziah dan Niyah untuk menerbitkan sebuah majalah wanita berjudul *Wanita Muslimah* untuk pembaca di Brunei, khususnya pembaca wanita. Ternyata kehadiran majalah tersebut mendapat sambutan sangat menggalakkan daripada khalayak pembaca, khususnya para wanita Brunei Darussalam.

Selain itu, Laila juga selalu mempertahankan sahabatnya Dorianna pada banyak keadaan. Misalnya ketika Dorianna dimarahi abang Laila, iaitu Kashful, kerana Dorianna berpakaian tidak sopan, Laila mempertahankan Dorianna. Katanaya sebagai warga Barat yang baru datang dan tidak biasa dengan adab berpakaian wanita Timur, abangnya tidak wajar memarahi Dorianna. Sebaliknya dia patut ditegur dengan berhemah. Dorianna kemudiannya memasuki ke dalam keluarga Laila, seperti keluarganya sendiri, kerana Dorianna disenangi oleh seluruh ahli keluarga Laila adaiknya Aqilah dan ibu bapa Laila. Lebih dari itu, Dorianna-Laila saling berkongsi permasalahan mereka dan ketika berada dalam kesedihan mereka akan saling memberikan kata-kata semangat sesama mereka.

Melalui novel *Gerun* pula, paparan persaudaraan wanita tidak dikemukakan secara ketara, tetapi tempiasnya tetap ada khususnya dalam konteks hubungan ibu-anak perempuan, dan cucu-nenek/nenda. Hubungan antara Ameerah dengan nendanya sangat rapat, kerana nenda sangat sayangkannya dan mahukan cucunya menjadi muslimah sejati. Pada awalnya, Ameerah sendiri sangat sayangkan nendanya, seperti akuinya,

“Insan yang paling aku sayangi. Yang sangat aku kasihi. Pun aku cintai sebelum akau mengenal erti cinta fitrah di antara seorang pria dan wanita. Dan sering juga insan yang aku musuhi saat beliau begitu kerasa mengongkong keulahanku yang Nampak sumbang di matanya” (2013, p.2).

Ketika Ameerah memasuki alam remaja, nenda semakin ketat mengawal pergerakan Ameerah dari segi berpakaian, pergaulan dan pembelajaran. Nenda akan memastikan dia menutup aurat apabila keluar dari rumah, tidak dibenar bebas bergaul dengan mana-mana lelaki hatta tunangannya sendiri. Asuhan dan didikan nendalah yang paling diingati oleh Ameerah di sepanjang kehidupannya. Walaupun apabila nenda meninggal dunia,

dia semakin terikut-ikut dengan gaya hidup mamanya, namun akhirnya asuhan nendalah yang mengembalikan Ameera kepada jalan yang lurus.

Pada masa yang sama, Ameerah juga rapat dengan mamanya, terutama selepas pemergian nenda ke negeri abadi. Perhubungan mereka amat rapat dan mama juga sangat sayangkan satu-satunya anak gadisnya itu. Mereka sering keluar bersama, sama ada untuk berkreasi atau membeli-belah.

Mama selalu mengajak aku berkuda dari padang rumah kelab untuk orang elit itu sehingga ke tepi pantai berdekatan. Kami akan menunggang dalam santai, hilang di dalam fikiran atau angan-angan sendiri. Sesampai di pantai kami akan berlumba galloping...aku selalu memberi peluang untuk mama menang. Saat demikian aku merasa teramat rapat dengan mama. Aku cuba memahami mama sebagai anak nenda dan mama sebagai isteri kepada abah (2013, p.13).

Gambaran di atas memperlihatkan *female bonding* antara dua wanita, ibu-anak perempuan yang digarap oleh pengarang melalui novel ini. Meskipun dipaparkan pengarang bahawa banyak masa kehidupan awal Ameerah dihabiskan bersama nenda, namun hubungan dengan mamanya tetap akrab. Mama akan menunaikan apa sahaja permintaan anak gadis kesayangannya. Ketika Ameerah jatuh pingsan selama seminggu, mamalah wanita yang paling sedih di atas dunia ini. Malah selepas Ameerah kembali sedar, mama akur dengan segala permintaan dan nasihat Ameerah. Selepas mendengar pengalaman kehidupan Ameerah di alam komanya, Mama menjadi insaf dan sanggup mengubah cara dan gaya hidupnya yang suka bersosial dengan kembali kepada kehidupan sebagai muslimah sejati. Mereka sekeluarga kembali kepada corak kehidupan yang diimpikan oleh nendanya dahulu. Menjadi wanita muslimah yang sejati dan patuh dengan segala tuntutan syariat Islam. Dengan perkataan lain, pengarang wanita Brunei Darussalam juga memaparkan corak kehidupan wanita yang menunjukkan sifat-sifat budaya wanita, iaitu wujudnya nilai-nilai bersama, hubungan dan bentuk-bentuk perhubungan dalam budaya wanita, seperti yang digagaskan oleh model budaya.

Di Singapura, gambaran persaudaraan wanita dipaparkan melalui novel *Emma dan Hud*, yang memperlihatkan persaudaraan antara Emma dan adiknya Emira, serta antara Emma dengan ibunya. Meskipun Emma telah ditugaskan oleh arwah ayahnya untuk

menjaga ibu dan adiknya Emira, namun perhubungan Emma dengan mereka sangat akrab. Emma bekerja untuk menampung keperluan mereka tiga beranak, selain belanja yang ditinggalkan oleh arwah ayahnya masih mencukupi. Segala permasalahan dirinya semua dikongsi bersama ibu dan adiknya. Tidak ada yang tersembunyi. Malah ketika Hud menyatakan hasrat untuk melamarnya, Emma tidak memberi jawapan kepada lamaran Hud sehinggalah dia berbincang dengan ibunya terlebih dahulu. Dia tidak akan terima Hud, andai ibunya tidak bersetuju. Dan Emma yakin bahawa ibunya tidak akan bersetuju kerana usianya masih muda dan belum selesai belajar di university. Emma terkejut apabila ibu memberi respons berikut;

“Kalau dia pilihan Emm, ibu doakan yang terbaik”, lembut suara ibu menuturkan. Kejap-kejap, Ibu cakap apa tadi??? Emman menjadi teragak-agak mendengar ibu. Semudah itu ibu memberi persetujuan? Ibu tidak mengekang, oibu tidak juga melarang. Biar betul? Ibu percaya Em tahu apa yang Em lakukan, tambahnya lagi sambal mengulum senyum panjang.” (2018,p.15-16).

Bagi ibu, anak gadisnya Emma telah menjalankan tanggungjawab sebagai anak dengan begitu baik sekali. Semenjak suaminya meninggal tujuh tahun lalu, anak gadisnya Emmalah yang menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Sejak usia 16 tahun lagi Emma sudah dipertanggungjawabkan untuk menjaga adiknya, Emira. Malah Emma sendiri mula bekerja sepenuh masa untuk mencari wang poket dan berdikari meskipun ibunya masih mampu menampung perbelanjaan mereka sekeluarga. Justeru, rasa kasih sayang dan keakraban hubungan ibu-anak perempuan yang harmoni dan penuh kasih sayang itu memberi kekuatan kepada setiap daripada mereka untuk menghadapi kehidupan.

Melalui novel *Kalut* oleh Rohani Din juga memperlihatkan *female bonding* melalui watak Anie dan ibunya. Ketika Anie berdepan dengan pelbagai ujian dan permasalahan dalam kehidupannya, ibulah tempat Anie mengadu dan meminta pertolongan. Selama dia berulang alik ke hospital, menguruskan suaminya yang sakit, diikuti anak bongsunya pula yang jatuh sakit dan koma, Anie banyak bergantung kepada ehsan dan kasih sayang ibunya yang sudah tua itu. Sewaktu di hospital,

“Emak bawakan aku pakaian dan pisang yang digoreng awal pagi. Aku tahu, seumur hidup aku, emak tidak pernah bangun lambat kecuali dia tidak

sihat. Paling lewat jam 5 pagi. Setiap pagi ada saja juadah yang disiapkan buat kami, anak-anaknya bersarapan. Aku mengerti benar akan sikap emak yang mengambil berat tentang anak-anaknya.” (2017, p. 19).

Bukan setakat memasak, ibunya juga membantu menanganis tugas-tugas Anie di rumahnya, termasuk mengurus anak-anaknya yang masih bersekolah. Wanita bernama ibu tidak pernah merungut apabila harus membantu anaknya pada setiap waktu kesusahan anaknya. *Female bonding* antara ibu-anak perempuan seperti ini adalah yang paling kukuh dan tidak akan pernah putus sama sekali dan ia dikaitkan dengan proses simbiosis⁶. Hal ini tidaklah janggal kerana menurut Showalter, dalam proses penulisan oleh pengarang wanita, pasti akan memperlihatkan *the mother-daughter configuration as a source of female creativity* (Showalter, 1982, p.26).

3.2. Ekspresi Pengalaman Wanita.

Dalam memperkatakan pengalaman wanita, Maggie Humm menyebut bahawa *women’s private awareness and knowledge drawn from participation in social life* (1989, p.66). Pandangan ini menunjukkan bagaimana berlakunya penafian ke atas wanita, khususnya berhubung dengan kesedaran peribadi dan pengalaman. Menurut Humm lagi, pengalaman wanita seringkali dianggap sebagai tidak ‘benar’ atau penting, sementara keengganan menerima kebenaran atau keabsahan pengalaman wanita merupakan sebahagian daripada warisan budaya yang juga diteruskan dalam bidang pendidikan. Oleh itu, golongan feminis memberi perhatian terhadap batasan antara pengalaman wanita di dunia, dan dalam kerangka teori yang ada bagi memikirkan semula tentang pengalaman tersebut (ibid, p.66). Ketika membahaskan model budaya, Showalter menerangkan bahawa pengalaman wanita adalah satu aspek penting yang boleh dilihat dalam budaya wanita, termasuk dalam hasil-hasil penulisan wanita. Gerda Lerner (1979) pula menjelaskan, bagi memahami budaya wanita, adalah penting untuk memeriksa pengalaman-pengalaman wanita dalam konteks mereka sendiri. Sehubungan itu, Chris

⁶ Meskipun setelah anak perempuannya dewasa dan mempunyai keluarga sendiri. Menurut pandangan Nancy Friday, simbiosis bermakna kemesraan yang dirasakan oleh seseorang bayi dengan ibu yang di dalam rahimnya ia membesar dan berasa selamat selama 9 bulan. Perasaan itu juga hadir dalam hati ibu yang merasakan kehilangan selepas kelahiran, apa yang selalu dipanggil sebagai ‘post-natal depression’. Lihat Nancy Friday, 1977, hal. 57.

Weedon melabelkan teks-teks yang dihasilkan oleh wanita sebagai *the product of a specifically female experience and aesthetic* (1987, p.153). Hakikat ini menunjukkan pentingnya penulisan wanita sebagai medium yang membentangkan pengalaman wanita.

Novel-novel kajian ini memperlihatkan bahawa pengarang wanita telah memberikan perhatian khusus terhadap pengalaman-pengalaman sosial wanita dalam sosiobudaya masyarakat. Rata-rata pengarang wanita menumpukan pada ekspresi pengalaman wanita sebagai sumber berkarya, sekaligus mempamerkan jaluran female aesthetic dalam penulisan wanita. Antara bentuk pengalaman yang mendapat perhatian dalam penulisan wanita adalah berhubung peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat. Renee Hirschon menyatakan, fungsi sosial wanita merujuk kepada pembahagian tugas dan peranan antara wanita dan lelaki dalam masyarakat. Apa yang jelas, kaum wanita diberikan peranan-peranan bersifat domestik, sementara lelaki berperanan di luar rumah atau lingkungan umum khususnya sebagai tulang belakang ekonomi keluarga (1993, p.57). Pandangan ini telah menjadi semacam panduan sosial bagi kebanyakan masyarakat di dunia, sekaligus menyempit dan menghadkan peranan kaum wanita. Ketika membincangkan tulisan Gerda Lerner (1979) tentang peranan dan aktiviti lelaki dan wanita yang terpisah, Showalter menyatakan bahawa model peranan jantina yang berasingan menyebabkan tidak wujud tindan lapis antara tugas wanita dan lelaki (1982, p.28). Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan wanita, kerana suara mereka telah dilenyapkan. Dengan tiadanya tindan lapis tersebut dan dengan memandang rendah kepada wanita, ruang wanita telah ditafsirkan dan dikekalkan oleh lelaki, sedangkan adalah penting untuk memeriksa pengalaman wanita dalam konteks pengalaman mereka sendiri. Justeru, Edwin Ardener menggariskan model budaya wanita baru yang dapat memperlihatkan bagaimana kedudukan dan kepentingan wanita dalam budaya. Model tersebut memperlihatkan pertindanan peranan wanita dan lelaki, dengan sedikit ruang yang diperuntukkan bagi budaya dan pengalaman wanita yang khusus (1978, p.3). Ini bererti model Ardener menyarankan fungsi wanita dan lelaki yang bertindan dalam masyarakat, iaitu wanita tidak lagi diletakkan dalam sfera domestik semata-mata, sebaliknya turut berada dalam sfera umum. Anggapan bahawa kelemahan wanita kerana biologi wanita adalah takdir semata-mata, dan wanita hanya layak

memainkan peranan domestik telah dinafikan oleh golongan feminis. Sanggahan juga dilakukan oleh pengarang wanita melalui karya-karya mereka yang dibincangkan di sini. Melalui penulisan novel, pengarang wanita menegaskan bahawa pengalaman sosial kaum wanita melangkaui batasan tersebut, malah ada ketikanya merangkumi kedua-dua peranan tersebut.

Di Indonesia, Dalam *Tarian Bumi* pula Oka Rusmini merakamkan pengalaman kaum wanita Bali yang mewakili kedua-dua golongan kasta dalam masyarakatnya. Wanita seperti Luh Dalem, Luh Gambren, Luh Sekar dan Luh Kenten mewakili pengalaman wanita sudra, manakala watak Jero Kenanga dan Telaga mewakili pengalaman wanita kasta brahmana. Apa yang penting, Oka Rusmini menggarap pengalaman kehidupan wanita Bali, iaitu sebahagian daripada pengalaman hidup dan lingkungannya sendiri. Melalui Luh Dalem dan Luh Gambren pengarang melukiskan pengalaman wanita sudra sebagai seorang ibu, sekaligus menjadi ketua keluarga. Pengarang melukiskan bahawa peranan wanita lebih dominan, luas, dan menjangkau ke sfera umum. Dari sudut sfera peribadi, Luh Dalem dan Luh Gambren adalah gambaran kegigihan, kerajinan dan ketabahan wanita membesarkan anak-anak tanpa suami. Malah kaum wanita Bali yang diangkat dalam novelnya adalah wanita yang memainkan peranan lebih penting kepada keluarga, berbanding kaum lelaki. Luh Dalem misalnya membesarkan tiga orang anak tanpa peranan suami, yang hilang dikaitkan dengan kegiatan komunis. Begitu juga Luh Kambren, wanita tua tanpa suami yang membesar dan menyekolahkan dua anaknya. Komitmen besar wanita yang ditonjolkan pengarang ini dapat dikaitkan dengan konsep keibuan (motherhood), malah lebih daripada itu ianya bersifat keibubapaan. Hakikat ini selaras dengan pendapat Showalter bahawa a women's text is not only mothered but parented. (1982, p.33). Rich pula menyatakan konsep keibuan merupakan sumber nilai dan perwatakan khusus wanita, asas budaya wanita yang dilembagakan oleh patriarki ke dalam suatu bentuk penindasan wanita. Oleh itu, penonjolan wanita yang dikaitkan dengan ciri-ciri motherhood adalah bertujuan untuk mendedahkan penindasan patriarki ke atas wanita dalam masyarakat Bali.

Walaupun cenderung melukiskan peranan wanita dalam sfera peribadi, tetapi pada masa yang sama pengarang membuktikan wanita Bali juga memasuki sfera umum.

Luh Dalem dan Luh Gambren misalnya, berkomunikasi dengan masyarakat luar, khususnya dalam urusan perniagaan yang dijalankan secara kecil-kecilan. Pengarang menunjukkan betapa wanita memainkan peranan yang besar terhadap keluarga. Walau bagaimanapun, corak kehidupan wanita tidak banyak berubah. Rata-rata wanita Bali yang digambarkan pengarang masih terikat dengan peranan domestik dan hidup mereka terkongkong oleh adat tradisi. Pemaparan sedemikian menunjukkan watak-watak wanitanya gagal memecahkan tembok tradisi yang memenjarakan identiti wanita. Dalam hal ini, Oka Rusmini gagal menyelamatkan wanita daripada terus berada dalam sistem penandaan lelaki, kerana kegagalan wanita melepaskan diri daripada pengalaman ikatan, kongkongan dan penderitaan hidup. Walaupun Oka Rusmini mempunyai autoriti untuk menyelamatkan wanita dalam ciptaan novelnya, tetapi pengarang kelihatan lebih cenderung membentangkan realiti pengalaman wanita tanpa banyak mengubah struktur asalnya.

Pengalaman wanita berada dalam institusi masyarakat juga merupakan sebahagian daripada budaya wanita, seperti pendapat Showalter, a model of a cultural situation of women crucial to understanding both how they are perceived by the dominant group and how they perceived themselves and others (1982, p.29). Dalam novel ini, maksud dominant group bukan sahaja lelaki, tetapi juga merujuk kepada kasta brahmana. Justeru, pengalaman wanita yang dibongkar pengarang bukan saja berkait dengan masyarakat patriarki, tetapi juga perbezaan kasta. Pengarang memberi perhatian terhadap pengalaman perjuangan wanita sudra untuk hidup dan mencapai cita-cita sendiri. Walaupun miskin, pengarang menggambarkan Luh Sekar tidak bersifat pasif dan menerima saja nasibnya, sebaliknya bertekad dan berusaha untuk merombak takdir kehidupannya. Luh Sekar bercita-cita meletakkan dirinya di kalangan kasta bangsawan. Untuk itu dia sanggup melakukan apa sahaja, kerana (Rusmini, 2001, p.29):

Aku capek melihat keluargaku tidak dapat tempat dalam masyarakat ini.
Aku capek tersisih. Sakit, sakit sakit sekali menjadi orang seperti aku. Aku
ingin jadi orang nomor satu. Perempuan yang pantas untuk orang banyak.

Bagi merubah status dirinya, Sekar berusaha menjadi penari jogged yang terbaik dan tercantik. Dengan cara itu, dia dapat memikat dan mengahwini Ida Bagus Ngurah Pidada,

lelaki brahmana, yang digunakan sebagai 'batu loncatan' ke arah merubah status dan kedudukannya. Walaupun dia digambarkan membenci lelaki, tetapi lelaki dipergunakan sebagai alat untuk sampai kepada matlamatnya. Dalam soal ini, wujud percubaan pengarang untuk menterbalikkan kelaziman, di mana selalunya wanita dijadikan sebagai alat untuk projeksi lelaki tetapi dalam novel ini sebaliknya. Pengarang mengemukakan pengalaman wanita yang gigih berusaha demi mengubah kedudukan dalam masyarakat, hatta menjadikan lelaki sebagai alat bagi mencapai cita-citanya. Luh Sekar akhirnya berjaya memenuhi impiannya, tetapi terpaksa membayar harga yang mahal kerana harus berkorban banyak perkara. Dia harus meninggalkan keluarga dan kebiasaannya, menukar namanya kepada Jero Kenanga⁷, memadam identiti dirinya, dan tidak boleh makan buah-buahan untuk keluarganya sebagai syarat menjadi wanita brahmana. Justeru, bermula daripada pengalaman sebagai wanita sudra Luh Sekar beralih kepada tahap-tahap pengalaman sebagai wanita brahmana. Dari segi status, dia menjalani perubahan sosial yang besar dalam masyarakatnya, seperti kata ibunya "Kau bukan lagi Luh Sekar. Darjatmu lebih tinggi dari seluruh perempuan sudra, termasuk Mame, perempuan yang melahirkanmu. Belajarlah menjadi bangsawan yang sesungguhnya" (ibid, p.43). Setelah mencapai impiannya, dia memasuki kehidupan dan pengalaman baru sebagai wanita brahmana. Menjadi wanita bangsawan meletakkan dirinya dalam kemewahan dan kesenangan hidup, tetapi dia harus memikul tanggungjawab besar, seperti kata anaknya, "makin hari beban perempuan itu makin bertambah saja. Masalah Ayah, masalah nenek, juga masalah Kakek. Betapa beratnya menjadi seorang perempuan. Terlalu menyakitkan!"(ibid, p.47).

Melalui gambaran tersebut, pengarang telah membina watak Luh Sekar sebagai wanita yang kuat dalam memikul beban tanggungjawab dan tabah menghadapi tekanan-tekanan perasaan yang sukar dilepaskan. Tekanan paling besar bagi Luh Sekar ialah sentiasa 'makan hati' bersuamikan lelaki tidak dicintai, malah telah meniduri beratus wanita tidak terhormat. Suaminya juga sanggup meniduri adik-adik perempuan isterinya

⁷ Jero" adalah nama yang harus dipakai oleh seorang wanita sudra yang telah menjadi anggota keluarga griya atau brahmana. "Kenanga" pula merupakan nama sejenis bunga yang semakin tua semakin wangi. Lihat Oka Rusmini, *Tarian Bumi*, 2001, p.47.

sendiri. Itulah pengalaman wanita paling buruk dan pahit yang dihadapi sebagai risiko bersuamikan lelaki bangsawan. Walaupun Luh Sekar berjaya mengubah status dan kedudukan dirinya di mata masyarakat, namun jiwanya menderita menikahi lelaki yang “benar-benar memiliki ciri khas binatang!”(ibid, p.63). Peranannya juga bertambah besar dengan tanggungjawab yang disandarkan ibu mertuanya bagi mengubah keburukan tingkah laku anak lelakinya, iaitu suaminya. Dalam hal ini, pengarang menegaskan tanggungjawab sosial wanita Bali bukan saja berperanan mendidik anak-anak, malah juga mendidik suami. Hal ini menjadi kontradik dengan konsep panca darma wanita yang menjadi pegangan masyarakat Jawa, iaitu tugas wanita ialah sebagai pendidik anak-anak dan pendamping suami. Apa yang digambarkan oleh Oka bukan lagi wanita sebagai pendamping suami, sebaliknya sebagai pendidik suami juga! Hal ini digambarkan melalui pengalaman Kenanga yang bukan hanya kekal dengan peranan domestik dengan tanggungjawab mendidik anak-anak, mengurus rumahtangga, malah harus mendidik suaminya. Berdasarkan gambaran ini, pengarang didapati tidak menunjukkan cara kepada watak-watak wanitanya bagi membebaskan diri daripada semua bentuk peranan wanita yang wujud dalam penandaan lelaki. Sebaliknya, pengarang hanya mengemukakan bentuk-bentuk pengalaman yang dilalui wanita dalam masyarakat, tetapi tidak menyarankan jalan keluar (way out) bagi melepaskan diri wanita daripada pengalaman buruk. Oleh itu, walaupun pengarang menulis berpaksikan wanita tetapi beliau gagal membawa wanitanya ke arah promised land yang diharapkan oleh feminis.

Melalui novelnya pengarang memaparkan bentuk-bentuk pengalaman dan perjuangan hidup wanita mendepani adat istiadat masyarakat Bali. Pada dasarnya, pengarang menggambarkan dua bentuk mobiliti sosial yang dilalui oleh kaum wanita Bali, iaitu mobiliti menegak dan mobiliti menurun. Gambaran mobiliti sosial secara menegak dipaparkan pada Luh Sekar yang berketurunan sudra, tetapi beralih menduduki status sosial lebih tinggi sebagai golongan brahmana. Mobiliti sosial Luh Sekar adalah melalui perkahwinan, iaitu dengan mengahwini lelaki keturunan brahmana. Dalam hal ini, pengarang menggambarkan bahawa perkahwinan mengangkat status dan kedudukan rendah wanita kepada kedudukan yang dihormati. Selain itu, pengarang membentangkan pengalaman wanita mengalami mobiliti sosial secara menurun. Ida Ayu

Telaga daripada golongan brahmana telah turun status dan kedudukannya apabila memasuki golongan sudra, apabila mengahwini lelaki golongan tersebut. Perkahwinan itu tidak diterima oleh keluarganya, menyebabkan dia terpaksa keluar daripada kelompok keluarga bangsawan dan tinggal bersama keluarga suaminya yang miskin. Corak hidup Telaga berubah sepenuhnya kerana kehilangan status dan kedudukan sebagai wanita bangsawan. Dia terpaksa meninggalkan segala kemewahan dan penghormatan yang diterima selama ini. Kemuncak pada perubahan status tersebut ialah apabila Telaga diupacarai dan disahkan secara rasmi melalui upacara patiwangi iaitu upacara yang dengan rasminya memutuskan hubungannya dengan keluarga bangsawannya.

Melalui pengalaman Telaga pengarang membongkar ketidakadilan adat dan peraturan masyarakat terhadap wanita. Wanita yang berkahwin dengan lelaki daripada kasta rendah akan dilucutkan taraf kebangsawanannya, sedangkan lelaki bangsawan yang mengahwini wanita daripada kasta rendah (seperti Ida Bagus Ngurah Pidada) tidak berubah darjatnya. Malah lelaki tetap kekal hidup dalam keluarga bangsawan dan mendapat penghormatan yang tidak berkurangan daripada kaum kerabat. Di sini pengarang mendedahkan diskriminasi dan kawalan sistem tirani lelaki yang melayan wanita secara berbeza. Oleh itu, wanita menempuhi pengalaman dalam institusi masyarakat yang berbeza berbanding lelaki. Penceritaan yang digarap berdasarkan pengalaman buruk wanita tersebut bertujuan membongkar pengalaman wanita dan mengemukakan kritikan pengarang terhadap masyarakatnya. Begitu juga dengan adat dan kepercayaan masyarakat yang melarang perkahwinan lelaki sudra dengan wanita brahmana. Perbezaan darjat di antara dua kasta tersebut menyebabkan hubungan seperti itu jarang berlangsung kerana (ibid, p.107):

Seorang laki-laki sudra dilarang meminang perempuan brahmana. Akan sial jadinya bila Wayan mengambil Telaga sebagai istri. Perempuan sudra itu percaya pada mitos bahwa perempuan brahmana adalah Surya, matahari yang menerangi gelap. Kalau matahari itu dicuri, bisakah dibayangkan akibatnya?

Berlandaskan pada kepercayaan itu, maka apabila Telaga (brahmana) mengahwini Wayan (sudra), mereka dipulau oleh kedua-dua belah keluarga. Malah keluarga Wayan percaya kehidupan mereka sekeluarga akan ditimpa musibah akibat perkahwinan

terlarang itu. Kepercayaan tersebut diperkukuhkan oleh peristiwa kematian Wayan enam tahun kemudian. Walaupun doktor mengesahkan dia mengidap penyakit hati sejak kecil, tetapi keluarga dan masyarakat percaya ianya adalah musibah daripada pelanggaran adat dan kepercayaan. Dalam hal ini, pengarang memperlihatkan masyarakat yang berpegang teguh pada kepercayaan tradisi dan meletakkan kesalahan di bahu wanita semata-mata.

Pengarang juga menampilkan ciri-ciri sosial wanita Bali, iaitu dengan mendedahkan sifat kekuatan fizikal dan ketabahan jiwa kaum wanitanya dalam mendepani kehidupan seharian. Walaupun wanita Bali terpaksa menempuh kehidupan yang sukar dan perit, namun mereka adalah wanita yang kuat dan tabah seperti gambaran ini (ibid, p.19):

Perempuan Bali itu, Luh, perempuan yang tidak terbiasa mengeluarkan keluhan. Mereka lebih memilih berpeluh. Hanya dengan cara itu mereka sadar dan tahu bahawa mereka masih hidup, dan harus terus hidup. Keringat mereka adalah api. Dari keringat itulah asap dapur bisa tetap terjaga. Mereka tidak hanya menyusui anak yang lahir dari tubuh mereka. Mereka pun menyusui laki-laki. Menyusui hidup itu sendiri.

Petikan di atas memaparkan kegigihan dan ketabahan wanita dalam perjuangan mencari rezeki bagi menghidupkan keluarga tanpa lelaki. Kaum wanita Bali tampil dengan peranan yang luas dan tidak terhad dalam rumah semata, malah di luar rumah juga. Hal ini disahkan pula oleh R.van Eck dalam tulisannya "Nasib Kaum Wanita di Bali" (1994, p.72-73) yang mencatatkan: Di mana saja kita berhubungan orang bumiputera, baik kita berjumpa dengan mereka di rumah, di pasar, di sawah ladang, mahupun di tempat-tempat lain, di mana-mana menyolok mata, kaum wanitalah yang melakukan pekerjaan yang terbanyak dan terberat" (1994, p.72-73).

Justeru menurut beliau, walaupun wanita Bali mempunyai raut wajah yang bagus, tetapi mempunyai roman muka yang agak keras dan kasar disebabkan oleh pekerjaan yang berat. Kajian tersebut membuktikan gambaran Oka Rusmini dalam novelnya adalah pancaran pengalaman realiti wanita Bali yang melingkunginya. Selain daripada itu, pengarang memaparkan pengalaman wanita Bali berdepan dengan kaum lelaki yang tidak bertanggungjawab. Sifat pasif lelaki Bali digambarkan dengan jelas, khususnya apabila watak-watak wanita yang dikemukakan adalah wanita gigih yang hidup tanpa

lelaki. Banyak gambaran menyerlahkan situasi tersebut, misalnya ketika wanita keluar bekerja untuk mencari rezeki untuk keluarga, para lelakinya duduk bersenang-senang di kedai kopi. Pengalaman wanita seperti Kenten menyaksikan lelaki tidak bertanggungjawab di sekeliling mereka, menyebabkan dia kehilangan rasa hormat terhadap lelaki. Malah banyak sifat dan sikap lelaki mencetuskan kemarahannya, sehingga merasakan dia tidak memerlukan lelaki dalam kehidupannya. Berdasarkan pengalamannya, Kenten berpendapat lelaki adalah makhluk yang hanya mengambil kesempatan ke atas wanita untuk kepentingan sendiri. Lelaki menganggap wanita makhluk yang lemah, yang boleh dipergunakan dan diperbodohkan. Lelaki memanipulasi wanita bagi kepentingan sendiri, seperti dikesan dalam perbualan para lelaki berikut (ibid. p.24):

Carilah perempuan yang mandiri dan mendatangkan uang. Itu kuncinya agar hidup laki-laki bisa makmur, bisa tenang. Perempuan tidak menuntut apa-apa. Mereka cuma perlukan kasih sayang, cinta dan perhatian. Kalau itu sudah bisa kita penuhi, mereka tak akan cerewet. Puji-puji saja mereka. Lebih sering berbohong lebih baik. Mereka menyukainya. Itulah ketololan perempuan.

Menerusi petikan di atas, pengarang menggambarkan sikap dan sifat buruk sesetengah lelaki yang mencetuskan fenomena 'anti-lelaki' dalam diri wanita yang diwakili Kenten. Dalam hal ini, pengarang menegaskan bahawa kebencian wanita terhadap lelaki adalah berpunca daripada pengalaman sosial wanita berdepan dengan lelaki yang tidak bertanggungjawab. Bagi pengarang, sifat dan sikap yang diperlihatkan oleh lelaki sendiri telah membentuk dan mempengaruhi tanggapan dan pemikiran wanita terhadap lelaki. Paradigma itu diperkukuhkan oleh nilai-nilai sosiobudaya masyarakat yang memberikan status dan kedudukan lebih tinggi kepada lelaki, berbanding wanita.

Selain itu, pengalaman wanita juga menampilkan usahawan wanita yang berjaya dalam *Dari Lembah Ke Coolibah*. Pengalaman wanita yang diwakili watak Ibu Noor adalah merangkumi pengalaman wanita seluruhnya. Pengalaman yang dipaparkan pengarang adalah bersifat umum dan luas, merangkumi pengalaman wanita sebagai isteri, teman sosial suami, ibu, janda, kekasih kepada lelaki muda, dan kemudian kembali bergelar isteri kepada lelaki muda tersebut. Walaupun perlukisan pengarang lebih kepada

pengalaman wanita bersifat peribadi, tetapi beliau mengaitkan pengalaman wanita tersebut dengan sfera umum, iaitu Ibu Noor sebagai usahawan yang berjaya, hubungan profesional dengan rakan-rakan niaga dan pekerjanya, sumbangan Ibu Nor dalam membantu anak-anak yatim dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Walaupun pengarang menumpukan kepada seorang watak wanita, tetapi cara pemaparannya juga berhasil mendedahkan pengalaman hubungan wanita dengan institusi masyarakat. Pemaparan pengalaman wanita berhubungan dengan lelaki yang dipaparkan oleh Titis Basino dalam *Dari Lembah Ke Coolibah* melalui watak Ibu Noor memperlihatkan bagaimana pengarang mendedahkan apa yang disebut Firestone sebagai *the female culture of emotion, intuition, love, personal relationship, etc* (Humm,1989, p.42). Misalnya daripada pengalaman perkahwinannya, Ibu Noor memahami karekter lelaki yang didampinginya, yang menurutnya “laki-laki sering menancapkan egonya, mahu selalu mengatur tetapi tidak mahu diatur, berasa lebih daripada perempuan, entah daripada sudut apa” (Titis, 2000, p.212). Dalam hal ini, pengarang menyuarakan persepsi dan kritikan wanita terhadap sifat dan sikap lelaki yang berasa diri mereka lebih segala-galanya berbanding wanita. Sikap lelaki memandang rendah pada kebolehan wanita diperteguhkan oleh amalan dan adat masyarakat, meletakkan lelaki menduduki tempat pertama dan utama dalam keluarga dan masyarakat.

Sementara di Malaysia, ungkapan pengalaman wanita dapat dilihat melalui novel *Menongkah Lumrah*, Azmah Nordin menyerlahkan pengalaman wanita yang keluar dari muted group dan tampil bersaing dengan kelompok dominant group. Berdasarkan penampilan watak Zakiyyah dalam novelnya, pengarang menafikan peranan domestik terhad yang diberikan kepada wanita selama ini. Penafian tersebut dikesan apabila pengarang mengemukakan wanita yang mempunyai kedudukan dan berperanan penting sebagai Timbalan Presiden dalam sebuah firma komputer yang besar dan terkenal. Dalam hal ini, watak wanita diketengahkan dalam public sphere yang berfungsi bagi menjana pembangunan dan kemajuan bangsa dan negaranya, khususnya dalam bidang teknologi maklumat (IT) yang dianggap mencabar. Pengarang menekankan tentang perlunya wanita diberi peluang luas dalam pembangunan komuniti, kerjaya, profesion yang memberi status, kedudukan dan peranan yang penting kepada mereka. Namun,

pencapaian wanita seperti Zakiyyah bukan diperolehi secara mudah. Pemaparan kejayaan cemerlang yang dicapainya adalah setelah melalui berbagai-bagai tahap cabaran dan halangan dari persekitaran kerja, khususnya daripada lelaki. Pengarang membuktikan kesungguhan dan kegigihan wanita dalam mencapai cita-cita dan kehendak diri pasti akan membuahkan kejayaan cemerlang, kerana wanita mempunyai kemampuan mental dan spiritual yang sama hebatnya dengan lelaki. Pengarang melontarkan gagasan bahawa wanita juga mampu berjaya setanding dengan lelaki, malah ada masanya mengatasi lelaki dalam dunia kerjaya. Hal ini dibuktikan pengarang apabila menggambarkan Zakiyyah telah diberi kepercayaan bagi menerajui syarikat gergasi tersebut selepas kematian Dato Panglima Burhan. Berdasarkan strategi naratifnya, pengarang membentangkan kisah wanita dari perspektif wanita dengan matlamat untuk representations of women's experience dan menafikan tanggapan bahawa wanita hanya layak diberikan peranan domestik.

Dalam konteks ini, pengarang memaparkan pengalaman wanita berada dalam institusi masyarakatnya yang dilihat sebagai sebahagian daripada budaya wanita. Melalui *Menongkah Lumrah* misalnya, pengarang mendedahkan bahawa penilaian terhadap wanita seringkali diukur berdasarkan faktor biologi, iaitu paras rupa dan bentuk tubuh badan wanita. Persoalan ini dikemukakan melalui pengalaman tokoh wanitanya Zakiyyah, seorang pekerja di Wisma PBC, sebuah firma komputer besar dan terkemuka di Sabah. Di tempat kerjanya, Zakiyyah berdepan dengan rakan-rakan sekerja yang majoritinya lelaki dan mereka mempunyai mentaliti yang terhad serta sempit tentang wanita. Dengan persekitaran sedemikian, Zakiyyah menghadapi diskriminasi gender yang kritikal. Sikap seperti ini sememangnya boleh mematahkan semangat perjuangan wanita. Rakan-rakan lelakinya menilai Zakiyyah berdasarkan faktor biologi dan bukan melalui kemampuan sebenarnya. Rasa kekesalan atas ketidakadilan tersebut diluahkan Zakiyyah dalam unguapannya, "Sayang, sungguh sayang. Tidak disangka bahawa keupayaannya dalam firma itu akan dinilai melalui jenis jantinya" (1994, p.16). Zakiyyah berpendapat, nilai ukuran sedemikian adalah tidak adil dan mempamerkan wujudnya bias gender dalam masyarakatnya.

Pengalaman hidup Zakiyyah menunjukkan wanita tidak dinilai pada kebolehan dan kemampuan mereka melaksanakan segala tugas, sebaliknya asas yang diukur dan dinilai pada wanita seperti Zakiyyah adalah berdasarkan aspek fizikalnya semata-mata. Penilaian tersebut jelas didasarkan pada aspek fizikal wanita seperti bentuk tubuh, usia, status perkahwinan, dan sifat-sifat biologi yang lain. Dalam hal ini, Toril Moi dalam *Sexual/Textual Politics* menyatakan, anggapan tersebut terbentuk dengan paradigma bahawa “lelaki = kuat dan aktif” sementara “wanita = lemah dan pasif” (1985:33). Melalui watak Zakiyyah dalam novelnya, Azmah memaparkan pengalaman wanita berhadapan dengan permasalahan tersebut dan memperlihatkan bagaimana reaksi wanita terhadap tanggapan masyarakat. Azmah melukiskan perjalanan hidup yang penuh dengan ranjau duri kepada Zakiyyah sebelum berakhir di titik kejayaan. Matlamat pengarang adalah untuk menunjukkan wanita juga mampu mencapai tahap kerjaya yang membanggakan dengan cara yang telus dan tulus. Bagi membuktikan pencapaian tersebut, pengarang menampilkan Zakiyyah sebagai wanita yang tekun, rajin, tangkas dan bijak dalam menangani serta mengatasi permasalahan firmannya. Watak Zakiyyah dibina secara wajar oleh pengarang bertujuan mendedahkan pelbagai bentuk pengalaman hidup wanita dalam masyarakatnya. Strategi penulisan Azmah Nordin ini didapati selari dengan gagasan model budaya oleh Showalter yang menegaskan bahawa penulisan wanita akan cenderung ke arah generate its own experiences (1982, p.34). Justeru, segala kepayahan, cabaran, tohmahan, harapan dan pencapaian yang dialami oleh watak Zakiyyah dalam *Menongkah Lumrah* adalah sebahagian daripada manifestasi pengalaman wanita dalam kehidupan di tengah-tengah masyarakat.

Aktiviti dan disiplin kerja Zakiyyah jelas memperlihatkan penglibatan wanita dalam sfera umum dilihat sebagai memberi persaingan sengit kepada lelaki. Dengan menumpukan pada gambaran kecekapan dan kemampuan Zakiyyah menangani kerja-kerjanya, pengarang cuba menjelaskan tentang kebolehan sebenar wanita, sekaligus menafikan perlecehan dan perlekehan lelaki terhadap wanita. Pengarang memaparkan bahawa tanggapan masyarakat khususnya kaum lelaki terhadap wanita rata-ratanya dipengaruhi oleh nilai-nilai tradisi yang membataskan peranan wanita kerana faktor jantina mereka. Ini bermaksud, disebabkan faktor jantina mereka maka wanita hanya diberikan berperanan terhad dalam kerjaya. Oleh itu, pengalaman pahit Zakiyyah yang

inginkan kebebasan berkerjaya, berdepan dengan fahaman sosial yang diwakili oleh sikap suami dan mertuanya yang dilihat sebagai ketidakadilan terhadap kehidupan wanita. Novel *Menongkah Lumrah* menggambarkan pengalaman wanita berdepan dengan kekuasaan lelaki berfahaman patriarki, yang menganggap wanita sebagai subordinasi lelaki. Fahaman kekuasaan patriarki menganggap bahawa kekuasaan dan seksualiti berada di tangan lelaki. Justeru, apabila Zakiyyah tampil bersaing, malah mengatasi lelaki dalam syarikatnya maka dia ditentang beramai-ramai oleh kekuasaan lelaki yang diwakili oleh para timbalan presiden syarikat seperti Thomas Bernet (TB), Kamarul Arafat, dan lain-lain.

Melalui novel ini, Azmah menulis dengan tujuan untuk menafikan tanggapan bahawa wanita adalah kelompok subordinasi lelaki. Gambaran tentang protagonis Azmah mencerminkan imej wanita yang kontradik dengan pandangan lelaki terhadap kemampuan dan sifat-sifat ketergantungan wanita secara sosial, ekonomi dan psikologi terhadap kekuasaan lelaki. Hakikat yang dibentangkan oleh pengarang ini mengemukakan wanita yang mandiri, berautonomi, dan melambangkan sifat-sifat empowerment. Pengarang juga memaparkan bahawa kejayaan wanita seperti Dayang Zakiyyah telah mencetuskan sikap yang tidak rasional, malah emosional di kalangan lelaki seperti TB, Kamarul Arafat dan lain-lain, apabila mereka berkonspirasi untuk menjatuhkan Dayang Zakiyyah. Mereka berpakat menabur fitnah dengan menghantar surat layang kepada isteri Panglima Burhan yang disertai dengan gambar-gambar palsu Panglima Burhan beraksi bersama Dayang Zakiyyah dalam keadaan mesra. Semua tindakan yang dilakukan oleh para lelaki tersebut memperlihatkan sifat-sifat lelaki yang kontradik dengan binary opposition dalam masyarakat, iaitu “lelaki = kuat dan rasional” manakala “wanita = lemah dan emosional”. Sekaligus menafikan sifat-sifat wanita yang stereotaip mengikut pandangan Ellmann termasuk *passivity*, *irrationality*, *confinement*, *piety*, dan *materiality*. Dalam naratifnya, Azmah Nordin dengan sengaja telah menterbalikkan paradigma masyarakat tersebut dengan cara menggambarkan sifat-sifat tersebut pada lelaki.

Selain daripada itu, melalui novel ini juga pengarang mendedahkan pengalaman wanita berdepan dengan tanggapan bahawa wanita tidak sesuai menjadi ketua di pejabat

kerana bertindak lebih mengikut emosi. Wanita dikatakan tidak mampu menangani permasalahan pejabat yang serius kerana sifat emosional mereka, berbanding lelaki, dan pelbagai lagi tanggapan lapuk serta andaian terhadap wanita yang akhirnya merumuskan wanita hanya layak duduk di rumah. Gambaran ini diketengahkan pengarang melalui penampilan watak Lisa, seorang isteri yang dinilai secara kolot oleh suaminya dengan anggapan “Manakala Lisa - seperti kata TB sendiri - adalah lambang kilang pengeluaran anak yang abadi, malah terjerat dalam sifat kewanitaan yang lapuk” (1996, P.39). Pandangan tersebut menunjukkan pengalaman wanita berhadapan dengan sesetengah lelaki seperti TB yang memandang rendah kepada wanita yang menjadi isteri sendiri. Dalam konteks ini, isteri diumpamakan seperti kilang yang fungsinya adalah reproduksi semata. Malah wanita dituduh memiliki sifat-sifat yang kolot dan lapuk, iaitu ciri-ciri lama yang tidak disenangi oleh lelaki. Melalui novelnya, pengarang menegaskan bahawa lelaki seperti TB sebenarnya yang memiliki sifat-sifat lapuk kerana menganggap wanita sebagai ‘kilang’ yang hanya berperanan melahirkan anak. Walhal tanggapan tersebut sudah tidak relevan dengan kemajuan zaman dan perkembangan masyarakat khususnya wanita pada hari ini.

Melalui novel ini pengarang memaparkan pengalaman wanita menghadapi lelaki yang menekankan tugas wanita atau isteri itu hanya di sekitar lingkungan terhad, iaitu melahirkan anak, menjadi ibu dan suri rumahtangga, suatu peranan domestik yang digariskan sejak sekian lama dalam tradisi masyarakat. Paradigma itu juga dipegang oleh bekas suami Zakiyah, Rafei yang akhirnya membawa kepada keruntuhan rumahtangganya. Melalui novelnya, pengarang menyampaikan protes yang menolak tanggapan terhadap peranan terhad wanita, dan pada masa yang sama menyatakan keinginan wanita untuk mempamerkan kebolehan di luar dari ruang domestik. Tambahan pula dengan kemajuan wanita pada hari ini yang menyaksikan ramai wanita telah memasuki ruang umum dan membuktikan kemampuan mereka melaksanakan pelbagai tugas dan tanggungjawab yang diberikan. Malah wanita yang bergelar isteri juga tidak sudi lagi ditempatkan di ruang peribadi semata-mata. Dalam novel ini, pengarang menegaskan bahawa wanita juga inginkan ruang dan kebebasan untuk diri mereka sendiri, dan tidak ingin hidup terkurung dalam jaringan dapur di rumah. Malah hakikatnya, ramai wanita yang bersuami tidak lagi bergantung kepada suami sepenuhnya kerana

isteri turut bekerja di luar rumah seperti yang diketengahkan pengarang melalui watak Zakiyyah.

Selain pengalaman masalah ketidakadilan gender, wanita juga berdepan dengan masyarakat yang memandang rendah kepada wanita berusia dan tidak berkahwin. Wanita tidak berkahwin atau digelar 'anak dara tua' sering dipandang dengan penuh prejudis oleh masyarakat. Mereka dilontar dengan pelbagai fitnah dan penghinaan masyarakat, meskipun wanita tersebut tidak melanggar sebarang tatasusila masyarakat. Pengalaman buruk wanita tidak berkahwin dalam masyarakat diangkat sebagai satu isu penting dalam *Salam Maria*. Pengalaman tersebut didedahkan melalui kisah hidup watak Maria Zaitun yang dihina dan difitnah hanya kerana status dirinya yang tidak berkahwin, lalu digambarkan sebagai (Fatimah, 2004, p.9):

Perempuan yang tidak direstui Tuhan. Begitulah, sedang orang perempuan lain sepertinya ada kekasih yang baik dan setia berteman di mana-mana sahaja, dia sering juga dengan dirinya sendiri macam pohon kayu yang ditakdirkan tumbuh sebatang sahaja, menunggal di tengah-tengah padang pasir yang gersang! Memalukan diri sendiri, uh!

Pengalaman kehidupan wanita tidak berkahwin seperti Maria Zaitun menjadi bertambah sukar kerana anggota masyarakat bukan saja meminggirkan dirinya, malah seakan berpakat memulanya. Kewujudan Maria Zaitun di tengah-tengah masyarakat dianggap sebagai musuh yang ditakuti dan dibenci oleh semua orang. Melalui novelnya, pengarang memaparkan pengalaman buruk Maria Zaitun, apabila setiap ruang kehidupannya diisi dengan cemuhan, hinaan, kebencian dan permusuhan oleh anggota masyarakat. Ia mencetuskan kebimbangan dan ketakutan masyarakat terhadap wanita yang tidak berkahwin, sehingga wanita seperti Maria Zaitun dinafikan semua peluang untuk mempunyai pekerjaan dan menjalani kehidupan biasa seperti orang lain. Pemaparan tersebut sekali imbas kelihatan agak melampau, atau sengaja diada-adakan, tetapi itulah cara pengarang melihat kedudukan wanita tidak berkahwin dalam masyarakat. Mereka sering dikaitkan dengan perbuatan tidak bermoral, sehingga mencetuskan tanggapan negatif seperti yang dialami Maria apabila dirinya dituduh sebagai "seorang perempuan yang tidak pernah berkahwin seumur hidupnya, menjadi sundal di merata ceruk kota, bertukar ganti kekasih keliling pinggang" (ibid, p.56).

Berdasarkan gambaran di atas, pengarang ingin memperlihatkan betapa rendah dan hinanya tanggapan dan pandangan masyarakat terhadap wanita tidak berkahwin, sehingga dianggap sebagai 'sampah' atau perosak masyarakat. Justeru, dalam konteks novel ini Fatimah Busu membela golongan wanita seperti ini dengan menggambarkan kehidupan wanita tidak berkahwin yang hidup cara sederhana dan sentiasa mendekati diri dengan Tuhan. Pengarang menunjukkan bahawa wanita tidak berkahwin adakalanya lebih mulia dan tinggi martabatnya di sisi Tuhan, seperti yang diperlihatkan dalam perjalanan hidup Maria Zaitun yang hanya mencari cinta dan keredhaan Allah SWT. Menerusi novel ini, Maria Zaitun dipotretkan dengan bayangan sifat-sifat dan perwatakan para wali wanita terkenal dalam sejarah Islam.

Isu yang dikemukakan pengarang tersebut dilihat sebagai usaha memberi imej yang baik dan positif terhadap wanita tidak berkahwin, dengan tujuan meningkatkan martabat wanita. Lebih penting daripada itu, ianya memperlihatkan usaha pengarang dalam menghasilkan *representation of women's experience* yang bertentangan dengan imej wanita tidak berkahwin dalam tanggapan masyarakat patriarki. Dengan menjadikan imej wanita tidak berkahwin sebagai subjek utama penulisan, pengarang sebenarnya menampilkan pengalaman wanita di tengah-tengah masyarakat. Berdasarkan naratifnya itu, dapat dikesan gagasan pengarang bahawa taraf dan kedudukan seseorang manusia di muka bumi ini bukan ditentukan oleh sesama manusia, sebaliknya oleh Tuhan. Sebagai manusia tiada sesiapa yang berhak untuk menilai dan menghukum sesama manusia berdasarkan nilai-nilai ciptaan masyarakat, seperti pemaparan pengalaman wanita dalam Salam Maria oleh Fatimah Busu.

Sementara di Brunei Darussalam, didapati pengarang memaparkan pengalaman wanita yang agak berbeza ketika berdepan dengan lelaki atau masyarakatnya. Memang pengarang wanita memberi perhatian khusus terhadap pengalaman sosial wanita dalam sosiobudaya masyarakat, tetapi gambaran tersebut tidak memperlihatkan adanya pertentangan antara wanita-lelaki atau wanita-norma masyarakat. Walaupun pengarang mengaitkan wanita dengan peranan domestik, tetapi pada masa yang sama mereka turut terlibat dalam peranan ruang umum. Malah para wanitanya berperanan penting dalam pembinaan asas yang menjadi tonggak pembangunan ekonomi keluarga. Melalui novel

Watak nenda, mama, dan seterusnya Ameerah, mereka adalah wanita yang mewarisi kekayaan daripada moyang dari beberapa generasi. Watak-watak lelaki pula seperti atuk, dan ayah adalah lelaki yang bersama-sama meneruskan legasi keluarga, tanpa menimbulkan sebarang konflik dalam konteks hubungan wanita-lelaki. Ini bermaksud, pengalaman wanita yang dipaparkan dalam novel oleh pengarang wanita Brunei Darussalam tidak memperlihatkan sebarang pengalaman wanita yang tertindas.

Melalui novel *Gerun*, ungkapan pengalaman wanita terbahagi kepada dua fasa, iaitu pertama fasa dunia nyata dan kedua, fasa dunia semasa koma. Dalam fasa pertama, pengarang mencitrakan kisah wanita yang sukakan kehidupan mewah dan moden serta suka bersosial. Misalnya watak mama, walaupun diasuh oleh nenda (ibu mama) agar menjadi muslimah sejati, tetapi setelah berkahwin mama lebih suka bersosial. Kecewa dengan sikap mama, nenda mengasuh Ameerah, cucu kesayangan agar dapat memenuhi cita-citanya menjadi muslimah sejati. Namun ternyata, cucu kesayangannya juga mengikut mama, malah memiliki sikap yang sombong dan angkuh dengan kemewahan yang dimiliki. Peringkat awal cerita, pengarang memaparkan pengalaman wanita yang bersikap negatif. Mama dan Ameerah.

Sementara dalam fasa kedua, adalah ketika Ameerah pengsan dan berada dalam situasi koma, iaitu suatu keadaan di mana dia tidak memberi tindakbalas kepada persekitaran dan tiada komunikasi dengan dunia luar. Semasa dalam situasi koma itu, Ameerah melalui satu pengalaman hidup dalam dunia yang berbeza dan menakutkan. Dia berdepan dengan situasi perniagaan keluarganya jatuh mufliis, sehingga dia terpaksa bekerja sebagai pembantu rumah di sebuah rumah agam di sebuah negara di Timur Tengah. Di rumah tersebut dia menjalani kehidupan yang sangat memeritkan dan sukar, dan akhirnya dia membunuh tuan rumah yang cuba memperkosanya. Dia didapati bersalah dan dijatuhi hukuman bunuh. Ketika itulah dia berasa sangat insaf, dan teringat segala pesanan nendanya.

Tiba-tiba saja hatiku tersentuh. Naluriku digamit rasa yang sukar kuselami takah kedukaannya. Air mata mula menggenangi kelopak mata. Di mana Tuhanku selama aku menempuh hidup ini. Azan yang berlalu setiap lima kali sehari bertahun ini hanya merentasi ruang telinga tanpa meninggalkan kesan di ufuk batinku (2013, p.233).

Keinsafan tersebut menyebabkan Ameerah bertaubat sesungguh hati. Ketika dia ditanyakan permintaan terakhir sebelum dijatuhi hukuman pancung, dia hanya meminta sehelai sejadah untuk solat, sehelai kain telekung dan sebuah al-Quran. Pada hari hukuman dijatuhkan kepadanya, ketika itulah Ameerah tersedar daripada perjalanan hidup di dunia lain, selama dia koma dalam tempo seminggu. Setelah tersedar daripada koma, sikap, pemikiran dan perlakuan Ameerah berubah seratus peratus. Keinsafan dan taubat yang dialami dalam fasa koma, telah dibawa langsung pada kehidupan di dunia nyata. Perubahan tersebut juga berlaku kepada abah dan mama Ameerah setelah dia bercerita tentang semua pengalamannya sewaktu berada di alam koma, yang memberi keinsafan kepada kedua ibu bapanya.

Pengarang novel *Kembara Mencari Cahaya* juga didapati membahagikan pengalaman wanita dalam karyanya kepada dua latar utama, iaitu pertama ketika Dorianna berada di London, dan kedua, ketika dia berada di Brunei Darussalam. Sewaktu berada di negara asalnya, Dorianna digambarkan sudah pun memperlihatkan sikap yang berbeza berbanding dengan wanita lain yang seusia dengannya. Bertugas sebagai seorang jurugambar dan pereka desain untuk sebuah majalah terkemuka di London, tetapi kehidupannya tidak tersasar. Ini digambarkan oleh pengarang seperti berikut;

“Dia tidak suka berparti. Dia tidak suka menghadiri majlis seperti itu. Dia tidak suka pada bau arak dan keadaan hingar-bingar yang ada pada parti pada malam itu! Memang ia tampak berlawanan dengan dirinya – seorang wanita muda Barat yang anggun. Tetapi itulah dirinya. Dia tidak suka berparti. Nokhtah.” (2014, p.11).

Dengan latar belakang Dorianna yang sedemikian, maka tidak hairanlah apabila berada di Brunei dia memperlihatkan sikapnya yang suka kepada Laila, yang berpenampilan sebagai wanita lasak tetapi solehah. Memerhatikan kehidupan Laila sekeluarga yang taat beragama, telah membuka hatinya untuk melafazkan syahadah. Malah dia sendiri tahu bahawa ibu bapanya adalah muslim, meskipun dia sendiri tidak pernah melakukan amalan selaku orang muslim. Setelah itu Dorianna mengahwini abang Laila, bertemu dengan ibu kandungnya. Tidak ada sebarang pengalaman yang dapat dikaitkan dengan masalah ketidakadilan gender, atau wanita berdepan dengan masyarakat yang

memandang rendah kepada wanita. Oleh itu, kedua-dua pengarang wanita Brunei Darussalam yang diperkatakan di sini, ternyata tidak mengungkapkan pengalaman wanita secara khusus seperti saranan model budaya wanita.

Sementara dua orang pengarang wanita **Singapura** yang novel mereka dipilih juga banyak memaparkan pengalaman wanita dalam kehidupan mereka di kota Singapura, tetapi pengalaman tersebut tidak merujuk kepada peranan wanita bersifat domestik, sementara lelaki berperanan di luar rumah atau lingkungan umum khususnya sebagai tulang belakang ekonomi keluarga. Pandangan yang dikatakan telah menjadi semacam panduan sosial bagi kebanyakan masyarakat di dunia, sekali gus menyempit dan menghadkan peranan kaum wanita tersebut tidak ditimbulkan dalam karya pengarang wanita Singapura. Sebaliknya, watak wanita bernama Anie dalam novel *Kalut* dan watak Emma dalam novel *Emma dan Hud* ternyata merupakan wanita yang bebas membuat pilihan untuk berada di dalam kedua-dua domain domestic dan public. Mereka adalah wanita yang berkerja dan tidak berdepan dengan sebarang permasalahan yang dikaitkan dengan pembahagian peranan gender, atau berdepan dengan tanggapan masyarakat yang berpaksikan patriarki. Tidak seperti yang dipaparkan oleh rakan mereka di Indonesia dan Malaysia, pengarang Singapura memaparkan pengalaman wanita yang biasa dan tidak dikaitkan dengan saranan model budaya wanita.

3.3 Pemaparan Simbol-Simbol Wanita

Menurut Showalter, dalam budaya wanita wujudnya *symbols which are not simply the obverse of the male tradition* (1982, p.34). Oleh itu, apabila meneliti budaya wanita dalam penulisan novel wanita akan ditemui simbol-simbol wanita yang tersendiri, yang mewakili diri, pemikiran dan identiti wanita. Antara simbol penting yang mendasari pemikiran wanita adalah yang berhubung dengan unsur mistik. Moers dalam kajiannya menyebutnya sebagai female mysticism, iaitu pengarang wanita dikatakan cenderung memuatkan pemikiran mistik sebagai satu isu penulisan mereka. Showalter menyebut simbol wanita dalam penulisan adalah melambangkan diri, minda dan identiti wanita itu sendiri. Kecenderungan tersebut juga dapat dikesan dalam penulisan pengarang wanita

di Indonesia, apabila hampir semua pengarang yang dikaji telah mengemukakan persoalan tersebut di dalam novel.

Unsur-unsur ghaib yang tidak dapat diselami pemikiran manusia dapat dikesan dalam novel *Tarian Bumi* dan *Dari Lembah Ke Coolibah*. Dalam *Tarian Bumi* dan *Dari Lembah Ke Coolibah* pula menyelitkan mitos terkenal dalam masyarakat Jawa, iaitu kisah tokoh wanita yang bernama Nyai Lara Kidul sebagai sisipan plot cerita. Nyai Lara Kidul adalah tokoh wanita dalam tradisi mitos masyarakat Jawa, yang asalnya dikatakan merupakan puteri dari Pejajaran, bernama Dewi Retna Suwida, anak Prabu Mundhingsari dari isteri bernama Dewi Sarwedi. Dia dikatakan melarikan diri daripada istana dan bertapa di gunung Gombang dan memiliki kelebihan dapat menukar rupa sebagai lelaki atau wanita. Lara Kidul tidak bersuami (larangan bagi wa'adatnya) dan menjadi ratu makhluk halus di seluruh pulau Jawa⁸. Walaupun kisah-kisah yang berhubung dengan tokoh Nyai Lara Kidul dalam kedua-dua buah novel tersebut tidak begitu menyumbang kepada perkembangan plot cerita, tetapi memperlihatkan bahawa kewujudan unsur-unsur tersebut menjadi semacam satu kemestian dalam naratif yang dihasilkan oleh para pengarang wanita. Oleh yang demikian, fenomena tersebut dilihat sebagai salah satu cara atau kaedah bagi pengarang menterjemahkan pengalaman dan symbol yang mendasari pola pemikiran wanita.

Daripada contoh-contoh tersebut, dapat dirumuskan bahawa dunia mistik dan mitos merupakan sebahagian daripada aspek budaya (amalan hidup) wanita atau sering dikaitkan dengan pengalaman spiritual wanita. Dalam penulisan wanita ia dilihat sebagai pemaparan simbol-simbol tertentu, antaranya untuk menyampaikan permasalahan psikologi wanita, selaras dengan pandangan literature represents the psychological dilemmas of women in mythical figures (Humm, 1989, p.145). Fenomena tersebut dikesan dalam *Dari Lembah Ke Coolibah* ketika pengarang melukiskan masalah psikologi pada Ibu Noor. Dalam hal ini, Weigle menyatakan bahawa wanita kelompok minoriti seperti wanita kulit hitam mengungkapkan permasalahan sosial yang dihadapi mereka

⁸ Keterangan ini boleh dilihat dalam artikel berjudul "Arusbawah: Mitos Nyai Lara Kidul." (2004) dalam laman web http://arus.kerjabudaya.org/htm/sejarah-Hersri_Loro_Kidul.htm 3/11/04.

melalui metafora atau topeng. Unsur mitos juga digunakan sebagai satu cara untuk merombak gambaran imej wanita yang terdapat dalam mitos lelaki,

Selain itu, unsur mitos dan mistik juga telah digunakan sebagai kunci untuk mentafsirkan pengalaman wanita. Oleh itu, penggunaan unsur mistik dan mitos yang dikesan dalam penulisan wanita Indonesia jelas berhubung dengan pandangan feminisme. Sekaligus bersesuaian dengan pendapat Showalter bahawa penulisan wanita menjadi symbols which are not simple the obverse of the male tradition (1982, p.33). Penemuan pada novel *Tarian Bumi*, dan *Dari Lembah Ke Coolibah* telah menjelas dan membuktikan situasi tersebut.

Berdasarkan perbincangan di atas, menunjukkan cara-cara model budaya wanita gagasan Showalter dapat membantu pembaca untuk memahami teks-teks yang dihasilkan oleh wanita. Corak kehidupan yang diketengahkan mempamerkan nilai-nilai bersama dan bentuk-bentuk hubungan dalam budaya wanita, yang memperlihatkan kekuatan dan perpaduan wanita dalam novel pengarang wanita terpilih. Ianya menjadi elemen penting yang membentuk kekuatan wanita bagi berdepan dengan apa jua bentuk permasalahan yang wujud dalam dunia wanita, khususnya dalam konteks hubungan wanita-lelaki seperti yang diutarakan oleh feminis. Pengalaman wanita yang digarap oleh pengarang membuktikan kebanggaan mereka dengan sifat-sifat manusia paling penting dalam diri mereka. Manakala dunia mistik atau mitos merupakan sebahagian daripada amalan hidup wanita yang dikaitkan dengan pengalaman spiritual wanita. Ianya dilihat sebagai pemaparan simbol-simbol tertentu, iaitu untuk menyampaikan permasalahan psikologi wanita, sebagai cara merombak gambaran imej wanita dalam mitos lelaki, dan juga sebagai kunci untuk mentafsirkan pengalaman wanita. Justeru, model budaya wanita dapat mengarah dan memandu pembaca ke arah memahami teks-teks penghasilan wanita. Selain itu, model budaya wanita juga membuktikan dalam penulisan wanita wujudnya *double-voiced discourse* yang mengandungi ciri-ciri sosial, sastera dan warisan budaya kedua-duanya, iaitu muted dan dominant seperti yang disebut Showalter dalam modelnya. Walaupun penulisan wanita lebih berpusat kepada wanita (women-centredness) bagi menjelaskan tentang budaya wanita, tetapi pembincangannya wujud di tengah-tengah budaya umum yang dikongsi secara bersama oleh lelaki dan wanita.

Justeru, biarpun novel terpilih cenderung bercerita tentang dunia wanita, namun pengarang sebenarnya turut melukiskan cerita tentang lelaki khususnya dalam soal interaksi wanita-lelaki dalam masyarakat.

Di Malaysia, gambaran *female mysticism* yang memuatkan unsur-unsur ghaib yang tidak dapat diselami oleh pemikiran manusia, antaranya dikesan dalam penulisan *Salam Maria*. Pengarang melukiskan kisah pengembaraan roh di kalangan mereka yang mengalami pengsan misteri selama dua tahun, dua bulan, dua minggu dan dua hari. Mereka yang pengsan tersebut terdiri di kalangan petugas dan pengunjung masjid negara yang menghalau Maria Zaitun sewaktu beliau singgah sembayang di masjid tersebut. Semasa pengsan, roh mereka telah dibawa ke suatu jalan yang lurus, lebar dan sunyi dan di sepanjang jalan tersebut mereka temui deretan wakaf marmar, hidangan dalam dulang emas, perak dan telaga susu. Di alam sana mereka diberitahu oleh suara ghaib bahawa semua itu adalah disediakan untuk Maria Zaitun, dan mereka semua tidak dibenarkan menyentuhnya. Orang pertama sedar dari pengsan yang panjang tersebut ialah Imam masjid, iaitu apabila cucunya yang membaca al-Quran selama dua hari, dan tiba pada surah an-nur ayat ke-23 yang memperkatakan tentang hukuman Allah kepada mereka yang memfitnah wanita yang baik. Kehidupan mereka sebelum pengsan adalah lambang yang mewakili kehidupan mereka dalam kegelapan dan tempoh pengsan selama dua tahun dua bulan dua minggu dan dua hari pula melambangkan tempoh penurunan kitab suci al-Quran yang memberikan cahaya pada kegelapan tadi. Persitiwa pengsan misteri itu sendiri adalah melambangkan falsafah keagamaan pengarang yang cuba mengaitkan nilai dan tanggapan masyarakat terhadap wanita dan menghubungkannya dengan persepsi agama. Begitu juga dengan gambaran Maria Zaitun ketika menggali kuburnya sendiri adalah dikaitkan dengan perbuatan Sayyidah Nafisah, seorang figure wanita sufi yang semangatnya disuntik pada watak Maria Zaitun. Selain itu, penggunaan imej tokoh-tokoh wanita sufi dalam Islam seperti Rabeah al-Adawiyah, Siti Khadijah, Mariam Imran, Fatimah al-Zahara dan Asiah sebagai model contoh bagi wanita seperti Maria Zaitun untuk mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan akhirat. Hal ini melambangkan pemikiran pengarang berhubung cita-cita untuk mengungkapkan corak kehidupan wanita yang mulia dalam mencari dan merebut keredhaan Tuhan. Dalam soal ini, pengarang menyerlahkan pengalaman mistik wanita

(*female mysticism*) melalui simbol-simbol berbentuk kejadian, tokoh dan peristiwa yang berhubung dengan gagasan Islamnya.

Gaya tersebut ditampilkan secara berbeza oleh Azmah Nordin yang menggunakan watak dan perwatakan binatang sebagai simbol yang melambangkan bentuk pemikiran masyarakat terhadap wanita. Dalam *Menongkah Lumrah*, pengarang menggambarkan sifat-sifat wanita pada Zakiyyah yang 'banyak bercakap' atau 'pandai bercakap' ketika dalam situasi bekerja, para lelaki di pejabatnya memanggil beliau sebagai 'kambing betina' yang sering 'mengembek-ngembek'. Pada mulanya mereka menganggap Zakiyyah hanyalah 'kambing betina biasa' kerana pada mereka sebagai wanita beliau tentu hanya mampu 'mengembek'. Namun apabila melihat kesungguhan dan ketegasan Zakiyyah dalam urusan kerja sehingga meletak dirinya di kedudukan yang setaraf dengan ahli lembaga pengarah lain yang semuanya lelaki, ia membawa pada peralihan lambang. Penggunaan istilah 'kambing betina' beralih kepada 'kambing betina luar biasa'. Peralihan simbol tersebut dikesan dalam percakapan salah seorang ahli lembaga pengarah syarikat apabila menyatakan (Azmah, 1996, p.5):

Ah, kalau kambing betina biasa, takkanlah mampu menapak di tingkat teratas di bangunan firma PBC ini? Setaraf dengan kita - di tingkat sepuluh!" tingkah Kamarul Arfat, sinis. "Dia itu kambing betina luar biasa", tukasnya.

Penggunaan kata nama 'kambing betina luar biasa' dan apalagi dihubungkan pula dengan sifat-sifat yang suka 'mengembek', dan 'menanduk' adalah simbol yang melambangkan sifat-sifat aktif dan progresif pada diri Zakiyyah. Ia relevan dengan perwatakannya yang tidak berdiam diri apabila merasa perlu bersuara, baik ketika menjalankan tugasnya atau mempertahankan sesuatu berhubung kerja atau peribadinya. Ketegasan sikap dan kelincahannya dalam bertindak menyebabkan rakan-rakan lelaki melabelkannya dengan gelaran tersebut. Selepas gelaran 'kambing betina luar biasa', Zakiyyah digelar pula dengan 'kambing gurun betina' dan seterusnya 'kambing gurun betina korporat', seperti pendapat seorang ahli lembaga, iaitu (ibid, p.:5):

"Setahu aku, kambing gurun betina yang suka buat kerja menapak di lereng berbatu yang amat curam!" kata T.B.
"Hisy! Kambing gurun betina korporatkah dia?"

Kata-kata nama perlambangan tersebut ditimbulkan dalam perbualan antara para lelaki yang menjadikan Zakiyyah sebagai 'musuh' dalam syarikat perniagaan tersebut. Para ahli lembaga pengarah syarikat tersebut tidak dapat menerima persaingan hebat yang diberikan oleh seorang wanita, kerana selamanya mereka menganggap wanita sebagai *the second sex* yang tidak setaraf dengan diri mereka. Sehubungan dengan itu, mereka juga tanpa segan silu mengaku atau melabelkan diri mereka sendiri sebagai 'serigala' atau 'serigala wang' yang melambangkan sifat-sifat musuh dan pemangsa kepada mangsa 'kambing gurun' yang dilabel pada Zakiyyah. Dalam konteks ini, kambing gurun adalah makhluk yang lemah di mata seekor serigala yang sentiasa menjadikan kambing sebagai mangsa atau makanan bagi serigala yang sifatnya garang, tangkas, dan kuat berbanding kambing. Simbol binatang yang digunakan tersebut menampilkan sikap dan pemikiran pengarang tentang kewujudan bias gender dalam masyarakat di mana kedudukan wanita yang sentiasa dianggap lebih rendah daripada lelaki. Bagi menyampaikan pemikiran tersebut, Azmah Nordin menggunakan kata perlambangan yang tersendiri dan jarang dipakai dalam masyarakat. Hal ini menunjukkan cara-cara pengarang menghasilkan representation of women's experience dengan memanipulasi simbol-simbolnya sendiri mewakili pemikirannya. Model budaya menyebut bahawa pemakaian simbol-simbol dan penerapan seumpama itu lazimnya sukar ditemui dalam tradisi penulisan lelaki.

Bagi pengarang wanita Brunei Darussalam, unsur-unsur ghaib atau mistik yang tidak dapat diselami pemikiran manusia dapat ditemui dalam novel *Gerun*, iaitu ketika pengarang memaparkan kehidupan watak wanitanya, Ameerah berada dalam satu kehidupan di alam yang tidak dapat dimasuki oleh manusia biasa, iaitu alam koma. Ketika berada di alam tersebut, watak wanitanya menjalani satu kehidupan lain yang berlawanan sama sekali dengan kehidupannya ketika berada di dunia nyata. Kehidupan di alam lain tersebut merupakan satu ujian kepada wanitanya, apabila terpaksa menjalani kesusahan akibat perniagaan keluarganya jatuh muflis, merasai kepayahan hidup apabila menjadi pembantu rumah di sebuah rumah orang kaya di Timur Tengah. Kemuncak kepada keperitan pengalaman wanita di alam tersebut ialah ketika dia cuba diperkosa oleh majikannya, dan akhirnya dia menjadi seorang pembunuh majikannya tersebut. Atas kesalahan tersebut Ameerah dipenjara, dibicarakan dan dijatuhi hukuman

mati. Sewaktu berada dalam alam ghaib itulah watak Ameerah menemui keinsafan bahawa selama ini dia hidup dalam kelalaian dan kesombongan dengan sesama manusia. Ketika dia kembali sedar selepas pengsan dan koma selama seminggu, ternyata watak-watak wanitanya mulai sedar dan insaf serta akhirnya kembali kepada corak kehidupan yang dituntut oleh syariat Islam.

Dalam konteks ini, penggunaan alam ghaib atau koma oleh pengarang adalah sebagai suatu teknik untuk menjustifikasikan perubahan sikap dan perlakuan watak wanitanya. Meskipun kaedah penggunaannya adalah berbeza, namun ia mengesahkan bahawa budaya wanita dalam penulisan novel wanita selalunya akan ditemui simbol-simbol wanita yang mewakili diri, pemikiran dan identiti wanita. Antara simbol penting yang mendasari pemikiran wanita adalah berhubung dengan unsur mistik (*female mysticism*), namun kecenderungan tersebut agak kurang ditemui dalam penulisan pengarang wanita Brunei Darussalam, tetapi tidak pula bermakna ia langsung tidak wujud. Namun dalam novel kedua dari Brunei, iaitu *Kembara Mencari Cahaya* langsung tidak menyentuh persoalan mistik ini dalam naratifnya.

Di Singapura, dalam budaya wanita seringkali wujudnya symbol-simbol yang berada di luar kelaziman atau kebiasaan tradisi lelaki seperti yang dinyatakan oleh Showalter. Justeru, seringkali apabila meneliti budaya wanita dalam penulisan mereka akan ditemui simbol-simbol yang tersendiri, yang mewakili diri, pemikiran dan identiti wanita. Antara simbol penting yang mendasari pemikiran wanita adalah yang berhubung dengan unsur mistik. Moers dalam kajiannya menyebutnya sebagai *female mysticism*, iaitu menyatakan bahawa pengarang wanita cenderung memuatkan pemikiran mistik sebagai satu isu sisipan dalam penulisan mereka. Simbol tersebut adalah melambangkan diri, minda dan identiti wanita itu sendiri. Kecenderungan tersebut juga dapat dikesan dalam penulisan pengarang wanita di Singapura, khususnya Rohani Din melalui novel *Kalut*. Melalui novel ini, dapat dilihat dengan ketara gambaran kepercayaan bahawa wujudnya penyerapan unsur-unsur makhluk ghaib atau pengetahuan yang tidak dapat diakses oleh akal, tetapi dapat dicapai melalui perenungan dan penyerahan diri. Gambaran tersebut dapat dilihat sejak awal hingga akhir naratif *Kalut*, ketika watak Anie percaya bahawa jasad anaknya yang terbaring koma di katil hospital berada di bawah

genggaman entiti yang tidak kelihatan. Kepercayaan tersebut lebih meyakinkan apabila setiap kali Siti sedar, membuka mata dan berusaha untuk menggigit apa sahaja yang berdekatan dengan dirinya, termasuk tangan ibunya, malah tangannya sendiri. Malah pada banyak keadaannya Siti digambarkan berada di luar sedar, seperti gambaran ini;

Tetapi seperti malam-malam yang lain juga, pada jam 12 malam Siti seolah-olah bergelut dengan sesuatu yang mata kasarku tidak dapat mengesan dan melihat. Sekalipun menjegil sehingga hampir terkeluar biji mata, makhluk yang mengganggu Siti itu tetap tidak kelihatan (2017, p.64).

Yang dimaksudkan dengan 'makhluk' yang mengganggu Siti dalam petikan di atas adalah merupakan 'makhluk halus', iaitu makhluk-makhluk yang dicipta oleh Allah SWT tanpa berjisim yang pada kebiasaannya tidak dapat dilihat oleh mata atau dirasa dengan tangan. Mereka hidup di alam ghaib. Makhluk-makhluk ini ada asal kejadiannya daripada cahaya, iaitu malaikat, yang sentiasa taat kepada perintah Allah, dan ada yang asal kejadiannya daripada api, iaitu yang terdiri daripada jin, iblis, syaitan dan sebagainya. Beriman atau mempercayai tentang adanya makhluk halus dan hal-hal yang ghaib seperti ini adalah di antara ciri-ciri mukmin yang bertakwa kepada Allah SWT. Justeru, Anie sentiasa menemani Siti dengan duduk di sebelah katilnya, dan mengisi setiap waktunya di situ dengan membaca al-Quran sehingga khatam. Kewujudan makhluk-makhluk halus yang jahat, menyebabkan seseorang yang beriman akan terus merasa yakin tentang adanya pertolongan Allah. Allah SWT, maka dengan itu Anie tidak pernah lepas membaca al-Quran dan berdoa meminta pertolongan Tuhan untuk mengatasi masalah anaknya itu. Paparan serangan makhluk halus dan persediaan manusia untuk berdepan dengannya dapat dilihat pada petikan di bawah;

Siti menarik tanganku. Mulanya aku fikirkan Siti hendak bersalaman dan mencium tanganku. Aku menurut sahaja. Tetapi bila aku lihat dia membuka mulut selebar-lebarnya dan hendak menggigit atau embaham tanganku, aku terpaksa merentap seperti orang bergelut dalam perkelahian. Ah! Ini pasti bukan Siti tetapi entahkan polong, entahkan pelesit, entahkan jembalang, entahkan Pontianak, entahkan jin mana yang menginap di dalam tubuh Siti. Aku mesti berperang! (2017, p. 65).

“Aku mesti berperang!” adalah frasa yang membayangkan keyakinan dan kekuatan wanita tersebut untuk berdepan dengan gangguan entity yang tidak kelihatan tersebut. Perang yang dilakukan oleh Anie sendiri adalah dengan perbanyakkan membaca al-Quran sehingga khatam dan juga membaca surah-surah yang diyakini dapat menumpaskan musuhnya. Di samping usaha-usaha tersebut, Anie juga menerima pelbagai tawaran daripada bomoh dan ustaz untuk membantunya memulihkan anaknya. Namun yang paling mujarab, adalah usahanya sendiri sehingga ada ketikanya, seusai dia khatam al-Quran, Siti mula sedar dan membuka mata. Unsur-unsur mistik ini hanya terdapat dalam novel *Kalut*, sementara pengarang novel *Emma dan Hud* langsung tidak menyentuhnya unsur-unsur ini dalam penceritaannya. Justeru, meskipun Moers dalam kajiannya menyebutkan pengarang wanita cenderung memuatkan pemikiran mistik sebagai satu isu penulisan mereka, yang melambangkan diri, minda dan identiti wanita itu sendiri, namun tidak semua pengarang wanita memuatkan unsur ini ke dalam karya mereka.

Melalui perbincangan di atas, memperlihatkan model budaya wanita yang dikemukakan oleh Showalter telah dapat membantu pembaca untuk membaca makna teks-teks yang dihasilkan oleh wanita. Pemaparan unsur-unsur budaya wanita, terutamanya yang menggambarkan bahawa semangat persaudaraan wanita telah menjana kekuatan dan perpaduan di kalangan wanita. Semangat itu juga menjadikan wanita lebih kuat dan lebih berupaya menghadapi dan menyelesaikan setiap permasalahan wanita, khususnya dalam konteks hubungan wanita-lelaki seperti yang disarankan oleh feminis. Pengarang juga membentangkan berbagai-bagai jenis dan bentuk pengalaman wanita dalam kehidupan seperti yang boleh dikesan pada watak Zakiyyah (*Menongkah Lumrah*), Maria (*Salam Maria*), Luh Sekar, Luh Kendren (*Tarian Bumi*), Ibu Nur (*Dari Lembah Ke Coolibah*), Ameerah (*Gerun*), dan Anie (*Kalut*). Pemaparan tersebut menyerlahkan hasrat mereka untuk menghasilkan *representations of women's experience* yang bertentangan dengan cara yang dipaparkan oleh lelaki. Selain daripada itu, pengarang juga turut membawakan simbol-simbol yang merujuk kepada sikap, tanggapan dan pemikiran wanita itu sendiri. Pemaparan tersebut dapat

dikesan dengan jelas dalam novel *Menongkah Lumrah* dan *Salam Maria* (Malaysia), *Tarian Bumi* dan *Dari Lembah ke Coolibah* (Indonesia), *Gerun* (Brunei Darussalam), dan *Kalut* (Singapura) yang mewakili penulisan novel pengarang wanita di setiap negara serumpun tersebut.

Dengan itu, adalah penting untuk pengkaji mengenal pasti setiap unsur yang terbentuk dalam budaya wanita, khususnya bagi memahami kaedah pengarang menampilkan budaya mereka ke dalam penulisan novel. Gambaran yang ditemui pada novel-novel yang dikaji, didapati sebahagian pemaparannya adalah selari dengan model budaya gagasan Showalter, iaitu *women's fictions can be read as a double-voiced discourse, containing a "dominant" and a muted story* (198, p.234). Gagasan model budaya ini telah dibuktikan oleh pengarang wanita apabila novel-novel mereka menyerlahkan ciri-ciri sosial, sastera dan warisan budaya kedua-duanya, iaitu lelaki dan wanita seperti yang diingini model budaya. Penelitian terhadapnya akan membuka ruang pengetahuan tentang teks wanita, yang akan menyedarkan golongan wanita dan lelaki, tentang kedudukan dan peranan mereka. Sekali gus untuk mencapai matlamat model budaya yang digagaskan oleh Showalter. Penggarapan cerita oleh pengarang wanita yang dikesan pada novel-novel kajian jelas memaparkan ketiga-tiga elemen penting yang wujud dalam gagasan model budaya Showalter. Oleh itu, adalah amat penting unsur-unsur budaya wanita diberi perhatian serius bagi mengenal pasti pengalaman sebenar wanita dalam kehidupan.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pengarang wanita di negara-negara serumpun telah berkarya bagi mengenengahkan isu-isu wanita yang digubah dalam acuan mereka sendiri. Penggarapan cerita yang dipertalikan dengan aspek biologi dan budaya wanita (dua model yang dibincangkan di sini) telah dibentuk dan dicernakan ke dalam novel, mengikut perspektif, kaedah dan cara masing-masing. Walau bagaimanapun, tahap penerapan setiap unsur tersebut adalah berbeza mengikut isu dan negara. di Indonesia misalnya, novel *Tarian Bumi* oleh Oka Rusmini dan *Dari Lembah Ke Coolibah* oleh Titis Basino memaparkan cara dan gaya dalam puitika sastera wanita yang berhubung rapat dengan aspek-aspek biologi dan budaya yang melingkungi

pengarang seperti yang disarankan Showalter dalam kaedah bacaan ginokritik. Di Malaysia, pengarang Azmah Nordin melalui novel *Menongkah Lumrah* dan Fatimah Busu melalui novel *Salam Maria* juga didapati telah memanfaatkan aspek yang digagaskan dalam model biologi wanita dan budaya wanita ke dalam penulisan mereka. Namun pengarang Norsiah Abdul Gapar melalui *Gerun* dan Nurhafizah Samihon melalui *Kembara Mencari Cahaya* didapati hanya sedikit sahaja bahagian yang mengaitkan naratif mereka dengan aspek biologi wanita dan budaya wanita. Hal yang sama juga berlaku pada pengarang Rohani Din melalui novel *Kalut* dan pengarang Nirrosette melalui novel *Emma* dan *Hud* di Singapura.

Walaupun bagaimanapun, di Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura didapati tidak semua gagasan yang dibentangkan dalam model biologi wanita dan budaya wanita dalam ginokritik sesuai dalam konteks penulisan novel wanita di negara serumpun. Tahap kesesuaian dan keserasian setiap rumus model-model ginokritik, yang sesetengahnya tidak dapat diaplikasi secara maksimum. Hal ini terjadi kerana rumus-rumus teori ginokritik yang dihasilkan di Barat, sesetengahnya kurang sesuai dengan pelaksanaan dalam penulisan wanita di Timur. Perbezaan cara hidup dan budaya wanita di Malaysia dengan di Barat telah menghasilkan beberapa perbezaan dari segi cara, gaya dan kaedah sesebuah naratif itu digarapkan.

Keadaan ini menyaksikan beberapa pembaharuan dalam pembentukan puitika penulisan mereka. Namun, penyimpangan tersebut tidak begitu ketara seperti yang dilakukan oleh pengarang wanita Indonesia. Hal ini berkait rapat dengan latar sosiobudaya masyarakat Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura yang secara umumnya pengarang Melayu beragama Islam masih akur pada nilai-nilai moral, adat, tata susila dan pegangan agama. Walaupun zaman telah berubah, dan berlaku banyak perubahan pada nilai-nilai tersebut, tetapi pada umumnya wanita Melayu masih akur dengan prinsip-prinsip yang wujud dalam sistem nilai masyarakat. Oleh itu, biarpun novel-novel wanita telah menampakkan pembaharuan tertentu, tetapi pada dasarnya ia tidak menyimpang jauh dari asas yang telah sedia ada. Model-model ginokritik yang digunakan dalam penelitian ini jelas telah memperlihatkan tahap-tahap pengarang wanita di negara-negara serumpun membentuk puitika baru dalam penulisan novel. Kajian ini

menunjukkan pengarang wanita di negara-negara serumpun mulai mencuba kaedah baru dalam penulisan. Walaupun percubaan tersebut tidak begitu ketara tetapi kesannya tetap menyerlahkan kelaianan gaya kepengarangan dalam kalangan pengarang wanita di negara-negara serumpun.

Model-model ginokritik ternyata dapat diaplikasi sebagai kaedah bacaan bagi menghayati dan memahami teks-teks yang dihasilkan oleh novel pengarang wanita di negara-negara serumpun Malaysia. Namun begitu, tidak semua gagasan yang dibentangkan dalam setiap model ginokritik didapati sesuai dalam konteks penulisan novel wanita negara serumpun. Tahap kesesuaian dan keserasian setiap rumus model-model ginokritik, yang sesetengahnya tidak dapat diaplikasi secara maksimum. Hal ini terjadi kerana rumus-rumus teori ginokritik yang dihasilkan di Barat, sesetengahnya kurang sesuai dengan pelaksanaan dalam penulisan wanita di Timur. Perbezaan cara hidup dan budaya wanita di negara-negara serumpun dengan di Barat telah menghasilkan beberapa perbezaan dari segi cara, gaya dan kaedah sesebuah naratif itu digarapkan. Namun penghasilan tersebut masih bergerak di atas landasan puitika yang hampir sama, yang menyaksikan pola pemikiran dan proses penciptaan novel wanita di negara-negara serumpun ini adalah berhubung dengan persoalan biologi wanita, dan budaya wanita (dalam konteks perbincangan ini) seperti yang telah dibincangkan.

Rujukan

- Abdul Ahmad. (1994). *Kesusasteraan Bandingan Sebagai Satu Disiplin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abel, Elizabeth. (ed). (1982). *Writing and Sexual Difference*. Chicago: University of Chicago Press.
- Arief Budiman. (1999). "The 1998 Crisis: Change and Continuity in Indonesia" dlm Arief Budiman, Barbara Hatley dan Damien Kingsbury, (ed). *Reformasi: Crisis and Change in Indonesia*. Clayton: Monash Asia Institute. 41-58.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1994). *Kesusasteraan Bandingan Dalam Perbincangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ardener, Shirley (ed). (1993). *Defining Females: The Nature of Women in Society*. Oxford: Berg Publishers Limited.
- Armstrong, Isobel. (1992). *New Feminist Discourses: Critical Essays on Theories and Texts*. London: Routledge.
- Azmah Nordin. (1996). *Menongkah Lumrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baym, Nina. (1987). *The Madwoman and Her Languages: Why I Don't Do Feminist Literary Theory* dlm Benstock, (ed). *Feminist Issues in Literary Scholarship*. Bloomington & Indianapolis: Indiana University Press.
- Bassnett, Susan. (1993). *Comparative Literature A Critical Introduction*. Oxford UK & Cambridge USA: Blackwell.
- Barrett, Michele. (1980). *Women's Oppression Today: Problems in Marxist Feminist Analysis*. London: Verso Editions.
- Beauvoir, Simone de. (1972). *The Second Sex*. Middlesex: Penguin Book.
- Belsey, Catherine and Moore, Jane. (1989). *The Feminist Reader: Essays in Gender and the Politics of Literary Criticism*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Callaway, Helen. (1993). *The Most Essentially Female of All': Giving Birth* dlm Ardener, (ed). *Defining Females: The Nature of Women in Society*. Oxford: Berg Publishers Limited. 146-164.
- Cameron, Deborah. (ed). (1992). *The Feminist Critique of Language: A Reader*. London: Routledge.
- Campbell, Christine. (2004) *Contrary Visions: Women and Work in Malay Novels Written By Women*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheri Register. (1975). *American Feminist Literary Criticism: A Bibliography Introduction* dlm Josephine Donovan, (ed). *Feminist Literary Criticism*. Lexington: Kentucky University Press. 1-28.
- Cixous, Helene. (1989). *Sorties: Out and Out: Attacks/ Ways, Out/Forays* dlm C. Belsey dan J.Moore, (ed). *The Feminist Reader: Essays in Gender and the Politics of Literary Criticism*. London: McMillan. 101-132.
- Cixous, Helene. (1997). *The Laugh of The Medusa* dlm Robyn R. Warhol dan Diane Price Herndl, (ed). *Feminism: an Anthology of Literary Theory and Criticism*. Revised Edition. Hampshire: MacMillan Press Limited. 347-362.
- Chodorow, Nancy J. (1978). *The Reproduction of Mothering: Psychoanalysis and The Sociology of Gender*. Berkeley: University of California Press.
- Chodorow, Nancy J. (1989). *Feminism and Psychoanalytic Theory*. New Haven: Yale University Press.

Culler, Jonathan. (1983). *On Deconstruction: Theory and Criticism after Structuralism*. New York : Cornell University Press.

Donovan, Josephine. (ed). (1975). *Feminist Literary Criticism - Explorations in Theory*. Kentucky: The University Press of Kentucky.

Du Plessis, Rachel Blau. (1985). *For the Etruscans* dlm Showalter, (ed). *The New Feminist Criticism: Essays on Women, Literature, and Theory*. New York: Pantheon.

Eagleton, Mary. (1993). *Feminist Literary Theory: A Reader*. Massachusetts: Basil Blackwell.

Ellmann, Mary. (1968). *Thinking About Women*. London: Macmillan.

Faruk Ht. (2004). *Novelis Wanita dan Budaya Populer* dlm Prosa: Yang Jelita Yang Cerita. Jakarta: PT Metafor Intermedia Indonesia. 115-132.

Fatima Umar Naseef. (1999). *Women In Islam: A Discourse in Right and Obligations*. New Delhi: Sterling Publishers Private Limited.

Fatimah Busu. (1977). *Ombak Bukan Biru*. Kuala Lumpur: Heinemann.

Fatimah Busu. (2004). *Salam Maria*. Rawang: Absolute Press (M) Sdn Bhd.

Felman, Shoshana. (1982). *Literature and Psychoanalysis the Question of Reading, Otherwise*. Baltimore: John Hopkins University Press.

Firestone, Shulamith. (1979). *The Dialectic of Sex: the Case for Feminist Revolution*. London: Women's Press.

Friday, Nancy. (1977). *My Mother/My Self: the Daughter's Search for Identity*. New York : Delacorte Press.

Foulcher, Keith and Tony Day, (ed). (2001). *Clearing A Space: Postcolonial Readings of Modern Indonesian Literature*. Leiden: KITLV Press.

Freud, Sigmund. (1971). *Creative Writers and Day-dreaming* dlm Lodge, (ed). *20th Century Literary Criticism: A Reader*. London: Longman. 36-42.

Gilbert, Sandra M. (1979). *The Madwoman in the Attic: The Woman Writer and the Nineteen-Century Literary Imagination*. London: Yale University Press.

Geertz, Hildred. (1983). *Keluarga Jawa*. Jakarta: Penerbit Grafiti Pers.

Hardjana, Andre. (1981). *Kritik Sastra: Sebuah Pengantar*. Jakarta: PT Gramedia.

Grosz, Elizabeth A. (1995). *Space, Time, and Perversion: Essays on the Politics of Bodies*. New York: Routledge.

Hatley, Barbara. (2002) *Postcoloniality and Feminine in Modern Indonesian Literature* dlm Keith, Foulcher and Day, Tony, (ed). *Clearing A Space: Postcolonial Reading of Modern Indonesian Literature*. Leiden: KITLV Press. 145-182.

Hatley, Barbara. (1999). *Cultural Expression and Social Transformation in Indonesia* dlm Arief Budiman, Barbara Hatley dan Damien Kingsbury, (ed). *Reformasi: Crisis and Change in Indonesia*. Clayton: Monash Asia Institute. 267-285.

Hajah Norsiah binti Abdul Gapar, (2013). *Gerun*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.

Hellwig, Tineke. (1994). *In the Shadow of Change: Images of Women in Indonesian Literature*. Berkeley: Centers for South and Southeast Asia Studies.

Hirschon, Renee. (1993). *Open Body/Close Space: The Transformation of Female Sexuality* dlm Ardener, (ed). *Defining Females: The Nature of Women in Society*. Oxford: Berg Publishers Limited. 51-71.

- Himans, Margaret. (1986). *Bearing the Word: Language and Female Experience in Nineteenth-Century Women's Writing*. London: The University of Chicago Press.
- Homans, Margaret. (1980). *Women Writers and Poetic Identity: Dorothy Wordsworth, Emily Bronte, and Emily Dickinson*. Princeton: Princeton University Press.
- Humm, Maggie. (1986). *Feminist Criticism: Women as contemporary Critic*. Sussex: The Harvester.
- Humm, Maggie. (1989). *The Dictionary of Feminist Theory*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Irigaray, Luce. (1985). *This Sex Which Is Not One*. New York: Cornell University Press.
- Irigaray, Luce. (1992). *Feminists: A Reader*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Irigaray, Luce. (1995). *Practising feminist criticism: an introduction*. London: Harvester Wheatsheaf.
- Jacobus, Marry. (1979). *Women Writing and Writing About Women*. London: Croom Helm.
- Jacobus, Marry. (1986). *Reading Woman Essays in Feminist Criticism*. London: Columbia University Press.
- Kamla Bhasin Nighat Said Khan. (1986). *Some Questions on Feminism and It's Relevance in South Asia*. 1988. New Delhi: Indraprastha Press.
- Kristeva, Julia. (1980) *Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art*. Oxford: Basil Blackwell.
- Leclerc, Annie. (1992) *Woman's Word* dlm Cameron, (ed). (1992). *The Feminist Critique of Language: A Reader*. London: Routledge. 74-79.
- Lerner, Gerda. (1979). *The Challenge of Women's History* dlm *The Majority Finds Its Past: Placing Women in History*. New York: Oxford University Press.
- McCormell-Ginet, Sally. (1980). *Women and Language in Literature and Society*. New York: Praeger.
- Michele Barrett, (ed.). (1978). *Virginia Woolf: Women and Writing*. London: The Women's Press.
- Meyer Spack, Patricia. (1976). *The Female Imagination*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Miller, Nancy K. (1980). *Women's Autobiography in France: For a Dialectics of Identifications*, dlm Sally McCormell-Ginet, Ruth Borker, and Nelly Furman, (ed). *Women and Language in Literature and Society*. New York: Praeger.
- Millet, Kate. (1977). *Sexual Politics*. London: Virago.
- Moers, Ellen. (1976). *Literary Women: The Great Writers*. New York: Oxford University Press.
- Morris, Pam. (1993). *Literature and Feminism: an Introduction*. Oxford: Blackwell.
- Moi, Toril. (1985). *Sexual/Textual Politics: Feminist Literary Theory*. London: Methuen.
- Moi, Toril. (1999). *What Is A Woman? And Others Essays*. Oxford: New York University Press.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati Ab. Rahman. (2012). *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik*. Penang: Penerbit Usm.
- Nirrosette (2018). *Emma dan Hud*. Bandar Baru Bangi: Jemari Seni Sdn Bhd.

- Nurhamizah Samihon, (2014). *Kembara Mencari Cahaya*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Oka Rusmini. (2000). *Tarian Bumi*. Megelang: Indonesia Tera.
- Ostriker, Alicia. (1982). *Writing Like a Woman*. Michigan: The University of Michigan Press.
- Pauwels, Anne. (1998). *Women Changing Language*. London: Longman.
- Peletz, Michael G. (1996). *Reason and Passion: Contrasting Representations of Masculinity in Malay Society*. Berkeley: University of California Press.
- Rich, Adrienne. (1976). *Of Women Born: Motherhood as Experience and Institution*. W.W. New York: Norton.
- Roziyah Omar. (1994) *The Malay Women in The Body: Between Biology and Culture*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rohani Din, (2017). *Kalut*. Jakarta: Penerbit Kosa Kata Kita.
- Seldan, Raman. (1989). *Practising Theory and Reading Literary: An Introduction*. New York. Showalter, Elaine. (1977). *A Literature of Their Own: British Women Novelists From Bronte to Lessing*. Princeton: University of Princeton Press.
- Showalter, Elaine. (1987). *Towards a Feminist Poetics* dlm Rick Rylance, (ed). *Debating Texts: A Reader in Twentieth-Century Literary Theory and Methode*. Milton Keynes: Open University Press. 234-247.
- Showalter, Elaine. (1982). *Feminist Criticism in the Wilderness* dlm Elizabeth Abel, (ed). *Writing and Sexual Difference*. Chicago: University of Chicago Press. 9-36.
- Showalter, Elaine. (1990). *Feminism and Literature* dlm Collier dan Geyer-Ryan, (ed). *Literary Theory Today*. New York: Cornell University Press. 179-202.
- Titis Basino. (2000). *Dari Lembah Ke Collibah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Todorov, Tzvetan. (1981). *Introduction to Poetics*. Sussex: The Harvester Press.
- Woolf, Virginia. (1978). *Women and Fiction* dlm Michele Barrett, (ed). *Virginia Woolf: Women and Writing*. London: Women's Press.
- Woolf, Virginia. (1957). *A Room Of One's Own*. New York: Harcourt Brace Javanovich.